

**PERSEPSI DAN AMALAN PENGAJARAN GURU  
PENDIDIKAN ISLAM, SEKOLAH RENDAH  
DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR**

**NAZIHAH BINTI MOHD FAUZI**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**PERSEPSI DAN AMALAN PENGAJARAN GURU  
PENDIDIKAN ISLAM, SEKOLAH RENDAH  
DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR**

**NAZIHAH BINTI MOHD FAUZI**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: NADIAH MOHD FAUZI

No. Pendaftaran/Matrik: IGB 140003

Nama Ijazah: IJAZAH SARJANA USULUDDIN

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertas/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

PERSEPSI DAN AMALAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN  
ISLAM, SEKOLAH RENDAH DAERAH ANLU LANGKAT, SELANGOR.

Bidang Penyelidikan: PEMIKIRAN ISLAM

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejujurnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sedarinya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh 27.3.2018

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tarikh 22.8.2018

Nama:  
Jawatan:

PROF. DR. MOHD. FAUZI BIN HAMAT  
Timbalan Pengarah (Ijazah Tinggi)  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur

**PERSEPSI DAN AMALAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM,  
SEKOLAH RENDAH DAERAH HULU LANGAT,  
SELANGOR**

**ABSTRAK**

Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan salah satu agenda penting dalam sistem pendidikan di negara ini. Guru merupakan individu yang paling berperanan memastikan hasrat ini tercapai. Justeru, kajian ini dijalankan untuk melihat persepsi guru Pendidikan Islam terhadap KBAT dan amalan pengajaran yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam dalam mengaplikasikan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian tinjauan telah dijalankan kepada 130 orang guru Pendidikan Islam di zon Semenyih, daerah Hulu Langat, Selangor dan menemu bual tujuh orang guru Pendidikan Islam sebagai data sokongan kajian ini. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS 23. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru Pendidikan Islam mempunyai persepsi yang positif terhadap pengajaran KBAT dan mengamalkan KBAT semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian juga menunjukkan wujudnya hubungan di antara persepsi guru Pendidikan Islam terhadap KBAT dengan amalan pengajaran KBAT. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan persepsi dan amalan yang signifikan berdasarkan pengalaman mengajar dan lokasi.

**A STUDY ON PERCEPTION AND TEACHING PRACTICE OF ISLAMIC  
EDUCATION TEACHERS, PRIMARY SCHOOL IN HULU LANGAT  
DISTRICT, SELANGOR**

**ABSTRACT**

High Order Thinking Skills (HOTS) teaching is one of the most important agenda in the country education system nowadays. Teachers are the individu who play an important role to ensure the aspiration being achieved. Therefore, this research is carried out to see the perception of Islamic Studies Teachers toward HOTS and the teaching application that being practised by them in practising HOTS in the teaching and learning process. The survey had been carried out towards 130 Islamic Studies Teachers in Semenyih Zone, Hulu Langat Disctrict, Selangor and interviewing seven teachers as for supporting data for the survey. The data was analysed using SPSS 23. The findings show that Islamic Studies Teachers have positive perception toward HOTS teaching and applied it during teaching and learning session. The findings also show that there are relationships between Islamic Studies Teachers' percperction towards HOTS and the practising of HOTS teaching. In addition, it shows that there is no different perception and the significant practice based on the teaching experience and the location.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian selayaknya hanya untuk Allah. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w., ahli keluarga serta sahabat baginda. Sekalung penghargaan diucapkan kepada penyelia, Prof Madya Dr. Mohd Fauzi bin Hamat di atas bimbingan, tunjuk ajar, kerjasama dan keperihatinan yang diberikan sepanjang perjalanan saya menyempurnakan tesis ini. Tidak lupa juga kepada para pensyarah, staf dan sahabat-sahabat di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam atas tunjuk ajar dan sokongan yang diberikan.

Jutaan terima kasih ditujukan khas buat suami *Saaban bin Ahmad* yang sentiasa berada di samping saya yang melihat jatuh bangun saya dalam perjalanan ini. Juga kepada ibu *Hajah Noriah bt Mohd Daud* dan abah *Haji Mohd Fauzi bin Abd Aziz* yang sentiasa menyokong dan tidak pernah jemu membantu saya dalam memastikan kejayaan saya ke menara gading. Terlalu banyak doa dan bantuan yang kalian taburkan. Hanya Allah selayaknya mengganjari pahala buat kalian berdua. Kepada anak-anak *Sumayyah Syahidah, Khadijah Thahirah, Muhammad Huzaiifah, Fatimah az-Zahra'* dan *Aisyah Humaira'* yang sangat memahami, terima kasih atas sokongan dan doa yang dipanjatkan. Moga usaha ini akan menjadi sumber inspirasi kepada kalian pada masa akan datang. Tidak lupa juga kepada keluarga mertua, mak *Amah binti Abu Bakar* yang sentiasa memahami diri ini serta adik ipar *Siti Aminah binti Ahmad* yang sering meniupkan kata-kata penuh semangat. Semoga Allah merahmati kalian semua.

Terima kasih juga diucapkan kepada sahabat-sahabat guru Pendidikan Islam zon Semenyih daerah Hulu Langat atas kerjasama yang diberikan. Juga kepada semua pihak yang membantu dan menyokong sepanjang perjalanan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. *Barakallahulakum.*

## SENARAI TRANSLITERASI

### I. HURUF

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
أ	<b>A</b>	تأليف	Ta'līf
ب	<b>B</b>	بيروت	Beirūt
ت	<b>T</b>	تعليم	Ta'līm
ث	<b>Th</b>	ثورة	Thawrah
ج	<b>J</b>	جماعة	Jamā'ah
ح	<b>H</b>	حديث	Ḥadīth
خ	<b>Kh</b>	خلدون	Khaldūn
د	<b>D</b>	دار	Dār
ذ	<b>Dh</b>	ذيات	Dhiyād
ر	<b>R</b>	رسالة	Risālah
ز	<b>Z</b>	زيارة	Ziyārah
س	<b>S</b>	سيرة	Sīrah
ش	<b>SH</b>	شريف	Sharīf
ص	<b>S</b>	صف	Şaf
ض	<b>D</b>	ضابط	Dābit
ط	<b>T</b>	طارق	Tāriq
ظ	<b>Z</b>	ظلال	Zilāl

ع	‘	عهد	‘Abd
غ	<b>Gh</b>	غاية	Ghāyah
ف	<b>P</b>	فكر	Fikr
ق	<b>O</b>	قصور	Quṣūr
ك	<b>K</b>	كتاب	Kuttāb
ل	<b>L</b>	لسان	Lisān
م	<b>M</b>	مسجد	Masjid
ن	<b>N</b>	نظرية	Nazariyyah
و	<b>W</b>	وصل	Waṣāla
هـ	<b>H</b>	هدف	Hadaf
ي	<b>Y</b>	يمين	Yamīn

## I. VOKAL PENDEK

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
اَ	<b>A</b>	قَنَات	Qanata
اِ	<b>I</b>	شَرِب	Shariba
اُ	<b>U</b>	جُمُع	Jumi’a



## II. VOKAL PANJANG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
آ/ي	Ā	احياء	Bāb / Ihyā'
او	Ī	تجدید	Tajdīd
اى	Ū	علوم	'Ulūm

## III. DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
و	Aw	قول	Qawl
ي	Ay	غير	Ghayr
ي	iiy / í	عربي	'Arabiyy atau 'arabi (di akhir kalimat)
و	uww / ū	عدو	'Aduww atau 'adū (di akhir kalimat)

## SENARAI KEPENDEKAN

A.S.	-	<i>'Alaihi Salam</i>
Bil	-	Bilangan
Bt	-	Binti
Dr	-	Doktor
Hlm	-	Halaman
<i>Ibid</i>	-	Ibidem
J	-	Jilid
KBAR	-	Kemahiran Berfikir Aras Rendah
KBAT	-	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
M	-	Masihi
No.	-	Nombor
Prof.	-	Profesor
S.A.W	-	<i>Sallallahu 'Alaihi Wasallam</i>
S.W.T	-	<i>Subhanahu Wa Ta'ala</i>
Sdn. Bhd.	-	Sendirian Berhad
T.t	-	Tanpa Tahun
Terj.	-	Terjemahan

## SENARAI RAJAH

RAJAH		HALAMAN
2.0	Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif	34
2.1	Taksonomi Bloom yang disemak semula	36
2.2	Persepsi Guru Terhadap Pengajaran KBAT	45
2.3	Teori Amalan Pengajaran Guru Imam al-Ghazali	50
2.4	Kerangka Konseptual Kajian	58

## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.0	Perbandingan Pemikiran Ibn Khaldun dan KBAT	38
4.1	Profil demografi kajian	92
4.2	Persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT dari aspek nilai pengajaran KBAT	94
4.3	Persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dari aspek efikasi guru	96
4.4	Persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dari aspek sokongan kurikulum dan sekolah	97
4.5	Persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT	99
4.6	Amalan pengajaran kemahiran berfikir guru Pendidikan Islam dari aspek amalan pengajaran kemahiran berfikir aras rendah (KBAR)	101
4.7	Amalan pengajaran kemahiran berfikir guru Pendidikan Islam dari aspek amalan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)	103
4.8	Amalan pengajaran kemahiran berfikir guru Pendidikan Islam dari aspek amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir	106
4.9	Amalan pengajaran kemahiran berfikir guru Pendidikan Islam dari strategi pengajaran yang diamalkan guru	108
4.10	Amalan pengajaran kemahiran berfikir guru Pendidikan Islam dari aspek sikap guru yang menggalakkan pemikiran pelajar	111
4.11	Amalan pengajaran kemahiran berfikir guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah di Sekolah Rendah.	113
4.12	<i>Wliks' Lambda</i> perbezaan persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT berdasarkan	116

	pengalaman mengajar	
4.13	Manova perbezaan persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT berdasarkan pengalaman mengajar	117
4.14	<i>Wliks' Lambda</i> perbezaan persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT berdasarkan lokasi	119
4.15	Manova perbezaan persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi berdasarkan lokasi	120
4.16	<i>Wliks' Lambda</i> perbezaan amalan pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar	123
4.17	Manova perbezaan amalan pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar	123
4.18	<i>Wliks' Lambda</i> perbezaan amalan pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan lokasi	127
4.19	Manova perbezaan amalan pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan lokasi	128
4.20	Korelasi Pearson hubungan antara persepsi guru terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dengan amalan pengajaran kemahiran berfikir	130

## ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
Abstrak	iv
Abstract	v
Penghargaan	vi
Senarai Transliterasi	vii
Senarai Kependekan	x
Senarai Rajah	xi
Senarai Jadual	xii
Isi Kandungan	xiv

### **BAB 1: PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	1
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	10
1.4 Persoalan Kajian	16
1.5 Objektif Kajian	16
1.6 Kepentingan Kajian	17
1.7 Batasan Kajian	18

### **BAB 2: TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	19
2.2 Kemahiran Berfikir dalam Pendidikan	19
2.3 Perkembangan Pengajaran Kemahiran Berfikir	27
2.4 Persepsi Guru Terhadap Pengajaran KBAT	44
	xiv

2.5 Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam terhadap KBAT	50
2.6 Kerangka Kajian	57
2.7 Kajian-kajian Lepas	58
2.8 Rumusan Literatur	81

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	83
3.2 Reka Bentuk Kajian	83
3.3 Metode Pengumpulan Data	84
3.4 Populasi dan Sampel Kajian	85
3.5 Instrumen Kajian	86
3.6 Prosuder Kajian	89
3.7 Metode Analisis Data	89

### **BAB 4: ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	91
4.2 Profil Demografi Kajian	91
4.3 Analisis Dapatan Kajian	93
4.4 Rumusan	132

### **BAB 5 RUMUSAN**

5.1 Pengenalan	134
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	134

5.3 Implikasi Kajian	143
5.4 Cadangan	146
<b>BIBLIOGRAFI</b>	148
<b>LAMPIRAN</b>	

University of Malaya



## BAB 1: PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan secara keseluruhan kajian yang merangkumi latar belakang masalah kajian, pernyataan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan dan batasan kajian.

### 1.2 Latar Belakang Masalah

Akal merupakan anugerah Allah kepada manusia. Dengan akallah yang membezakan antara manusia dengan makhluk ciptaan Allah yang lain. Melalui akal maka terhasillah proses berfikir yang menjadi rutin harian manusia. Berfikir merupakan satu tuntutan agar manusia dapat memahami hakikat penciptaan mereka dan mengenali pencipta-Nya. Al-Quran sentiasa menganjurkan manusia menggunakan akal untuk berfikir. Berfikir adalah sebahagian daripada tuntutan Islam bagi mencapai tahap kefahaman yang benar dalam akidah dan pengamalan ibadah dalam kehidupan seharian. Setiap manusia mampu untuk berfikir tetapi usaha mencapai tahap pemikiran aras tinggi haruslah dipelajari dan diberi galakan sedari usia kecil lagi.

Di dalam Islam berfikir adalah asas pendidikan. Pendidikan ialah kata nama terbitan yang berakar daripada kata dasar ‘didik’ yang bermaksud pelihara, jaga (dengan hati-hati) dan ajar<sup>1</sup>. Pendidikan dalam Bahasa Arab pula biasa disebut dengan istilah *tarbiyyah*. Definisi pendidikan dalam konteks Islam merangkumi dalam konotasi *tarbiyyah*, *ta’līm* dan *ta’dīb*. Walaubagaimanapun Imam Abu Hanifah<sup>2</sup> dan Syed Muhammad Naquib al-Attas<sup>3</sup> lebih cenderung mendefinisikan pendidikan dengan istilah *ta’dīb* iaitu pendidikan ialah penyemaian dan penanaman adab dalam diri

---

<sup>1</sup>Kamus Dewan. Ed. ke-4 (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 350.

<sup>2</sup> Mohd Anuar bin Mamat, *Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Menurut Abu Hanifah al-Nu'man (M.150H/767M)*: Suntingan Ilmiah Kitab al-‘Alim Wa al-Muta’allim, Terjemahan dan Analisis, (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2012),103.

<sup>3</sup> *Ibid.*, 62.

seseorang<sup>4</sup> selari dengan tujuan penciptaan manusia iaitu untuk mencapai '*ubūdiyyah* kepada Allah sw.t dan melaksanakan peranan sebagai khalifah serta menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan berteraskan ilmu dan amalan yang berkualiti<sup>5</sup>. Hal ini kerana istilah *ta'dīb* merangkumi unsur-unsur ilmu (*'ilm*), pengajaran (*ta'līm*) dan pertumbuhbesaran (*tarbiyyah*)<sup>6</sup>. Setelah mengambil kira unsur-unsur keilmuan, kerohanian dan akhlak, Syed Muhammad Naquib al-Attas telah mentakrifkan adab seperti berikut:

Adab ialah pengenalan dan pengiktirafan hakikat bahawa ilmu dan segala yang wujud teratur bertingkat-tingkat mengikut martabat dan darjatnya masing-masing. (Serentak dengan itu) adab juga ialah pengenalan dan pengiktirafan tempat yang wajar bagi seseorang berhubung dengan hakikat tersebut serta dengan kebolehan dan potensi jasadi, akli dan rohani diri masing-masing<sup>7</sup>.

Hassan Langgulung<sup>8</sup> melihat pendidikan dari dua sudut iaitu sudut individu dan kelompok masyarakat. Dari sudut individu, pendidikan didefinisikan sebagai proses mencari dan mengembangkan kebolehan-kebolehan umum yang berbeza setiap manusia yang tersembunyi dalam diri individu. Dengan kata lain, pendidikan dilihat sebagai pengembangan potensi diri. Dari sudut masyarakat pula, pendidikan didefinisikan dengan proses pemindahan kesimpulan penyelidikan yang seseorang tidak dapat atau tidak perlu melakukannya sendiri iaitu dengan masuknya unsur luar ke dalam diri individu manusia. Juga dikenali sebagai pewarisan budaya. Sebagaimana wujudnya nilai-nilai budaya di dalam satu masyarakat haruslah diwarisi untuk memelihara keperibadian dan identiti budaya tersebut di sepanjang zaman. Selain itu, pendidikan juga sebagai satu transaksi iaitu proses memberi dan mengambil antara individu dan

---

<sup>4</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Ismisasi*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2014), 117.

<sup>5</sup> Mohd Anuar bin Mamat, *Tujuan Pendidikan*, 62.

<sup>6</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*, 34.

<sup>7</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud, *Masyarakat Islam Hadhari Suatu Tinjauan Epistemologi dan Kependidikan ke Arah Penyatuan Pemikiran Bangsa*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006) 152.

<sup>8</sup> Hassan Langgulung, *Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke-21*, (Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd., 1991) 56-58.

masyarakat yang juga dikenali sebagai interaksi antara potensi dan budaya yang mana kedua-dua proses tersebut berjalan bersama dan mengisi antara satu sama lain.

Menurut Mohd Kamal Hassan pendidikan merupakan proses di mana perubahan tingkah laku berlaku pada individu akibat daripada pengalaman yang dilalui<sup>9</sup>. Pendidikan bukan hanya penguasaan terhadap penguasaan ilmu dan kemahiran semata-mata tetapi merangkumi pengalaman-pengalaman yang didapati diluar institusi formal seperti sekolah. Pendidikan juga merupakan suatu proses pembangunan insan sepanjang hayat<sup>10</sup> dan wadah utama dalam pembentukan keperibadian dan corak pendidikan yang dialami oleh umat<sup>11</sup>.

Ahmad Mohd. Salleh pula mendefinisikan pendidikan sebagai suatu proses yang berterusan untuk membentuk manusia kepada keadaan yang lebih bermakna dalam kehidupan di dunia dan di akhirat<sup>12</sup>. Ilmu yang diterima ini akan menentukan nilai dan keyakinan yang akan dipegang sehingga membina keazamannya. Melalui keazaman yang berdasarkan nilai-nilai pendidikan akan menggerakkan seseorang untuk bertindak melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai khalifah Allah di bumi.

Pada umumnya konsep pendidikan merupakan satu proses dan aktiviti yang membawa kepada perubahan seseorang mengikut norma dan nilai sesebuah masyarakat<sup>13</sup>. Perkara ini seiring dengan falsafah pendidikan kebangsaan iaitu:

Suatu usaha yang berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai

---

<sup>9</sup> Mohd Kamal Hassan, *Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu*, (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1988), 49.

<sup>10</sup> *Ibid.*, 10.

<sup>11</sup> *Ibid.*, 44.

<sup>12</sup> Ahmad Mohd. Salleh, *Pendidikan Islam, Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*, (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1997) 3.

<sup>13</sup> Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 8.

kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara<sup>14</sup>.

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, kurikulum tidak hanya menekankan penerimaan ilmu pengetahuan sahaja tetapi juga menekankan keupayaan pembinaan berfikir di kalangan murid. Penyebatian kemahiran berfikir kritis dan kreatif telah bermula pada tahun 1993 dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Seterusnya, terdapat usaha penambahbaikan dalam sistem pendidikan sekarang yang diterjemahkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) sebagai asas memenuhi aspirasi murid yang mengandungi enam elemen iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional<sup>15</sup>.

Keupayaan berfikir secara efektif amat penting dalam dunia yang kian canggih dan kompleks kini. Dalam menjalani kehidupan seharian, cabaran-cabaran yang dihadapi tidak hanya bergantung kepada ilmu pengetahuan secara teori semata-mata, malah murid harus mempunyai kemahiran mengaplikasi pengetahuan tersebut secara praktikal dalam pelbagai situasi kehidupan. Justeru, penerapan kemahiran berfikir kepada murid wajar diterapkan lebih awal agar murid mampu berfikir dan menilai sesuatu perkara dengan lebih berkesan. Malah kemahiran berfikir sebenarnya boleh diajar dan dipelajari oleh setiap manusia<sup>16</sup>. Bahkan ia bukan suatu kemahiran semulajadi yang hanya dipengaruhi oleh keadaan persekitaran murid sahaja<sup>17</sup>. Berfikir perlu diajar kerana kesan berfikir dapat dilihat semasa membuat sesuatu keputusan dan

---

<sup>14</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam Tahun Lima* (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia)ii.

<sup>15</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, 5-6.

<sup>16</sup> Rajendran,N.S, *Teaching And Acquiring Higher Order Thinking Skills Theory Dan Practise*, ( Tanjong Malim, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2008), 14.

<sup>17</sup> John Arul Philips, *Pengajaran Kemahiran Berfikir Teori dan Amalan*, (Kuala Lumpur, Utusan publications & Distributors Sdn. Bhd, 1997), 16.

menyelesaikan masalah<sup>18</sup>. Murid -murid mampu menjadi pemikir yang baik sekiranya dilatih dan dipupuk melalui pendidikan di sekolah.

Abdullah Nasih Ulwan, tokoh pendidikan kanak-kanak juga telah menekankan pendidikan akal sebagai membentuk pemikiran anak-anak dengan setiap apa yang memberi manfaat terutamanya ilmu-ilmu syara', pengetahuan semasa, kesedaran pemikiran dan ketamadunan sehingga mereka berfikiran matang, berilmu dan mengikuti perkembangan semasa<sup>19</sup>.

Atas kesedaran pentingnya pengajaran kemahiran berfikir, pada tahun 1988, pengajaran kemahiran berfikir mula diformulasikan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dan telah disemak beberapa kali untuk penambahbaikan. Bermula tahun 1993, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan program kemahiran berfikir dengan lebih sistematik dengan memperkenalkan empat model yang diaplikasikan semasa pengajaran dan pembelajaran. Empat model tersebut ialah 'Boston Model', KWHL Model, CoRT 1 dan Cort 4, dan '*Programmed Instruction in The Learning of Thinking Skills (PILTS)*'. Setahun kemudian iaitu tahun 1994, pengajaran kemahiran berfikir pula diperkenalkan dalam sistem pendidikan guru<sup>20</sup>.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) mula diperkenalkan bagi menggantikan Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK). Hasil perbincangan daripada pakar dan tokoh pemikir, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mendefinisikan kemahiran berfikir aras tinggi sebagai kebolehan untuk mengaplikasikan pengetahuan kemahiran dan nilai

---

<sup>18</sup> Som Hj. Nor dan Mohd Dahalan Mohd Ramli, *Kemahiran Berfikir Secara Kritis & Kreatif (KBKK)*, Petaling Jaya : Pearson Education, 1998, 4.

<sup>19</sup> Abdullah Nasih Ulwan, *Tarbiyyatul Aulad Fi Islam*, juzuk 1, Darul Salam Littiba Ah Wan Nasyri Waktauzi 1981.

<sup>20</sup> Rajendran, N.S, *Teaching And*, 57-62.

dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu<sup>21</sup>.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi atau lebih dikenali dengan istilah KBAT, kemahiran menaaakul, kreativiti dan inovasi merupakan ilmu dan kemahiran yang perlu ditanamkan dalam diri murid dalam usaha membangunkan kurikulum abad 21 supaya modal insan yang dilahirkan mampu menguasai kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran membuat keputusan dengan tepat serta menguasai kemahiran kepemimpinan yang tinggi<sup>22</sup>. Domain kognitif yang diaplikasi dalam pengajaran kemahiran berfikir adalah merujuk kepada model Taksonomi Bloom (1964). Bloom dan rakan-rakannya membahagikan kebolehan kognitif kepada enam peringkat iaitu pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian<sup>23</sup>. Peringkat pengetahuan didefinisikan sebagai peringkat yang menekankan kepada mengingat sama ada mengingati idea, maklumat dan sesuatu fenomena<sup>24</sup>. Peringkat kefahaman pula merangkumi objektif, tingkah laku dan respon mewakili pemahaman secara literal dalam komunikasi. Terdapat tiga jenis kefahaman dalam tingkah laku iaitu terjemahan (translation), penerangan (interpretation) dan ekstrapolasi (extrapolation)<sup>25</sup>. Peringkat seterusnya ialah peringkat aplikasi iaitu merujuk kepada menggunakan kefahaman kaedah, teori, prinsip dan abstrak<sup>26</sup>. Dalam kata lain, mengaplikasi adalah satu bentuk aktiviti mental yang melibatkan pengalaman lalu dan keupayaan menggunakan pengetahuan sedia ada kepada sesuatu yang baru<sup>27</sup>.

---

<sup>21</sup> KPM, *KBAT Inisiatif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di Sekolah*, (Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013), 1.

<sup>22</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam Tahun Lima*, 1.

<sup>23</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi*, (Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013), 21.

<sup>24</sup> \_\_\_\_\_, *Taxonomy of Educational Objectives The Classification of Educational Goals*, ( London: Longman Group Limited, 1956), 62.

<sup>25</sup> *Ibid.*, 89-90.

<sup>26</sup> *Ibid.*, 120.

<sup>27</sup> Kamarudin Hj Husin, *Kemahiran Berfikir dan Berkomunikasi*, (Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd, 2003), 57.

Peringkat yang lebih tinggi dari kefahaman dan aplikasi ialah peringkat analisis. Peringkat ini menekankan pecahan maklumat ke dalam bahagian-bahagiannya serta mengesan hubungan bahagian-bahagian tersebut<sup>28</sup>. Analisis juga merupakan kegiatan mencerakinkan iaitu menceraikan sesuatu isu atau masalah kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil. Menganalisis juga mendorong untuk melakukan pemeriksaan secara cermat dan berhati-hati terhadap sesuatu huraian untuk membolehkan memahami sesuatu konsep dan mencari makna-makna yang tersirat<sup>29</sup>. Peringkat yang seterusnya ialah peringkat sintesis. Sintesis bermaksud menggabung bersama unsur-unsur dan bahagian supaya dapat membentuk buah fikiran atau yang idea yang kukuh dan menyeluruh<sup>30</sup>. Dalam peringkat ini sintesis merupakan proses kerja menggabungkan unsur dan bahagian dalam satu struktur yang lebih jelas. Peringkat yang tertinggi dalam hierarki Bloom ialah peringkat penilaian. Penilaian didefinisikan sebagai membuat perhitungan nilai terhadap idea, penyelesaian, kaedah, kerja, dan bahan<sup>31</sup>. Ia juga melibatkan aktiviti yang melihat kepada kelemahan dan kekuatan atau membuat pertimbangan baik dan buruk berdasarkan bukti atau bahan-bahan sokongan yang mencukupi dan sah<sup>32</sup>.

Walaupun bagaimanapun, Lorin Anderson telah menukar penggunaan kata nama kepada kata kerja dan tahap paling tinggi dalam pemikiran kognitif adalah mencipta. Menurut pandangan beliau, tahap pemikiran aras tinggi adalah bermula dari menganalisis, menilai dan mencipta<sup>33</sup>. Walaupun bagaimanapun dalam standard kandungan dan standard pengajaran yang digariskan dalam standard kurikulum telah memberi penekanan bermula daripada keupayaan murid mengaplikasi, menganalisis, menilai dan

---

<sup>28</sup> \_\_\_\_\_, *Taxonomy of Educational*, 144.

<sup>29</sup> Kamarudin Hj Husin, *Kemahiran Berfikir*, 54.

<sup>30</sup> \_\_\_\_\_, *Taxonomy of Educational*, 162.

<sup>31</sup> *Ibid.*, 185

<sup>32</sup> Kamarudin Hj Husin, *Kemahiran Berfikir*, 56.

<sup>33</sup> *Ibid.*, 32.

mencipta dalam aktiviti pembelajaran<sup>34</sup>. Empat kemahiran ini merujuk kepada kemahiran berfikir aras tinggi manakala pengetahuan dan kefahaman pula merujuk kepada kemahiran berfikir aras rendah. Kesemua peringkat kemahiran ini diaplikasikan dalam semua disiplin ilmu dalam mata pelajaran di peringkat sekolah menengah mahupun sekolah rendah termasuklah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Merujuk kepada enam elemen aspirasi untuk setiap murid, elemen etika dan kerohanian adalah sangat rapat dengan mata pelajaran Pendidikan Islam sama ada di sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Elemen etika dan kerohanian yang ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) menitikberatkan kesediaan individu mendepani kehidupan yang lebih mencabar di masa depan, menyelesaikan konflik secara baik dan bijak membuat keputusan dalam keadaan yang genting. Nilai-nilai ini harus didokong dengan berpegang teguh kepada agama, mempunyai integriti diri yang tinggi serta kesedaran terhadap tanggungjawab sivik<sup>35</sup>. Ini juga sejajar dengan falsafah Pendidikan Islam iaitu:

Suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah SWT yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat<sup>36</sup>.

Matlamat akhir pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam yang merangkumi kesemua bidang adalah penguasaan murid terhadap ilmu, amali, amalan, iltizam, penghayatan dan pentabiatan. Tahap penguasaan yang tertinggi setelah berlakunya sesi pengajaran dan pembelajaran guru dan murid adalah tahap pentabiatan. Pada tahap ini murid berkemampuan merumuskan pengetahuan,

---

<sup>34</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *KBAT Inisiatif*, 4.

<sup>35</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, *Laporan Awal*, 38.

<sup>36</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam Tahun Lima* (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia) iii.



mengaplikasi nilai dan kemahiran daripada maklumat yang dipelajari dalam bentuk adab dan akhlak serta menonjolkan ciri-ciri kepimpinan sebagai seorang yang bertaqwa dan boleh diteladani atau boleh memimpin orang lain<sup>37</sup>.

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, penerapan KBAT dalam mata pelajaran Pendidikan Islam juga amat ditekankan. Proses penerapan KBAT dalam mata pelajaran ini adalah merujuk kepada enam peringkat domain kognitif yang telah digariskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang bermula dari mengingat, memahami, aplikasi, analisis, menilai dan mencipta. Kesemua kemahiran ini diaplikasikan dalam bidang-bidang Pendidikan Islam iaitu dalam bidang al-Quran Hafazan, al-Quran Kefahaman, al-Quran Tajwid, Hadith, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi sehingga ke peringkat mencipta kecuali dalam bidang al-Quran Bacaan<sup>38</sup>.

Penerapan elemen KBAT dalam Pendidikan Islam memerlukan guru yang mempunyai daya kreativiti dan inovatif yang tinggi. Kreativiti guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran mampu merangsang murid untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan, membuat kajian dan penyelidikan, dan menghasilkan pelbagai bahan dengan menggunakan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran<sup>39</sup>. Oleh itu, guru perlu mempunyai persepsi yang baik terhadap KBAT agar dapat diterapkan dan diamalkan secara praktis dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Guru juga perlu memainkan peranan dengan lebih aktif dan progresif dalam usaha menerapkan pengajaran kemahiran berfikir kepada murid agar mereka dapat merealisasikan impian melahirkan muslim mukmin yang berilmu, beriman, bertaqwa dan berakhlak mulia serta membantu ke arah memartabatkan agama, bangsa dan negara serta berjaya dunia dan akhirat.

---

<sup>37</sup> *Ibid.*, 3.

<sup>38</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam Tahun Enam* (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia), 1-34.

<sup>39</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Draf Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*, (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia), 9.

### 1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Kemahiran berfikir merupakan salah satu elemen penting dalam sistem pendidikan yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang mahu melihat setiap murid mempunyai semangat ingin tahu, mempelajari cara untuk terus mempertingkatkan ilmu pengetahuan sepanjang hayat dan berkemampuan menghubungkan pelbagai pengetahuan<sup>40</sup>. Selain itu, setiap murid harus menguasai kemahiran kognitif yang penting seperti pemikiran kreatif dan inovatif, penyelesaian masalah dan penaaakulan dan keupayaan belajar<sup>41</sup>.

Keperluan kemahiran berfikir yang mendesak ini lahir dari peredaran zaman yang kian berkembang maju. Pendidikan di abad ke 21 lebih mencabar bukan sahaja kepada murid bahkan kepada guru kerana terpaksa berhadapan dengan perubahan dan kemajuan global terutamanya dari aspek kecanggihan teknologi dan maya yang tiada batasannya. Era ini juga dilanda ledakan maklumat yang pantas sekali. Murid-murid seawal di sekolah rendah sudah didedahkan dengan pembelajaran yang menggunakan ICT. Banjiran maklumat yang boleh didapati dengan pantas dari internet menuntut kebijaksanaan murid menyelesaikan masalah dan berupaya memberi keputusan dengan tepat. Di dalam dunia digital ini, terdapat banyak ruang untuk meluahkan pandangan, hasrat dan perasaan<sup>42</sup>. Justeru, persediaan awal harus disemai sejak zaman kanak-kanak lagi supaya mereka dapat memberi daya kekuatan untuk memilih dan menapis segala maklumat yang diterima dengan baik.

---

<sup>40</sup> Mohd Sani Ibrahim, *Strategi Implementasi: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*, ( Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, tt) 555.

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> KPM, *KBAT Inisiatif*, 1

Keberkesanan pengajaran kemahiran berfikir semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada persepsi guru terhadap KBAT dan amalan pengajaran terhadap kemahiran berfikir yang ada pada guru. Dapatan kajian Sukiman Saad, Noor Shah Saad dan Mohd Uzi Dollah menunjukkan hubungan yang kuat antara persepsi terhadap pengajaran berfikir dan amalan pengajaran guru terhadap pengajaran berfikir<sup>43</sup>. Begitu juga dalam kajian W.A. Wan Ismail et.al, mendapati guru Pendidikan Islam mempunyai persepsi yang positif terhadap pelaksanaan pengajaran berfikir dalam sesi pengajaran dan pembelajaran<sup>44</sup>. Guru yang mempunyai persepsi yang baik dan positif terhadap pengajaran berfikir secara tidak langsung dapat diterjemahkan dalam amalan pengajaran KBAT dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Bahkan dalam pengajaran Pendidikan Islam itu sendiri silibus tidak pernah berubah dan yang hanya perlukan perubahan adalah dari segi teknik, teknologi, metode dan medianya<sup>45</sup>. Selain itu, dapatan kajian terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Putrajaya mendapati tahap kefahaman guru dan tahap pelaksanaan pengajaran KBAT masih di peringkat sederhana<sup>46</sup>. Manakala tahap perancangan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran KBAT adalah tinggi. Jelas di sini, terdapat perbezaan yang ketara di mana perancangan guru terhadap pengajaran KBAT adalah tinggi tetapi dalam bentuk kefahaman dan pelaksanaannya masih sederhana. Terdapat persoalan di sini, mengapakah perbezaan ini wujud.

---

<sup>43</sup> Sukiman Saad, Noor Shah Saad dan Mohd Uzi Dollah, "Pengajaran Kemahiran Berfikir: Persepsi dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah", *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 2,1, (tt).

<sup>44</sup> W.A Wan Ismail et.al, "Kesediaan Guru Pendidikan Islam di Selangor terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran", *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 3,1, (2016).

<sup>45</sup> Hasan Langgulung, *Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke 21*, (Shah Alam: HIZBI Sdn. Bhd., 1991), 169.

<sup>46</sup> Norasmahani Hj Nor, Nur Sofiah Suhaimi, Nur Syamira Abdul Wahab, Mohd Khushairi Che Ismail, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak, "Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah: Satu Tinjauan di Putrajaya" (Proceeding: 7<sup>th</sup> International Seminar on Regional Education, Educational Community and Cultural Diversity, November 5-7 2015).

Guru berperanan menerapkan kemahiran berfikir melalui kaedah dan aktiviti yang sesuai mengikut tahap kemampuan murid. Bahan-bahan bantu mengajar amat penting digunakan oleh guru sebagai alat membantu merangsang dan mengembangkan proses berfikir murid. United Nations Educational, Scientific and Cultural (UNESCO) telah menjelaskan antara kepentingan teknologi maklumat dan komunikasi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran adalah untuk mendorong kompetensi individu dari segi pemikiran kritis dan membuat keputusan<sup>47</sup>.

Murid-murid wajar didedahkan dan dilibatkan dengan aktiviti pemikiran yang berdaya saing dan aktif bagi mereka membina kefahaman dan mencerna maklumat secara pentaakulan akal dan bukan sekadar hafalan sahaja<sup>48</sup>. Selain itu, secara sedar atau tidak, kebanyakan guru memonopoli wacana semasa sesi pengajaran dan pembelajaran yang mengakibatkan pelajar menjadi pasif<sup>49</sup>. Pedagogi yang sering digunakan oleh para guru lebih tertumpu kepada usaha menghabiskan silibus, menghafalan fakta-fakta dan membuat latih tubi di dalam kelas<sup>50</sup>. Pernyataan ini disokong dari dapatan kajian Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim dan Mohd Izham terhadap Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Bandar dan Luar Bandar mendapati kaedah latih tubi berada pada skor min tahap tinggi yang menunjukkan penumpuan kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah lebih kepada peperiksaan<sup>51</sup>.

---

<sup>47</sup> Unesco, *Information and Communication Technology in Education: A Curriculum for schools and Programme of Teacher Development*, (France: Division of Higher Education UNESCO, 2002), 9.

<sup>48</sup> Adnan Abd Rashid, Elemen Pemikiran Aras Tinggi Dalam Kurikulum Pendidikan Islam (Persidangan Meja Bulat “Membina Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 9 September 2014), 2.

<sup>49</sup> N. S Rajendran, “Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Kesediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran dan Pembelajaran (Kertas Kerja Seminar / Pameran Projek KBKK; Poster ‘Warisan-Pendidikan-Wawasan’, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1-2 Ogos 2001), 4.

<sup>50</sup> John Arul Philips, Pengajaran Kemahiran, 12.

<sup>51</sup> Kamarul Azmi Jasmi et al, “Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar dan Luar Bandar: Satu Kajian Bandingan” *Jurnal Teknologi*, 56 (Sains Sosial) (September 2011), 192.

Begitu juga dengan pendapat Mohd Kamal Hassan yang menyatakan pada umumnya sistem pendidikan di negara ini masih kuat '*exam oriented*'<sup>52</sup>. Pendidikan yang menekan kepada peperiksaan dan pembelajaran yang terikat kepada proses menghafal semata-mata adalah punca kegagalan dalam membangunkan golongan pemikir dengan baik yang menyumbangkan kepada pembangunan agama, bangsa, masyarakat dan negara<sup>53</sup>. Amalan ini bukan sahaja berlaku kepada mata pelajaran yang melibatkan peperiksaan utama seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) bahkan berlaku juga dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah yang merangkumi bidang khatam al-Quran, hafazan al-Quran, kefahaman al-Quran, Hadith, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi. Penumpuan adalah lebih kepada penyediaan maklumat dengan tujuan menyediakan pelajar untuk menghadapi peperiksaan dan menghabiskan sukatan<sup>54</sup>.

Dengan amalan sedemikian, murid kurang cerdas akan terus menghadapi tekanan kerana tahap pemikiran yang rendah di kalangan murid berkeupayaan rendah menyebabkan peratusan besar murid ini kurang mempunyai kemampuan mengembangkan kemahiran berfikir<sup>55</sup>. Sedangkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran berfikir termasuk penaakulan, penyelesaian masalah dan pemikiran inovatif dan kreatif. Dalam sistem pendidikan, bidang ini kurang diberi perhatian menyebabkan murid tidak mampu untuk mengaplikasi ilmu pengetahuan dan berfikir secara kreatif di luar konteks akademik<sup>56</sup>.

---

<sup>52</sup> Mohd Kamal Hassan, *Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu* (Kuala Lumpur, Nurin Enterprise, 1988), 139.

<sup>53</sup> Abd. Rahim Abd Rashid, *Kemahiran Berfikir Merentasi Kurikulum Pendekatan Pedagogi dan Wawasan Pendidikan Bestari*, (Shah Alam, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1999), 3.

<sup>54</sup> John Arul Phillip, "Memperkembangkan Daya Pemikiran Pelajar Melalui Mata Pelajaran KBSM," *Jurnal Pendidikan Guru Malaysia*, no 8 (1992), 1-15.

<sup>55</sup> Abd. Rahim Abd Rashid, *Kemahiran Berfikir*, 30.

<sup>56</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, *Laporan Awal*,

Dalam Pendidikan Islam, terdapat maklumat-maklumat berbentuk fakta yang melibatkan kemahiran berfikir aras rendah iaitu pada peringkat mengingat dan memahami. Namun terdapat juga maklumat yang perlu dikupas dan dihuraikan dengan menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi sehingga mencapai satu hikmah dan bukti keyakinan kepada Allah<sup>57</sup>. Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Sekolah Rendah<sup>58</sup>, terdapat perbincangan yang berkaitan bidang akidah seperti meyakini dan membuktikan sifat-sifat Allah antaranya *Qūdrāh*, *Ṣāmā'*, *Bāṣār* dan *Kālām*. Dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang mengisbatkan kewujudan sifat-sifat Allah. Berdasarkan dalil-dalil tersebut ulama telah memperkenalkannya sebagai sifat 20<sup>59</sup>. Dalilnya adalah seperti:

يَكَادُ الْبَرْقُ تَخْطِفُ أَبْصَرَهُمْ ۖ كُلَّمَا أَضَاءَ لَهُمْ مَشَوْا فِيهِ وَإِذَا أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا ۗ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَرِهِمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾ يَكَادُ الْبَرْقُ تَخْطِفُ أَبْصَرَهُمْ ۖ كُلَّمَا أَضَاءَ لَهُمْ مَشَوْا فِيهِ وَإِذَا أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا ۗ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَرِهِمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾

Terjemahan: Hampir-hampir kilat itu menyambar penglihatan mereka. setiap kali kilat itu menyinari mereka, mereka berjalan di bawah sinar itu, dan bila gelap menimpa mereka, mereka berhenti. Jikalau Allah menghendaki, niscaya dia melenyapkan pendengaran dan penglihatan mereka. Sesungguhnya Allah berkuasa atas segala sesuatu.

<sup>57</sup> Adnan Abd Rashid, Elemen Pemikiran, 8.

<sup>58</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam Tahun Enam* (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia), 31-33.

<sup>59</sup> Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Khairul Naim Che Nordin, *Akidah dan Pembangunan Modal Insan, Akidah dan Pembangunan Modal Insan*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012), 96.

Berdasarkan ayat di atas boleh dikaitkan dengan ilmu sains di mana apabila berlakunya kilat maka menghasilkan cahaya. Semua yang berlaku adalah dengan kuasa Allah. Kuasa Allah berbeza dengan kuasa makhluk. Kuasa Allah tidak didahului dengan sifat lemah sepertimana manusia. Proses penghuraian ayat ini secara tidak langsung boleh mengaplikasi aras taksonomi Bloom bagi mengembangkan minda murid untuk berfikir. Penggunaan aras kognitif Bloom (1964) boleh dijadikan sebagai garis panduan untuk membimbing murid supaya dapat menghuraikan, menganalisis dan seterusnya merumuskan kefahaman tentang sifat-sifat Allah yang pada akhirnya akan menjadikan ia asas pegangan dan tindakan dalam kehidupan seharian serta boleh diteladani dan membimbing orang lain.

Adnan Abd Rashid berpendapat ramai murid Islam kurang berminat terhadap Pendidikan Islam kerana mereka diajarkan dengan maklumat yang berbentuk fakta dan kurang menjana idea-idea baru yang menyebabkan minda mereka tertutup serta penggunaan pendekatan yang klasikal. Pemikiran murid kurang dirungkai dengan penganalisan dan penilaian<sup>60</sup>.

Selain itu, pengalaman mengajar juga menjadi faktor yang perlu dilihat dalam pengajaran KBAT kerana melalui pengalaman yang lama dan luas secara tidak langsung membantu guru-guru Pendidikan Islam merancang dan mengurus perjalanan pengajaran dan pembelajaran amnya dan KBAT khususnya dengan baik. Ini dapat dilihat dalam kajian Ridzuan bin Ahmad, Afifah Binti Abu Bakar dan Saadiah Binti Haron terhadap guru pelatih Pendidikan Islam semasa sesi praktikum mendapati guru-guru pelatih kurang berkeyakinan, tidak dapat merancang dan mengurus masa dengan baik dan menganggap diri mereka tidak kreatif dan seterusnya tidak mampu mengawal kelas dengan baik. Oleh itu, pengalaman mengajar seseorang guru juga perlu dinilai adakah ia menjadi faktor keberkesanan pengajaran KBAT di dalam bilik darjah.

---

<sup>60</sup> *Ibid.*, 9.

Justeru, penyelidik berpendapat masalah ini perlu dikaji dan diteliti agar penemuan kajian ini dapat memperkasakan langkah-langkah yang proaktif dalam mendidik murid ke arah penggunaan pemikiran aras tinggi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan bukan '*exam oriented*' semata-mata. Kajian ini menumpukan aspek persepsi dan amalan guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT di dalam kelas. Kesenambungan dan kelestarian kemahiran berfikir aras tinggi perlu di pandang serius dalam usaha melahirkan mujtahid kontemporari Nusantara dan para intelektual Muslim<sup>61</sup>.

### **1.3 Persoalan Kajian**

- i. Apakah persepsi guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah, Zon Semenyih, Selangor terhadap pengajaran KBAT berdasarkan aspek nilai pengajaran kemahiran berfikir, efikasi guru dan sokongan kurikulum dan sekolah.
- ii. Apakah amalan pengajaran KBAT yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah di Sekolah Rendah, Zon Semenyih, Selangor?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap pengajaran KBAT dengan amalan pengajaran KBAT di sekolah yang dikaji?
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi amalan pengajaran kemahiran KBAT antara guru Pendidikan Islam lelaki dan perempuan serta guru yang berpengalaman dan kurang berpengalaman lokasi sekolah?

### **1.4 Objektif Kajian**

Berikut adalah objektif kajian yang telah digariskan :

- i. Mengkaji persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT berdasarkan aspek nilai pengajaran KBAT dan sokongan kurikulum dan sekolah.

---

<sup>61</sup> Adnan Abd Rashid, Elemen Pemikiran, 4.



- ii. Mengkaji pengajaran KBAT yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah Zon Semenyih, Hulu Langat, Selangor.
- iii. Menganalisis hubungan antara persepsi guru dengan amalan pengajaran KBAT di sekolah yang dikaji.
- iv. Menganalisis amalan pengajaran KBAT antara pengalaman mengajar dan lokasi sekolah bandar dan luar bandar.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Pengkaji berpendapat kajian ini penting untuk melihat peranan yang dimainkan oleh guru Pendidikan Islam dalam usaha menerapkan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran selari dengan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025). Oleh kerana guru adalah individu yang bertanggungjawab dalam memikul tugas ini, maka sewajarnya kajian ini dijalankan agar hasrat melahirkan masyarakat yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi terlaksana.

Kajian ini juga diharapkan mampu memberi galakan dan dorongan kepada guru Pendidikan Islam tentang kepentingan penggunaan pemikiran aras tinggi di dalam kurikulum Pendidikan Islam bermula di sekolah rendah lagi agar ia dapat melahirkan intelektual muslim yang berani membuat keputusan berdasarkan sumber-sumber yang tepat, berjiwa besar dan berpandangan jauh.

Selain itu, melalui kajian ini, ia juga dapat memperluaskan sempadan kajian-kajian yang sedia ada tentang kemahiran berfikir aras tinggi di universiti serta menambah sempadan kajian dalam bidang pemikiran Islam khususnya dalam bidang pemikiran kritis seperti kajian sebelum ini iaitu dalam bidang al-Quran, al-hadis dan kepimpinan dalam Islam. Kajian berkaitan KBAT yang memberi fokus dalam bidang

pendidikan Islam ini khususnya di sekolah rendah diharap dapat memenuhi sempadan yang ada.

Kajian ini juga diharap dapat dijadikan sebagai salah satu rujukan berkaitan kemahiran berfikir aras tinggi dari aspek persepsi dan amalan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di zon Semenyih, Selangor dan boleh dimanfaatkan oleh para guru khususnya dalam proses menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

### **1.6 Batasan Kajian**

Batasan kajian ini dilihat dalam dua aspek iaitu aspek persepsi dan amalan pengajaran kemahiran berfikir di kalangan guru Pendidikan Islam. Aspek persepsi dilihat pada nilai pengajaran KBAT, efikasi guru dan sokongan kurikulum dan sekolah. Aspek amalan pengajaran KBAT pula dilihat dari segi ilmu dan kepakaran, kemahiran dan keperibadian dan sikap guru. Manakala responden kajian adalah seramai 130 orang yang melibatkan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di Zon Semenyih, daerah Hulu Langat, Selangor. Pemilihan sekolah di zon Semenyih adalah kerana zon Semenyih ini terletak dipinggir bandar dan mempunyai kategori sekolah bandar dan luar bandar dan mempunyai jumlah guru Pendidikan Islam yang ramai dalam sesebuah sekolah. Walaubagaimanapun, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Tamil (SJKT) tidak terlibat dalam kajian ini.

## **BAB 2: TINJAUAN LITERATUR**

### **2.1 Pengenalan**

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan kajian literatur. Dalam kajian ini penulis akan meninjau literatur tentang kemahiran berfikir secara umum berkaitan dengan kajian penulis tentang pengajaran KBAT dalam pendidikan Islam, faktor-faktor yang mempengaruhi guru terhadap pengajaran KBAT, teori amalan pengajaran berfikir dan kajian-kajian lepas berkaitan pengajaran berfikir KBKK dan KBAT.

### **2.2 Kemahiran Berfikir dalam Pendidikan**

Setiap manusia yang dilahirkan di dunia tidak mempunyai sebarang pengetahuan. Akan tetapi manusia dianugerahkan akal oleh Allah sebagai salah satu cara untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan kebenaran selain daripada dibekali pancaindera dan khabar yang benar yang diwahyukan oleh Allah di dalam al-Quran juga hadith- hadith nabi<sup>62</sup>. Melalui tiga saluran ilmu tersebut manusia terus berfikir untuk mengetahui kebenaran. Akal atau minda adalah sumber ilmu intelek yang menghasilkan pengetahuan melalui proses pemikiran dan pentaakulan minda (akal)<sup>63</sup>.

Di barat, perbincangan mengenai konsep berfikir telah lama dibincangkan. Kebanyakan tokoh sebelumnya cenderung melihat konsep berfikir sebagai satu proses yang melibatkan pengolahan kegiatan mental tertentu yang berfungsi dalam minda seseorang bertujuan untuk menyelesaikan masalah atau membuat keputusan. Kegiatan

---

<sup>62</sup>Saad al- Din al- Taftazani, *Sharah al'Aqāid al-Nasafiah*, tahqiq Ahmad Hijazi al-Saqa, (Kaherah: Maktabah al-Kuliyah al-Azhariah, 1988) 15-20.

<sup>63</sup> Kamarul Azmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, Johor Bharu: Penerbit UTM PRESS, 2013, 153

mental inilah yang dikatakan kemahiran berfikir yang bertindak ke atas maklumat yang diterima melalui deria-deria individu<sup>64</sup>. Edward De Bono (1971) menjelaskan berfikir adalah satu proses penjelajaaan mental berdasarkan kepada pengalaman untuk mencapai matlamat. Menurut Dewey pula pemikiran ialah aktiviti psikologi yang digunakan untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi. Bartlett (1958) mengatakan berfikir merupakan proses yang terdiri daripada tiga ciri iaitu interpolasi (mengisi ruang-ruang kosong), ekstrapolasi (lanjutan dari maklumat yang sedia ada) dan interpolasi semula (menyusun semula maklumat untuk memberi tafsiran baru)<sup>65</sup>.

Berfikir dalam Bahasa Arab ialah *al-fikr* yang bermaksud pemikiran. Maksud *al-fikr* menurut kamus *al-Munjid* ialah kekerapan berfikir dengan pengamatan dan penghayatan dalam memberi makna<sup>66</sup>. Menurut Kamus Dewan berfikir bermaksud menggunakan akal untuk menyelesaikan sesuatu dan mempertimbangkan<sup>67</sup>. Merujuk pandangan Ibn Khaldun berfikir ialah ‘penjamahan bayang-bayang di balik perasaan’ dan akal berfungsi untuk membuat analisis dan sintesis<sup>68</sup>. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas<sup>69</sup> pula, berfikir adalah proses spiritual daripada gerakan jiwa menuju makna.

Berfikir adalah gerakan jiwa menuju makna dan proses ini memerlukan imaginasi (*al-khayal*). Intuisi, baik dalam pengertian kecerdasan (*al-hads*) mahupun dalam pengertian pengalaman atau iluminatif (*al-wijdan*) adalah sampainya jiwa pada makna atau sampainya makna ke dalam jiwa, baik dengan usaha pencarian melalui pembuktian, seperti pada kes yang pertama mahupun datang dengan sendirinya seperti pada kes kedua.

---

<sup>64</sup> Noor Hisham Md. Nawi, *Sinergisme Pemikiran Islam Kritis Kreatif*, (Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan, 2014),5.

<sup>65</sup> *Ibid.*,4.

<sup>66</sup> *Al-Munjid Fī Al-Lughah Wā Al-Ilam*, (Beirut: Dār al- Masyriq,1994), 591.

<sup>67</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 410.

<sup>68</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, terj. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000),525.

<sup>69</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah dan*, 236.

Som dan Mohd Dahalan pula telah merumuskan definisi berfikir sebagai proses menggunakan minda untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, menerokai pelbagai kemungkinan ciptaan atau idea baru dan membuat pertimbangan yang wajar dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan seterusnya membuat refleksi dan metakognitif terhadap proses yang dialami<sup>70</sup>.

Berfikir merupakan segala proses mental- intelek, perasaan dan sensasi. Pemikiran bukan hanya melibatkan proses-proses biologikal pada peringkat kognitif dan metakognitif tetapi juga mestilah bersandarkan kepada keimanan<sup>71</sup>.

Oleh itu, berfikir merupakan suatu proses kognitif untuk menghasilkan ilmu pengetahuan dan kefahaman bagi menyelesaikan sesuatu masalah dan membuat keputusan yang akhirnya menuju kepada ketauhidan kepada Allah.

Daripada perspektif Islam, perkara penting yang harus dijelaskan sebelum membahaskan konsep berfikir ialah kedudukan akal dalam Islam. Di dalam al-Quran Allah s.w.t telah menyatakan perkataan 'āql sebanyak 49 kali<sup>72</sup>. Kata akar akal yang terdapat di dalam al-quran merujuk juga kepada *ūlū āl-ālbāb* iaitu orang-orang yang berakal. Perkataan *ūlū āl-ālbāb* disebut sebanyak 16 kali di dalam al-Quran. Antaranya seperti firman Allah s.w.t:

قُلْ لَا يَسْتَوِي الْخَبِيثُ وَالطَّيِّبُ وَلَوْ أَعْجَبَكَ كَثْرَةُ الْخَبِيثِ فَاتَّقُوا اللَّهَ يَأْتِ

أَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ ﴿١٠٠﴾

Al-Maidah: 5: 100

Terjemahan: Katakanlah: "Tidak sama yang buruk dengan yang baik, meskipun banyaknya yang buruk itu menarik hatimu, Maka bertakwalah kepada Allah Hai orang-orang berakal, agar kamu mendapat keberuntungan."

<sup>70</sup> Som Hj Nor dan Mohd Dahalan, *Kemahiran Berfikir*, 2.

<sup>71</sup> Mohd Azhar Abd. Hamid, *Pengenalan Pemikiran Kritis dan Kreatif*, (Skudai: UTM, 2001), 81.

<sup>72</sup> Yusuf al-Qardhawi, *al-'Aql wa al-'Ilm fī al-Qurān al-Karīm*, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996), 13.

Perkataan *ulū al-albāb* dalam ayat di atas merujuk kepada tafsir Ibn Kathir ialah orang-orang yang memiliki akal yang benar dan lurus yang terhindar dari perkara-perkara yang haram dan menyeru kepadanya untuk berfikir dan merasa puas dengan yang halal dan cukup dengannya<sup>73</sup>.

لَقَدْ كَانَتْ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةً لِأُولِي الْأَلْبَابِ ۗ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَٰكِن تَصَدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١١١﴾

Yusuf: 12: 111

Terjemahan: Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal. Al Quran itu bukanlah cerita yang dibuat-buat, akan tetapi membenarkan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu, dan sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman.

Berdasarkan kepada ayat di atas, menurut Imam al-Qurtubi pula, *ulū al-albāb* bermaksud orang menggunakan akal untuk memerhatikan bukti-bukti<sup>74</sup>.

﴿ أَفَمَنْ يَعْلَمُ أَنَّمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ الْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰ ۚ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿١٩﴾ ﴾

Terjemahan: Adakah orang yang mengetahui bahwasanya apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu benar sama dengan orang yang buta? Hanyalah orang-orang yang berakal saja yang dapat mengambil pelajaran.

Berdasarkan ayat ini, Sayyid Qutb mendefinisikan *ulū al-albāb* sebagai orang yang memiliki akal dan hati yang mengerti dengan penuh mendalam dan peka kepada kebenaran lantas mengingati dan mengambil pengajaran terhadap bukti-buktinya dan mereka akan sentiasa berfikir<sup>75</sup>.

<sup>73</sup> Ibn Kathir, *Tafsīr al-Qurān al ‘Azīm*, ( Beirut: Dar al-Fikr, 1994), 2: 129.

<sup>74</sup> Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Anshari al-Qurtubi, *al-Jami’ al-Ahkām al-Qurān*, (Beirut: Dar al-Kutub al ‘Ilmiyyah, 1996), 5: 182.

<sup>75</sup> Sayyid Qutb, *Fi Zilāli al-Qurān*, ( Kaherah: Dar al-Syuruq, 1990) 4: 2057.

Bertepatan juga dengan maksud yang terdapat dalam kamus *Mūnjīd* iaitu perkataan lubb jamaknya adalah *āl bāb*, *āl lūb* dan *āl būb* yang membawa maksud akal yang ikhlas (suci) dari segala sesuatu, akal yang ikhlas (bersih) dari sebarang cela<sup>76</sup>.

Kesimpulannya, *ūlū āl bāb* ialah mereka yang berfikir menggunakan akal dan hati berdasarkan wahyu Allah yang bukan sahaja berfikir secara asas pada suatu perkara bahkan sentiasa berfikir secara mendalam yang memerlukan pemerhatian, pengkajian dan mampu menghasilkan analisis dan penilaian terhadap sesuatu perkara.

Akal menurut Imam al-Ghazali merupakan sumber ilmu, tempat timbul dan sendi ilmu<sup>77</sup>. Imam al-Ghazali mendefinisikan akal dengan empat pengertian iaitu akal sebagai sifat yang membezakan manusia dengan haiwan, akal yang terbit pada kanak-kanak dalam lingkungan mumayyiz yang dapat membezakan yang harus dan mustahil, akal sebagai ilmu yang diperolehi dari pengalaman dan akal dari kekuatan naluri yang lahir menjadi kesanggupan untuk mengetahui akibat dari segala perbuatan dan mampu mengendalikan nafsu kelazatan segera dan dapat menguasainya<sup>78</sup>. Definisi akal yang pertama dan kedua dapat diperolehi secara tabii manakala definisi yang ketiga dan keempat haruslah dicapai dengan usaha.

Keupayaan berfikir yang lahir dari akal merupakan suatu perbezaan utama antara manusia dan haiwan. Berfikir merupakan ciri khas manusia dan yang membezakannya dengan makhluk yang lain. Berfikir juga dapat menentukan kualiti manusia sehingga mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada makhluk yang lain<sup>79</sup>.

Menurut al-Quran, manusia yang menjalani kehidupan tanpa berfikir, khususnya tentang tanda-tanda kebesaran Allah s.w.t. adalah sama seperti haiwan atau lebih teruk daripadanya lagi sebagaimana dalam firman Allah s.w.t:

---

<sup>76</sup> *Al-Munjid Fī Al-Lughah Wā Al-Ilam*, (Beirut: *Dār āl- Māsyriq*, 1994), 709.

<sup>77</sup> Al-Ghazali, *Ihya Ulumuddin*, terj. Ismail Yakub, (Surabaya: FAIZAN, 1966), 199.

<sup>78</sup> Noor Hisham Md. Nawi, *Sinergisme Pemikiran*, 3.

<sup>79</sup> Ibn khaldun, *Muqaddimah*, 528.

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ ۗ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا  
 وَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَا ۗ أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلَّ هُم  
 أَضَلُّ ۗ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

Āl- 'Ārāf : 7 : 179

Terjemahan: Dan Sesungguhnya kami jadikan untuk (isi neraka Jahannam) kebanyakan dari jin dan manusia, mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu sebagai binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka Itulah orang-orang yang lalai.

Dalam ayat ini, Ibn Kathir menjelaskan dikalangan manusia yang dimasukkan ke dalam neraka adalah mereka yang terdiri dari kaum munafik (Al-Baqarah: 2: 18) dan kafir (Al-Baqarah: 2: 171) yang tidak mempergunakan anggota tubuh badan yang dijadikan Allah sebagai sebab untuk mendapatkan hidayah. Mereka yang tidak mendengarkan kebenaran, tidak memahami dan tidak melihat petunjuk diibaratkan binatang ternak yang tidak memanfaatkan anggota pancainderanya kecuali hanya untuk mengenyangkan dalam kehidupan dunia<sup>80</sup>.

Oleh yang demikian, berfikir untuk memahami sesuatu perkara bukan hanya menggunakan akal semata-mata bahkan memerlukan pancaindera yang lain. Dalam konteks berfikir, penilaian merupakan salah satu aktiviti berfikir yang penting kerana proses menilai bukan sahaja melibatkan akal semata-mata bahkan melibatkan anggota pancaindera yang lain seperti mata, telinga dan hati. Melihat kepada kejadian dan penciptaan alam semesta boleh meningkatkan keimanan seseorang jika ia melihat dengan mata dan hati. Mata yang dikurniakan oleh Allah melihat langit yang luas tanpa

<sup>80</sup> [Shafiyurrahman al-Mubarakfuri], *al-Miṣbah al-Munīr fī Tahzīb Tafṣīr Ibn Kathīr*  
 : Shah Tafsir Ibn Kathir, terj. Ahmad Saikhu (Jakarta: Pustaka Ibn Kathir, 2013), 735-736.



tongkat dengan penuh rasa kesyukuran. Bagaimana langit ini terjadi. Berapa lamakah penciptaan langit. Berapakah lapisan langit. Bagaimanakah keadaan langit apabila berlakunya hari kiamat kelak. Dan terdapat pelbagai persoalan yang dapat dirungkaikan daripada mata yang melihat langit. Telinga pula berfungsi mendengar dan menekuni ayat-ayat Allah berkaitan penciptaan langit serta perkaitannya dengan penemuan sains. Lantas, hati menjadi tunduk dan patuh kepada Allah serta merasa kehebatan dan kebesaran Allah. Justeru, proses berfikir dengan penilaian ini memerlukan fungsi kesemua anggota pancaindera yang telah dianugerahkan oleh Allah s.w.t. serta boleh diaplikasikan dalam permasalahan kehidupan seharian.

Justeru, berfikir amat digalakkan dalam Islam. Kebiasaannya manusia berfikir adalah untuk menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan mencari keberanaran<sup>81</sup>. Tujuan-tujuan inilah yang melahirkan elemen –elemen berfikir seperti memahami, mengapikasi, menganalisis, menilai dan mencipta yang menjadi asas kepada proses berfikir dalam kehidupan seharian manusia. Galakan berfikir juga boleh dilihat dalam firman Allah s.w.t :

وَسَخَّرَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٍ  
بِأَمْرِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٢﴾

An-Nahl 16 : 12

Terjemahan: Dan dia menundukkan malam dan siang, matahari dan bulan untukmu. Dan bintang-bintang itu ditundukkan (untukmu) dengan perintah-Nya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar ada tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang memahami (nya).

<sup>81</sup> Noor Hisham Md Naw, Sinergisme Pemikiran, 9.

Dengan berfikir dan merenung tentang kejadian siang dan malam serta penciptaan alam semesta mampu menjadikan hamba yang bersyukur di atas segala pemberian nikmat dari Allah. Dengan kurniaan akal jugalah Allah menaikkan kemuliaan manusia berbanding penciptaan yang lain. Kemuliaan ini telah ditawarkan kepada gunung, langit dan bumi tetapi semuanya menolak kerana amanah yang diberikan ini terlalu berat sepertimana firman Allah s.w.t:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ تَحْمِلَهَا  
وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

Al- Ahzab 33: 72

Sesungguhnya kami telah mengemukakan amanah kepada langit, bumi dan gunung-gunung, maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka khawatir akan mengkhianatinya, dan dipikullah amanat itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh.

Namun, dengan kelebihan akal yang dikurniakan, menjadikan manusia mampu menimba dan menerokai ilmu pengetahuan yang pelbagai bidang dan melaksanakan tanggungjawab yang telah diaturkan dan direncanakan oleh Allah berdasarkan al-Quran dan al-hadith. Lantas, Allah telah melantik manusia menjadi khalifah di muka bumi bagi memakmurkannya berdasarkan garis panduan yang telah disyariatkan sepertimana firman Allah s.w.t:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ  
يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا  
لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢٥٥﴾

Āl-Bāqārāh 2:30

Terjemahan: Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di

muka bumi." mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui."

Dengan kemuliaan ini, Allah memberi tanggungjawab kepada manusia untuk memakmurkan alam. Tugas manusia sebagai khalifah Allah adalah dengan memelihara alam dan mengambil sumber daripadanya serta mengurus kekayaan alam dengan jujur dan amanah supaya manusia dapat mengecapi kedamaian, ketenangan dan kesejahteraan dalam hidup.

### **2.3 Perkembangan Pengajaran Kemahiran Berfikir**

Sebelum KBAT diperkenalkan dalam sistem pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1981 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989 telah menuntut beberapa perubahan yang merangkumi penggubalan kurikulum, pendidikan perguruan, penggunaan strategi pengajaran dan pembelajaran serta pentadbiran sekolah. Justeru, satu daripada usaha yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah program menyebatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam proses pengajaran pembelajaran. Program ini telah diperkenalkan secara rasmi dalam kurikulum sekolah pada tahun 1993 dan dalam kurikulum pendidikan guru pada tahun 1994<sup>82</sup>.

---

<sup>82</sup> Rajendran, N.S, Teaching And, 58.

### 2.3.1 Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK)

Istilah pemikiran boleh ditakrifkan sebagai keupayaan manusia untuk mencipta idea dan pengertian, menyusun hujah, membuat penilaian dan juga keputusan. Para sarjana di barat telah memberi pelbagai takrifan berkaitan pemikiran kritis kerana perbincangan mengenai pemikiran kritis mengalami pelbagai perubahan yang berkait dengan bidang falsafah. Perkataan *critical* dalam Bahasa Inggeris berasal daripada perkataan kritikos yang bermaksud menyoal untuk mempertimbangkan<sup>83</sup>. Menurut Kamus Dewan, kritis bermaksud tidak begitu sahaja menerima atau mempersetujui sesuatu menimbang baik dan buruknya sesuatu) dan bersifat mengkritik (tidak menerima sesuatu bulat-bulat)<sup>84</sup>.

Dewey mentakrifkan pemikiran kritis sebagai berfikir secara mendalam dan mempertimbangkan sesuatu secara serius<sup>85</sup>. Bloom menyatakan pemikiran kritis membabitkan tiga jenis aktiviti mental iaitu analisis, sintesis dan penilaian<sup>86</sup>. Ennis pula berpendapat pemikiran kritis sebagai pemikiran reflektif yang bertumpu kepada mempertimbangkan sesuatu samada boleh dipercayai atau tidak<sup>87</sup>.

Pemikiran kritis sering dikaitkan dengan analisis penghujahan. Penghujahan itu ialah cara memberi bukti untuk menentang atau menyokong sesuatu pendapat. Pendapat itu bukan sekadar dilihat dari aspek nilai baik atau buruk tetapi dilihat juga dari aspek bahasa jelas atau kurang, fakta benar atau salah dan aspek penyusunan hujah sama ada

---

<sup>83</sup> John Arul Philipd, *Pengajaran Kemahiran Berfikir Teori dan Amalan*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd., 1999), 84.

<sup>84</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 831.

<sup>85</sup> John Dewey, *How We Think*, (Boston: D.C. Heath And Company, 1933), 1.

<sup>86</sup> \_\_\_\_\_, *Taxonomy of Educational*,

<sup>87</sup> Robert H. Ennis, *Critical Thinking*, (New Jersey: Prentice Hall, 1996) xvii.

sah atau tidak sah<sup>88</sup>. Pemikiran kritis juga dapat dilihat dari dua aspek yang utama iaitu hujahan (dakwaan atau sokongan) dan pernyataan<sup>89</sup>.

Pemikiran kritis juga boleh dirumuskan sebagai satu usaha berfikir dengan menggunakan otak kiri yang menggunakan hukum logik dan urutan untuk mempertimbangkan keputusan dengan berhati-hati, mengambil risiko dan mempengaruhi kesan<sup>90</sup>.

Berdasarkan definisi-definisi di atas, pemikiran kritis boleh difahami sebagai suatu proses berfikir yang memerlukan penilaian dan pertimbangan yang wajar dan mendalam dengan melihat hujah dan bukti sebelum membuat sesuatu keputusan dan pendapat perlulah dinyatakan dengan jelas, kukuh dan penuh bermakna.

Di barat, bidang pemikiran kreatif pula mula tumbuh dengan subur pada awal 1950-an<sup>91</sup> dan telah menghasilkan pelbagai kajian berkaitan dengannya sehingga melahirkan pelbagai aliran kreatif seperti relativistik, skeptik, utilitarian, pragmatik dan generative<sup>92</sup>. Kesemua aliran ini menggunakan kebolehan akal sepenuhnya. Walaubagaimanapun, dalam Islam, kreativiti merupakan satu sifat yang dibekalkan oleh Allah kepada manusia sebagai khalifah Allah. Dengan potensi ini, manusia mampu menjalankan tugas dengan mengurus dan mentadbir bumi dengan baik. Jika menelusuri kembali sejarah Islam, ramai tokoh yang boleh dikaitkan dengan kreativiti ini seperti Rasulullah s.a.w, Saidina Umar, Salman al-Farisi, Salahuddin al-Ayubi Abu Ubaidah, al-Mawardi, Ibn Sina, al-Khawarizmi, Ibn Rushd dan masih terdapat ramai tokoh-tokoh Islam yang mempunyai kehebatan ini<sup>93</sup>.

---

<sup>88</sup> Mohd Micheal Abdullah, *Pemikiran Kritis*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 3.

<sup>89</sup> Lim Kim Hui, *Seni Pemikiran Kritis Suatu Pendekatan Logik Tak Formal*, ( Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 20.

<sup>90</sup> Noor Hisham Md Naw, *Sinergisme Pemikiran*, 61.

<sup>91</sup> Mohd Azhar Abd. Hamid, *Kreativiti Konsep, Teori dan Praktis*, ( Skudai: UTM, 2004), 45

<sup>92</sup> *Ibid.*, 17.

<sup>93</sup> *Ibid.*,163.

Perkataan kreatif berasal daripada perkataan latin '*creare*' yang bermaksud 'membuat' (to make). Dalam bahasa Greek pula ialah '*krainein*' yang bermaksud 'memenuhi'. Dalam Bahasa Inggeris disebut 'create' manakala di dalam Bahasa Melayu pula disebut 'cipta'<sup>94</sup>. Terdapat banyak maksud tentang pemikiran kreatif dan dapat disimpulkan seperti berikut<sup>95</sup>:

*"To cause to exist, bring into being, originate, to give rise, bring about, produce, to be first potray, and give character to a role or part creation. An original product of human invention or imagination"*.

*" A process of becoming sensitive to problems, deficiencies, gaps in knowledge, missing elements, disharmonies and so on; identifying the difficult; searching for solutions, making guesses or formulating hypotheses abot the deficiencies; testing and retesting these hypotheses and possibly modifying and retesting them and finally communicating the results"*.

(Torrance, 1974)

*"Looking at what everybody else is looking but thinking of what nobody else has thought"*.

(Albert Szent-Gyorgi)

*"Creativity is the making of new and the rearranging of the old"*.

(Mike Vance, 1995)

*"Something or some process that is original, novel, newly thought of, and in some cases as being useful"*.

(Teresa Amabile, 1999)

Menurut Jamal Badi dan Mustapha Tajdin<sup>96</sup>, Islam lebih melihat aspek kreativiti itu dari perspektif syariah iaitu dengan melakukan *Ijtihad*. Kreativiti dalam Islam juga dilihat dalam kecekapan dan kesempurnaan dalam bekerja atau ijtihad yang sah sebagai misi dalam kehidupan muslim. Dalam al Quran terdapat beberapa ayat yang memotivasikan manusia agar bersikap kreatif dalam menguruskan dan

---

<sup>94</sup> *Ibid.*, 167.

<sup>95</sup> *Ibid.*

<sup>96</sup> Jamal Badi dan Mustapha Tajdin, *Creative Thinking An Islamic Perspoective*, (Kuala Lumpur: Research Centre IIUM, 2004), 69.

menyempurnakan sesuatu tugas dan tindakan. Ayat motivasi ini dapat ditekuni dalam firman Allah s.w.t:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿٦٧﴾

Surah al-Mulk 67

Terjemahan: Yang menjadikan mati dan hidup, supaya dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya dan dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۗ وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

Surah al-Ankabut 29:69

Terjemahan: Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keredhaan) kami, benar-benar akan kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar beserta orang-orang yang berbuat baik.

Berdasarkan dua ayat di atas menunjukkan perkataan *Ahsan* (terbaik) merujuk kepada amal yang paling baik dan bukanlah amalan yang paling banyak<sup>97</sup> dan perkataan *Ihsan* di atas merujuk kepada menguruskan hal ehwal dan penyelesaian sesuatu keadaan dengan cara yang terbaik. Orang-orang yang beramal berdasarkan ilmu yang dimilikinya, Allah akan menunjukkan ilmu-ilmu yang tidak pernah mereka ketahui sebelumnya<sup>98</sup>. Inilah yang diterjemahkan sebagai kreativiti<sup>99</sup>. Pemikiran yang kreatif menerbitkan idea dan bukanlah menilai sesuatu idea. Kreativiti ini adalah anugerah dari Allah kepada manusia agar dapat mengatur dan menjalani hidup di dunia dengan aman dan teratur.

<sup>97</sup> Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Jilid ke-9, Beirut: Dar al-Fikr, 1994, 201

<sup>98</sup> Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Jilid ke-7, 73

<sup>99</sup> Jamal Badi dan Mustapha Tajdin, *Creative Thinking*, 70.

Kedua-dua bentuk pemikiran ini kritis dan kreatif tidak dapat dipisahkan walaupun ia merupakan dua konsep pemikiran yang berbeza sama sekali. Namun dengan menggunakan kedua-dua konsep pemikiran ini, mampu menjana dan membentuk idea dan pemikiran secara serentak dan menyeluruh. Penggunaan mana-mana bentuk pemikiran secara berlebihan sama ada secara kritis dan kreatif sama sekali menyalah fitrah semulajadi manusia<sup>100</sup>. Penggunaan bentuk pemikiran kritis semata-mata akan melahirkan individu yang hebat mengkritik dan mengesan kelemahan dalam sesuatu hujah. Dalam masa yang sama pemikirannya masih dalam tahap yang sama dan tidak keluar dari kotak pemikiran yang biasa bahkan tidak menghasilkan idea baharu. Begitu juga jika terlalu berpegang kepada pemikiran kreatif sahaja, maka akan wujudlah sindrom pemikiran bebas nilai. Individu jenis ini suka bermain-main dengan pemikirannya tetapi sukar untuk melihat sesuatu perkara secara terperinci dan analitikal<sup>101</sup>.

Hakikatnya, pemikiran kritis dan kreatif bukanlah sesuatu perkara yang asing dalam warisan pemikiran Islam bahkan ia merupakan sebahagian daripada kaedah asas berfikir dalam Islam. Umat Islam memerlukan kedua-dua bentuk pemikiran ini untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan manusia. Tanpa pemikiran kritis, umat Islam mudah terpedaya dengan idea dan hujah yang kelihatan agak baik kerana tidak mampu menganalisis dan menilai sesuatu perkara dengan baik. Tanpa pemikiran kreatif pula, umat Islam tidak akan maju kerana gagal melihat sesuatu dari sudut yang berbeza. Umat Islam sering melakukan usaha dan perkara yang sama tetapi mahukan hasil yang berbeza. Oleh yang demikian, kedua-dua bentuk pemikiran ini sangat penting dan perlu dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Malah ia perlu dipelajari dan dibimbing secara

---

<sup>100</sup> *Ibid.*, 101

<sup>101</sup> *Ibid.*, 102



bersistem dan konsisten<sup>102</sup>. Selain itu, pemikiran ini haruslah tidak bertentangan dengan pandangan Islam kerana akal itu bersifat terbatas. Pemikiran kritis dan kreatif haruslah berpandukan kepada garis-garis yang telah ditetapkan al-Quran dan al-hadith yang tidak bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam. Pemikiran ini hendaklah didorong agar mencari keredhaan Allah dan memberi manfaat kepada manusia yang lain<sup>103</sup>.

Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia, mempunyai dua domain utama di dalamnya iaitu berfikir secara kritis dan berfikir secara kreatif. Kemahiran berfikir secara kritis ialah kecekapan dan kebolehan menggunakan minda untuk menilai kewajaran atau kemunasabahan sesuatu idea, meneliti kebnasan, kelemahan dan kebaikan sesuatu hujah dan mempertimbangkan dengan wajar dengan menggunakan bukti dan alasan yang sesuai dan terbaik<sup>104</sup>. Manakala kemahiran berfikir kreatif pula bermaksud kecekapan atau kebolehan menggunakan minda untuk menerokai pelbagai kemungkinan, menghasilkan sesuatu yang baru, bernilai dan asli sama ada bersifat idea atau gagasan, maujud atau abstrak,<sup>105</sup>. Dalam erti kata lain, berfikir kritis menggunakan akal untuk menilai dan membuat pertimbangan sesuatu perkara dengan teliti dengan melihat bukti dan hujah yang relevan dalam menyelesaikan masalah atau membuat sesuatu keputusan. Manakala berfikir kreatif memerlukan minda untuk menjana dan membuahkkan gagasan idea serta perkara yang baru.

Walaupun terdapat dua domain yang utama tetapi kedua-dua domain ini tidak dipisahkan dan haruslah dilihat secara keseluruhan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran kerana tujuannya adalah membantu membuat keputusan dan

---

<sup>102</sup> *Ibid.*,

<sup>103</sup> *Ibid.*, 17.

<sup>104</sup> Som Hj. Nor dan Mohd Dahalan Mohd Ramli, *Kemahiran Berfikir*, 2

<sup>105</sup> *Ibid.*, 3

menyelesaikan masalah dengan lebih baik. . Rajah 1.0 menunjukkan dua domain utama dalam KBKK:

Rajah 2.0 Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif



Sumber: Berdasarkan Som Hj. Nor dan Mohd Dahalan Mohd Ramli, Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK)<sup>106</sup>

### 2.3.2 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Pada masa kini, dunia pendidikan hebat membicarakan tentang pendidikan abad ke 21 seiring dengan perkembangan kehidupan yang lebih kompleks dan mencabar. Murid-murid terdedah dengan segala maklumat dan informasi samada yang benar atau salah. Justeru, murid-murid ini wajar dibekalkan dengan bentuk-bentuk pemikiran yang kritis, kreatif dan inovatif dalam menilai dan membuat sesuatu keputusan. Kesemua ini

<sup>106</sup> *Ibid.*

memerlukan kemahiran berfikir beraras tinggi (KBAT) yang merangkumi kemahiran menganalisis, menilai dan mencipta<sup>107</sup>.

Bermula Oktober 2011<sup>108</sup>, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperbaharui kajian terhadap sistem pendidikan negara secara menyeluruh. Hasil kajian tersebut yang melibatkan pelbagai pihak maka lahirlah satu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) yang telah menilai prestasi semasa sistem pendidikan negara dengan mengambilkira pencapaian lalu dan membuat perbandingan pada peringkat antarabangsa sebagai penanda aras. Enam aspirasi murid telah digariskan dan elemen kemahiran berfikir adalah antara perkara yang dititikberatkan.

Istilah elemen kemahiran berfikir dalam PPPM (2013-2025) telah digantikan dari KBKK kepada KBAT dengan merujuk kepada definisi dan penggunaan model berfikir yang sedikit berbeza. KBAT bermaksud kebolehan untuk mempraktikkan pengetahuan, nilai dan kemahiran dalam membuat pertimbangan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berkebolehan menghasilkan sesuatu<sup>109</sup>. KBAT juga merangkumi proses kemahiran berfikir termasuk mentafsirkan, menganalisis, membuat generalisasi, pemikiran kreatif, pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan membuat keputusan<sup>110</sup>.

Melalui KBAT, Taksonomi Objektif Pendidikan Bloom (1964) telah diaplikasikan sebagai penerangan konstruk yang mengukur keupayaan kognitif murid.

---


<sup>107</sup> KPM, *KBAT Inisiatif Kemahiran*, 32

<sup>108</sup> Mohd Sani Ibrahim, *Strategi Implementasi*, 3

<sup>109</sup> KPM, *KBAT Inisiatif Kemahiran*, 1

<sup>110</sup> Rajendran, N.S, *Teaching And*, 22

Rajah 2.1 Taksonomi Bloom yang disemak semula.



Sumber: Berdasarkan Kementerian Pendidikan Malaysia, Pentaksiran Kemahiran Berfikir Ras Tinggi<sup>111</sup>

<sup>111</sup>Kementerian Pendidikan Malaysia, Pentaksiran Kemahiran, 32

Dalam tradisi keilmuan Islam, Ibn Khaldun merupakan salah seorang ilmuwan Islam yang membahaskan dengan mendalam tentang pendidikan akal. Menurut Ibn Khaldun, kemampuan berfikir manusia mempunyai empat peringkat. Peringkat pertama ialah pemahaman intelek manusia terhadap sesuatu yang berada di luar alam semesta, yang berupa tanggapan diri atau disebut '*Aql al Tamyiz*'. Dalam peringkat ini membolehkan manusia membuat perbezaan untuk memperoleh perkara yang bermanfaat dan menolak kemudharatan dalam kehidupan<sup>112</sup>. Peringkat kedua ialah kemampuan manusia berfikir dengan segala idea dan perilaku yang diperlukan di dalam perhubungan manusia dengan persekitarannya dan diperolehi melalui pengalaman (*Taşdiqāt*), juga dikenali sebagai pemikiran eksperimen. Peringkat ini disebut sebagai '*Aql al Tajrībī*'<sup>113</sup>.

Peringkat ketiga ialah kemampuan manusia untuk berfikir dengan pengetahuan (*al-ilm*) atau pengetahuan andaian (*zan*) mengenai sesuatu perkara yang mejangkau persepsi deria tanpa tindakan praktikal. Peringkat ini disebut sebagai spekulatif atau disebut sebagai '*Aql al Nazari*'<sup>114</sup>. Dalam peringkat ini terdapat pemikiran yang mengandungi tanggapan (*perception*), pengamatan (*apperception*), tasawwur (*worldview*) dan tashdiq. Pada peringkat ini seseorang mampu membuat perbandingan dan penggabungan beberapa pengetahuan bagi menghasilkan pengetahuan baru. Peringkat keempat pula ialah peringkat untuk memberi tanggapan mengenai wujud sesuatu perkara mengikut pelbagai kepintaran, perbezaan sebab musabab dan puncanya<sup>115</sup>. Pada peringkat ini, manusia dapat mencapai kesempurnaan dalam kebenarannya dan menjadi insan intelek yang mempunyai kebersihan jiwa dan disebut sebagai *Asbāb wa al Musabbab*. Ini juga disebut sebagai reality manusia (*al ḥaqīqah al insāniyah*)

---

<sup>112</sup> Ibn Khaldun, *Mukaddimah Ibn Khaldun*, terj. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 525

<sup>113</sup> *Ibid.*, 526

<sup>114</sup> *Ibid.*

<sup>115</sup> *Ibid.*

Keempat-empat peringkat ini dapat dilihat menerusi aspek kesesuaiannya dengan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)<sup>116</sup>.

Jadual 2.0 : Perbandingan Pemikiran Ibn Khaldun dan KBAT

Aras Pemikiran Ibn Khaldun	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
1. <i>'Aql al Tamyiz</i>	1. Mengaplikasi
2. <i>'Aql al Tajribī</i>	2. Menganalisis
3. <i>'Aql al Nazari</i>	3. Menilai
4. <i>Asbāb wa al Musabbab</i>	4. Mencipta

Sumber : Berdasarkan Ibn Khaldun ( 2000 ) dan Bloom (1956) <sup>117</sup>

### 2.3.3 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam

Islam adalah agama yang sentiasa memandang ke hadapan sepertimana ungkapan dalam seruan azan yang sering dilaungkan ketika tibanya waktu solat iaitu *حي على الصلاة* (marilah menuju kejayaan) dan ia juga selari dengan firman Allah s.w.t seperti berikut:

<sup>116</sup> Mohd Syaubari bin Othman et. al, Konsep Malakah ibn Khaldun Dalam konteks Pengajaran yang Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2, 2 (2017), 21

<sup>117</sup> \_\_\_\_\_, *Taxonomy of*,

وَأَتَّبِعْ فِي مَآءِ اتِّلَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۗ  
وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ

الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Al-Qashah  
28: 77

Terjemahan: Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik, kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerusakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerusakan.

Penekanan dalam ayat ini menggambarkan perlunya manusia berfikir ke hadapan dengan memikirkan nasib diri di akhirat walaupun tiada gambaran yang sebenar keadaan pada hari tersebut. Dengan itu peranan akal amat penting dalam menuju gagasan masa hadapan kerana dengan pentaakulan akal dapat membuat keputusan yang tepat dan betul<sup>118</sup>.

Di dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang mengajak manusia berfikir dengan menggunakan pemikiran aras tinggi dengan melihat dan mengkaji fenomena alam sebagaimana firman Allah s.w.t:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ  
لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾

Ali Imran 3: 190

Terjemahan: Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal

<sup>118</sup> Adnan Abd Rashid, "Elemen Pemikiran, 5.

Islam amat menggalakkan umatnya mengkaji fenomena-fenomena alam seperti kejadian bintang-bintang, komet, daratan dan lautan, pergunungan, tanaman, buah-buahan, binatang, berbagai warna, aroma, peralihan siang dan malam yang terkadang ada siang yang pendek dan malam yang lebih panjang<sup>119</sup>. Pengkajian – pengkajian ini sudah tentu melibatkan daya pentaakulan akal pada aras yang tinggi yang akhirnya membawa kepada melihat dan merasakan keagungan dan kehebatan Allah s.w.t.

Salah satu perkara utama yang perlu dititikberatkan dalam mencapai tujuan Pendidikan Islam ialah kemahiran berfikir selaras dengan tujuan am pendidikan Islam yang dinyatakan oleh Nahlawy iaitu sebagai pendidikan akal dan persiapan fikiran<sup>120</sup>. Ibn Khaldun turut berpendapat antara tugas pendidikan juga adalah tugas akal dan pemikiran di mana ia membekalkan individu dengan pembekalan akal dan fikiran supaya membolehkan mereka berfikir secara ilmiah dan bertindak dengan cara yang positif dan bijak dalam pelbagai bidang kehidupan<sup>121</sup>.

Dalam tradisi Islam, pendekatan hafazan dan ingatan terhadap maklumat, data, fakta dan formula adalah penting. Tetapi ia bukanlah sebagai satu-satunya pendekatan dan cara dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran bidang al-Quran bukan hanya sekadar menghafaz bahkan jauh lebih dari itu yang mana terkandung di dalamnya sumber ilmu, rangkaian kisah dan peringatan, ilmu sains dan kemanusiaan yang perlu diketahui oleh manusia. Justeru, pengajaran dan pembelajaran yang berkesan mengambil kira faktor kefahaman sebagai matlamat yang sangat utama<sup>122</sup>. Asas kefahaman mesti diikuti dengan asas berfikir. Hafazan dan kefahaman tanpa lahirnya tradisi pemikiran tidak akan melahirkan minda yang kreatif, kritis dan reflektif.

---

<sup>119</sup> [Shafiyurrahman al-Mubarakfuri], *al-Miṣḥabāh al-Mūnir fī Tāhẓīb Tāfīr Ibn Kāṭhir*: Shah Tafsir Ibn Kathir, terj. Ahmad Saikhu, (Jakarta: Pustaka Ibn Kathir, 2013), 2: 389

<sup>120</sup> Hassan Langgulung, *Pengenalan Tamadun Islam dalam Pendidikan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), 3.

<sup>121</sup> Abdullah al-Amin al-Na'miy, *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi*, terj. Mohd Ramzi Omar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 87.

<sup>122</sup> Sidek Baba, *Tajdid Ilmu dan Pendidikan*, (Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading Sdn. Bhd., 2011), 29.



Pengajaran dan pembelajaran bukan sekadar hafaz, faham dan fikir tetapi hikmah yang terkandung disebalik ilmu itu perlu diterjemahkan<sup>123</sup>.

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), untuk menghasilkan murid yang mempunyai pemikiran yang beraras tinggi, ia haruslah bermula dengan proses pendidikan yang diterapkan di sekolah. Penyediaan guru untuk merealisasikan hasrat ini juga hendaklah dilihat dari aspek amalan pengajaran kemahiran berfikir yang menjadi amalan oleh guru Pendidikan Islam di sekolah. Beberapa perkara penting yang wajar dilihat dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi kepada murid ialah memberi penekanan kepada mempelbagaikan alat berfikir, menggalakkan murid mengemukakan soalan dan memperbanyakkan aktiviti yang berpusatkan murid dan aktiviti menaakul<sup>124</sup>.

Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) telah dinyatakan enam tahap penguasaan dan kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid iaitu ilmu, amali, amalan, iltizam, penghayatan dan pentabiatan<sup>125</sup>. Enam tahap ini boleh diselarikan dengan enam peringkat aras berfikir Taksonomi Bloom yang telah dinyatakan secara eksplisit di dalam DSKP iaitu enam peringkat aras berfikir Taksonomi Bloom adalah mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Pendekatan pengajaran berfikir boleh dikategorikan kepada tiga komponen iaitu mengajar kepada berfikir, mengajar teknik berfikir dan mengajar tentang berfikir. Bagi meningkatkan mutu proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, kombinasi antara mengajar kepada berfikir dengan isi pelajaran perlu dilakukan<sup>126</sup>. Mengajar

---

<sup>123</sup> *Ibid.*

<sup>124</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *KBAT Inisiatif*, 5

<sup>125</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Dokumen Standard*, 12.

<sup>126</sup> Kamarul Azmi Jasmi, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, (Johor Bahru: Penerbit UTM PRESS, 2012), 171.

dengan berfikir merujuk kepada usaha guru untuk memantapkan tahap kebolehan atau kemahiran murid berfikir ke tahap yang lebih tinggi melalui isi pelajaran<sup>127</sup>.

Teknik penyoalan antara kaedah pengajaran yang amat popular dan digunakan dengan meluas oleh guru<sup>128</sup>. Bahkan kaedah soal jawab telah lama diaplikasikan oleh ulama yang terdahulu seperti Imam Abu Hanifah. Beliau sering bersoal jawab dalam pengajaran dan dilanjutkan dengan kaedah berdebat dan berdialog. Praktikal kaedah penyoalan yang diaplikasikan oleh Imam Abu Hanifah dapat dilihat dalam kitab beliau seperti *al-‘Ālim wa al Muta’allim* dan *al Fiqh al Absa’*<sup>129</sup>. Kaedah ini bukan sahaja diaplikasikan semasa mengajar bahkan ia merupakan kaedah yang digunakan semasa pembelajaran beliau sendiri. Teknik ini juga boleh mengembangkan daya intelek murid dan membantu membina kemahiran berfikir murid<sup>130</sup>. Selain itu teknik penyoalan mempunyai pengaruh kepada iklim bilik darjah yang mana wujud interaksi antara murid dan guru serta menjadikan penglibatan murid lebih aktif<sup>131</sup>. Teknik dialog dan bersoal jawab juga merupakan salah satu teknik yang kerap digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w<sup>132</sup>. Ini menunjukkan bahawa baginda turut menganjurkan agar para sahabat menggunakan idea bernas dan pertimbangan akal dalam menjawab persoalan yang dikemukakan<sup>133</sup>. Dalam konteks pengajaran KBAT, penggunaan soalan sama ada beraras rendah mahupun beraras tinggi mampu merangsang aras kognitif respon murid<sup>134</sup>. Penggunaan kata soal apa, mengapa dan bagaimana mampu menjana jawapan- jawapan yang menjurus kepada pemikiran aras tinggi. Justeru, dalam menentukan aras

---

<sup>127</sup> *Ibid.*, 170.

<sup>128</sup> Abd Rahim Abd Rashid, *Kemahiran Befikir*, 110.

<sup>129</sup> Mohd Anuar Mamat dan Wan Suhaimi Wan Abdullah, *Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Abu Hanifah dalam Kitab al-Alim wa al- Muta’allim*, *Afkar* (2010),11: 129-166, 154.

<sup>130</sup> Arthur L. Costa, *Teacher Behavior That Enable Student Thinking dalam Developing Mind: A Resource Book for Teaching Thinking*, (Virginia: Association for Supervision and Curriculum Development, 2001),359

<sup>131</sup> Abd Rahim Abd Rashid, *Kemahiran Befikir*, 117-118.

<sup>132</sup> Abdul Fattah Abu Ghuddah al-Halabi, *Rasulullah Pendidik Terulung*, terj. Shuhadak Mahmud, (Seremban: Al-Azhar Media, 2013), 132.

<sup>133</sup> *Ibid.*, 139.

<sup>134</sup> S. Supramani, *Penyoalan Guru: Pemangkin Pemikiran Aras Tinggi Murid*, *Jurnal Pendidikan* 2006, 243.

penyoalan, guru Pendidikan Islam boleh menggunakan aras soalan mengikut Taksonomi Bloom seperti menyenaraikan; apakah fungsi azan dan membuat hubungkait; bagaimanakah hubungkait antara ikan yang bernafas, bergerak, makan dan membiak dari sudut sains dengan sifat ‘Ilmu Allah s.w.t.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) khususnya perisian multimedia merupakan elemen penting dalam menterjemahkan matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Ini disokong dengan kajian berkaitan permainan bahasa bermultimedia dalam meningkatkan kefahaman terhadap al Quran dan Jawi mendapati kepentingan perisian multimedia dapat menggalakkan murid untuk berfikir aras tinggi khususnya dalam mengenalpasti hubungkait antara terjemahan surah yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam dengan Jawi yang ada<sup>135</sup>.

Selain itu, kaedah perbincangan juga mempunyai kesan yang dinamik kepada perkembangan pemikiran murid. Kaedah ini juga antara kaedah yang diaplikasikan oleh baginda Rasulullah s.a.w<sup>136</sup>. Secara praktikalnya, kaedah ini boleh dijalankan secara berkumpulan mahupun perbincangan secara terbuka di dalam kelas. Aktiviti yang boleh merangsang minda murid seperti penyelesaian masalah dan membuat keputusan berdasarkan situasi yang telah ditentukan adalah antara aktiviti yang boleh menggalakkan minda murid. Perbincangan boleh dilakukan dengan mengemukakan soalan permasalahan seperti Luqman mengangkat takbiratul ihram sebelum imam melakukannya dan semasa solat zohor Asma’ menjadi makmum kepada adik perempuannya. Walau bagaimanapun guru haruslah prihatin terhadap kemampuan akal dan tahap kecerdasan murid sebelum mengemukakan permasalahan<sup>137</sup>.

---

<sup>135</sup> Nur Syamira Abdul Wahab, Maimun Aqsha Abidin Lubis & Aisyah Sjahrony, Aplikasi Permainan Bahasa Bermultimedia Ke Arah Memacu Peningkatan Kefahaman al-Quran dan Jawi, *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 1, no 1 (2016), 6.

<sup>136</sup> Abdullah Ishak, Pendidikan Islam, 74.

<sup>137</sup> *Ibid.*, 121.

## 2.4 Persepsi Guru Terhadap Pengajaran KBAT

Guru adalah individu yang bertanggungjawab untuk menyediakan murid agar mampu berfikir dengan aras tinggi dalam mencari penyelesaian masalah dan membuat keputusan dengan lebih bijak dan berkesan sama ada untuk diri sendiri dan masyarakat. Oleh itu, guru Pendidikan Islam perlu mempunyai ilmu pengetahuan serta persepsi yang baik terhadap pengajaran KBAT dan seterusnya mampu mempengaruhi pengajaran di dalam kelas.

Persepsi memainkan peranan penting dalam kehidupan. Terdapat berbagai definisi yang ditakrifkan oleh tokoh psikologi barat bermula dari abad ke 16 sehingga tercetusnya dua aliran kumpulan yang membezakan pandangan mereka tentang persepsi pada awal abad ke-20. Ahli psikologi Gestalt menyarankan persepsi diorganisasikan mengikut prinsip semula jadi manakala ahli psikologi empirikal menyatakan persepsi lahir daripada pembelajaran daripada pengalaman<sup>138</sup>. Merujuk kepada Kamus Dewan, persepsi membawa maksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran atau tanggapan<sup>139</sup>. Persepsi bergantung kepada cara seseorang melihat sesuatu perkara samada dari sudut yang positif atau negatif. Ainon Mohd menyatakan persepsi sebagai tahap pertama dalam proses berfikir. Persepsi bermaksud minda membaca alam, mentafsir dan memahami alam<sup>140</sup>.

Hal ini disokong melalui kajian yang dijalankan oleh Sukiman Saad<sup>141</sup> et.al iaitu terdapat hubungan kolerasi yang kuat antara persepsi guru terhadap pengajaran berfikir dan amalan pengajaran berfikir. Persepsi guru terhadap pengajaran kemahiran berfikir

---

<sup>138</sup> Mohd Azhar Abdul Hamid, *Meningkatkan Daya Fikir*, ( Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2007), 53.

<sup>139</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1193.


<sup>140</sup> Ainon Mohd & Abdullah Hassan, *Pemikiran Logikal dan Kritikal*, ( Kuala Lumpur: UTUSAN PUBLICATIONS&DISTRIBUTORS SDN. BHD., 1996), 36.

<sup>141</sup> Sukiman Saad et.al, "Pengajaran Kemahiran Berfikir: Persepsi dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah", *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia* 2, no 1

akan menghasilkan tindakan dalam mencorakkan pengajaran guru di dalam kelas. Dalam memastikan pengajaran KBAT diaplikasi dengan baik semasa pengajaran dan pembelajaran, bergantung kepada beberapa faktor. Faktor utama yang mempengaruhi kejayaan ini adalah guru<sup>142</sup>. Seperti kata Imam al-Ghazali, tugas dan tanggungjawab seorang guru lebih besar daripada ibubapa kerana guru yang berperanan mengajar ilmu dunia dan akhirat<sup>143</sup>. Dengan kata lain, guru menjadi tunjang kepada keilmuan dan pengetahuan murid.

Berdasarkan kajian Samsoo Sa-U dan Nik Suryani, faktor dalaman yang membentuk persepsi positif guru terhadap pengajaran KBAT ialah efikasi guru dan nilai pengajaran sama seperti kajian yang telah dijalankan oleh Rosnani dan Suhailah (2003). Selain itu, faktor luaran yang membantu persepsi positif terhadap pengajaran KBAT pula ialah sokongan dari kurikulum dan sekolah<sup>144</sup>.

Rajah 2.2 Persepsi Guru Terhadap Pengajaran KBAT



Sumber : Berdasarkan Samsoo Sa-U & Nik Suryani Nik Abd Rahman ( 2010)

<sup>142</sup> Arthur L. Costa, *Teacher Behavior*, 359-369.

<sup>143</sup> Al-Ghazzali, *Ihya Ulumuddin*, terj. Ismail Yakub, 137.

<sup>144</sup> Samsoo Sa-U & Nik Suryani Nik Abd Rahman, " Factors Influencing Teachers' Perceptions on Teaching Thinking : A case Study in Kuala Lumpur, Malaysia " ( Kertas Kerja, The 4<sup>th</sup> International Postgraduate Research Colloquium IPRC Proceedings, International Islamic University Malaysia), 148.

### 2.4.1 Nilai Pengajaran KBAT

Umum mengetahui nilai pengajaran KBAT dijalankan secara eksplisit dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Antara nilai-nilai yang terdapat dalam pengajaran KBAT ialah menggalakkan murid berfikir luar dari kotak pemikiran mereka, berani mengeluarkan hujah dan idea, menjadikan murid lebih berdikari dan kehadapan. Daripada kajian Nor Hasmaliza Hassan<sup>145</sup>, Sukiman Saad et.al<sup>146</sup>, Mustapha Kamal<sup>147</sup> dan Samsoo Sa-U<sup>148</sup> mendapati guru memberi respon yang positif terhadap nilai KBAT. Antara nilai pengajaran KBAT ialah dapat membantu pelajar dalam meningkatkan pencapaian akademik<sup>149</sup>, nilai tambah kepada peluang pekerjaan<sup>150</sup>, berguna untuk diaplikasikan di dalam kehidupan seharian ( di luar sekolah), menjadikan murid berfikiran matang, bersikap teliti dalam membuat keputusan, peka dan prihatian, bertanggungjawab dan berjiwa besar<sup>151</sup>. Menurut David S. Martin, antara lain nilai pengajaran KBAT dijalankan dalam kurikulum adalah sebagai salah satu strategi untuk menyelesaikan masalah peribadi dan keperluan untuk menghadapi masalah negara dan dunia yang lebih kompleks<sup>152</sup>.

---

<sup>145</sup> Nor Hasmaliza Hasan dan Zamri Mahamod, "Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran" ( Kertas Kerja, Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Keempat, Fakulti Pendidikan UKM dan Jabatan Pengajian Melayu IPG Kampus Batu Lintang, 5-8 Mac 2015).

<sup>146</sup> Sukiman Saad et.al, " Pengajaran Kemahiran Berfikir: Persepsi dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah ", *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia* 2, no 1.

<sup>147</sup> Mustapha Kamal bin Ahmad Kassim, "Persepsi Siswa Guru Diploma Pendidikan Lepas Ijazah Program Pelajar Cemerlang Terhadap Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur) ( Kertas Kerja, Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan ( SPPK), Institut Pendidikan Guru Malaysia, IPG Kampus Ilmu Khas, 5-7 Julai 2015).

<sup>148</sup> Samsoo Sa-U & Nik Suryani Nik Abd Rahman, " Factors Influencing Teachers' Perceptions on Teaching Thinking : A case Study in Kuala Lumpur, Malaysia" ( Kertas Kerja, The 4<sup>th</sup> International Postgraduate Research Colloquium IPRC Proceedings, International Islamic University Malaysia).

<sup>149</sup> Maureen Shyamala Rajamoney, "HOTS In Writing Skills In The Classroom Among Students in a Secondary School in Seremban, Malaysia" ( Kertas Kerja, Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan ( SPPK), Institut Pendidikan Guru Malaysia, IPG Kampus Ilmu Khas, 5-7 Julai 2015).

<sup>150</sup> Rahimin Affandi, et.al, "Pemikiran Kritis dan Kemahiran Penyelesaian Masalah di IPTA Islam Malaysia: Satu Analisis Paradigma" ( Kertas Kerja, SKIS 08).

<sup>151</sup> Mohd Azhar Abd. Hamid, Pengenalan Pemikiran, 115-116.

<sup>152</sup> David S. Martin, *For Administrators:*, 123.

## 2.4.2 Efikasi Guru

Selain itu, efikasi guru adalah salah satu faktor dalaman yang berperanan memberi kekuatan dan semangat kepada guru dalam melaksanakan KBAT dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Efikasi guru adalah melibatkan kemampuan dan kehendak yang tinggi untuk melakukan perubahan. Teori efikasi sendiri pada umumnya mula diperkenalkan oleh Bandura (1977) iaitu kepercayaan peribadi seseorang untuk melaksanakan sesuatu tugas mengikut piawaian yang telah ditentukan. Selepas itu, teori ini telah dikembang oleh Ashton (1984) dan Gibson & Dembo (1984) dengan memberi fokus kepada efikasi sendiri guru<sup>153</sup>. Menurut Ashton efikasi guru ialah kayu ukur terhadap keyakinan guru bahawa guru mempunyai pengaruh ke atas prestasi murid secara keseluruhan, bukan sahaja dalam bidang akademik malah dalam membina peribadi murid. Selain itu, efikasi guru juga berperanan mendorong guru melaksanakan tugas dalam mendidik dan membimbing murid yang memerlukan kepada kesabaran, ketahanan, dan kreativiti yang tinggi. Guru yang mempunyai efikasi yang tinggi sentiasa berfikiran positif terhadap murid<sup>154</sup>. Dr Hossein Nasr, Dr Baloch, Dr. Aroosi dan Dr. Badawi sepakat menyimpulkan institusi perguruan berperanan melahirkan guru yang berdedikasi dan tanggungjawab yang mampu mendorong murid supaya berminat dengan tatasusila etika dan moral yang diajarnya dan yang diterjemahkan dalam amalannya<sup>155</sup>

Efikasi yang teguh dalam diri akan melahirkan guru yang lebih bertenaga dalam tugas yang diberikan, tabah, menetapkan matlamat yang lebih mencabar dan tetap

---

<sup>153</sup> NoorNajihan Jaafar dan Ab Halim Tamuri, Hubungan Antara Efikasi Kendiri Dengan Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia, *Journal of Islamic and Arabic Education* 5(1), 2013, 43-44.

<sup>154</sup> Ashton, P, Teacher Efficacy: A Motivational Paradigm for Effective Teacher Education, *Journal of Teacher Education* 35 (5), 1984, 28-32.

<sup>155</sup> S.S Husain & S.A Ashraf, *Krisis dalam Pendidikan Islam* terj. Maso'od Abdul Rashid, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 134.

terus menghadapi halangan dan kegagalan. Semakin tinggi efikasi seorang guru maka semakin fleksibel lagi guru itu untuk melibatkan diri dengan tugas yang kritikal dan kreatif<sup>156</sup>. Ini selari dengan lima peranan utama guru Pendidikan Islam iaitu guru sebagai *mudarris, muaddib, murabbi, mursyid dan mua'llim*<sup>157</sup>. Ciri-ciri efikasi guru itu secara tidak langsung dapat dilihat dalam lima peranan utama tersebut antaranya guru membimbing murid dalam membuat sesuatu keputusan, merangsang pemikiran murid dan mengajar dengan bertenaga dan aktif di dalam dan luar kelas<sup>158</sup>. Menerusi kajian tentang kepentingan efikasi diri dalam guru Pendidikan Islam sebagai *Murabbi* menunjukkan tugas guru Pendidikan Islam sangat berat dalam mendidik murid untuk berjaya dunia dan akhirat dengan keperibadian yang baik. Guru memerlukan persiapan mental dan fizikal dan ia akan berjaya jika guru Pendidikan Islam mempunyai efikasi diri yang tinggi<sup>159</sup>. Seorang guru Pendidikan Islam yang baik dapat membina personaliti dirinya sebagai guru Pendidikan Islam yang professional. Sifat yang penting dalam diri guru Pendidikan Islam adalah ghairah terhadap tugasnya<sup>160</sup>. Kesungguhan dan kerajinan guru akan mendorong minat murid dengan pengajarannya. Salah satu ciri profesional guru adalah mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam sesuatu bidang atau kemahiran yang khusus. Dalam konteks pengajaran KBAT dalam Pendidikan Islam, Imam al-Ghazali menekankan penguasaan ilmu yang mantap sebagai asas dalam mencapai akhlak yang mulia. Selain itu, guru juga perlu mempunyai kefahaman, kemahiran dan kebolehan yang baik untuk mengajar dan mengembangkan pemikiran dan idea murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

---

<sup>156</sup> Arthur L. Costa and Robert J. Garmston, *Five Human Passions: The Origins of effective Thinking*, 18.

<sup>157</sup> Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam*, 82.

<sup>158</sup> *Ibid.*, 84-101

<sup>159</sup> Noornajihan Jaafara ; Ab. Halim Tamuri et.al, *The Importance of Self-Efficacy : A Need For Islamic Teachers as Murabbi*, , *International Conference on Education and Educational Psychology (ICEEPSY 2012)*.

<sup>160</sup> Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010, 30.



### 2.4.3 Sokongan Kurikulum dan Sekolah

Jalinan permuafakatan yang strategik yang saling melengkapi di antara sekolah, ibubapa dan kurikulum dapat menjayakan pengajaran KBAT di sekolah. Pengajaran KBAT yang telah dimasukkan ke dalam sistem pendidikan negara tidak akan berjaya tanpa sokongan luaran iaitu dari sumber kurikulum dan pihak sekolah. Kerjasama dari organisasi baik dari pihak pentadbiran ataupun pihak yang bertanggungjawab berperanan ke arah melahirkan ahli organisasi yang pro aktif. Seperti mana kajian yang dijalankan oleh Mohamad Zakaria mendapati kerjasama berkumpulan dan sokongan dari pihak pentadbir sangat memberi kesan dalam penghasilan kerja guru<sup>161</sup>. Sokongan luaran seperti silibus, buku panduan berkaitan KBAT, penggunaan buku teks, sokongan dari Guru Besar serta kursus-kursus yang berkaitan berperanan penting dalam mewujudkan budaya pengajaran KBAT sama ada di kelas mahupun sekolah. Guru besar sebagai pemimpin di dalam komuniti sekolah bertanggungjawab memastikan dan menyediakan keperluan kepada wujudnya budaya pengajaran KBAT di kalangan guru dan murid. Berkongsi visi bersama guru dan murid dalam merealisasikan pengajaran KBAT adalah salah satu elemen penting dalam mewujudkan budaya berfikir aras tinggi di sekolah<sup>162</sup>. Sepertimana garis panduan yang telah diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu mekanisme pelaksanaan jangka pendek bagi menyokong KBAT di sekolah iaitu dengan sarana ibu bapa. Antara inisiatif aktiviti KBAT yang disarankan melalui sarana ibu bapa ialah menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif di sekolah, mengamalkan komunikasi serta bersosial dengan anak dan

---

<sup>161</sup> Mohamad Zakaria Mat Khazani & Norhani Bebe Binti Alta Miah, “ Peranan Sokongan dan Kerjasama ke atas Penglibatan Peserta Kursus Pemantapan Pedagogi Pendidikan Agama Islam Sekolah Rendah Zon Tengah Dalam Penghasilan Projek Inovasi” (Kertas Kerja, Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan ( SPPK), Institut Pendidikan Guru Malaysia, IPG Kampus Ilmu Khas, 5-7 Julai 2015), 588.


<sup>162</sup> William C. Martin, Building , 123-126.

sokongan akademik<sup>163</sup>. Secara tidak langsung ibu bapa juga digalakkan untuk mengaktifkan diri dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

## 2.5 Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam terhadap KBAT

Dalam kitab *Ihya Ulum al-din*, karangan Imam al-Ghazali, beliau cukup menekankan peranan guru sehingga terdapatnya perbincangan yang panjang tentang tugas-tugas seorang guru. Menurut al-Ghazali guru yang terbaik ialah guru yang berilmu dan mengamalkannya, menjadikan Rasulullah sebagai qudwah, segera menasihati murid dan melarangnya berakhlak buruk<sup>164</sup>. Berdasarkan teori pendekatan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam menurut Imam al-Ghazali terdapat tiga perkara penting yang perlu wujud dalam diri seorang guru ialah ilmu atau kepakaran (agama dan isi pelajaran), kemahiran (pedagogi dan komunikasi) dan keperibadian atau sikap<sup>165</sup>.

Rajah 2.3 Teori Amalan Pengajaran Guru Imam al-Ghazali



Sumber : Berdasarkan Sarimah Mokhtar et. al (2010)

<sup>163</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Sokongan Komuniti dan Swasta untuk Meningkatkan Elemen KBAT, Bahagian Pembangunan Kurikulum*, KPM, 2014, 1.

<sup>164</sup> Al-Ghazzali, *Mukhtasar Ihya Ulumuddin*, terj. Ibnu Yasin, (Johor : Perniagaan Jahabersa, 2012), 13.

<sup>165</sup> Sarimah Mokhtar et al, *Amalan Pengajaran Pendidikan Islam: Aplikasi Teori Menurut Perspektif al-Ghazali dan Dunkin & Biddle* (Kertas Kerja 1<sup>st</sup> International Conference on Islamic Education 2010 (ICIED 2010), 29 Sept – 1 Disember 2010), 642.

### 2.5.1 Ilmu dan Kepakaran

Ilmu merupakan perkara asas dan penting dalam pendidikan. Seorang guru haruslah mempunyai ilmu dan kepakaran dalam bidang yang diajarinya. Selari dengan peranan guru sebagai *mua'llim*, guru perlu menguasai ilmu, menyepadukan ilmu intra dan inter bidang, menggalakkan penambahan ilmu serta mengaplikasi ilmu dan menjelaskan idea<sup>166</sup>. Sepertimana pesanan Abu Hanifah kepada anak muridnya Abu Yusuf, para guru hendaklah memperkuatkan semangat untuk meningkatkan ilmu dan kepakaran<sup>167</sup>. Jelas menunjukkan ilmu dan kepakaran merupakan tunjang utama para guru dalam proses mendidik murid. Begitu juga dengan pandangan Imam al-Ghazali, betapa pentingnya ilmu perlu dikuasai oleh guru sehinggakan beliau menyatakan guru mempunyai hak yang lebih besar dari hak ibu bapa. Ini kerana hasil dari ibu bapa yang menyebabkan lahirnya seorang anak dan dapat hidup di dunia ini manakala guru pula menjadikan anak itu mendapat kehidupan yang baik dengan ilmu yang diajarinya<sup>168</sup>. Menurut Abdullah Ishak, guru Pendidikan Islam perlu menguasai ilmu pengetahuan Islam secara mendalam selain menguasai berbagai jenis ilmu pengetahuan yang lain seperti psikologi, sosiologi, sejarah, bahasa dan kesusasteraan<sup>169</sup>.

Dalam konteks kehendak pendidikan pada hari ini, guru Pendidikan Islam juga perlu menguasai ilmu KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas memandangkan KBAT adalah salah satu pemangkin kepada penguasaan kemahiran kognitif murid. Begitu juga seperti yang dinyatakan oleh Syed Muhammad Naquib al Attas, guru berperanan untuk menasihati dan membimbing murid dalam proses menyampaikan ilmu, itu tidak bererti mengongkong keperibadian murid, kebebasannya

---

<sup>166</sup> Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, Pendidikan Islam, 102

<sup>167</sup> Mohd Anuar Mamat dan Wan Suhaimi Wan Abdullah, Adab-adab menurut Imam Abu Hanifah: Kajian terhadap Wasiyyah Abi Hanifah li Abi Yusuf, *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 7 (2014): 97-130, 115

<sup>168</sup> Al-Ghazzali, *Ihya Ulumuddin*, 137.

<sup>169</sup> Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam*, 84.

dan kreativitinya<sup>170</sup>. Dalam erti kata lain, masih ada ruang dan peluang untuk murid memberi idea dan pandangan terhadap sesuatu tajuk yang dipelajari sesuai dengan strategi dan kaedah yang dipraktikkan oleh guru Pendidikan Islam semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Guru perlu menguasai ilmu KBAT yang mana terdapat dua aras yang utama iaitu berfikir aras rendah dan berfikir aras tinggi. Antara aktiviti yang melibatkan kemahiran berfikir aras rendah ialah menghafaz, mengenalpasti, mendefinisi, menerangkan, menunjuk cara, menyenaraikan dan mengkategorikan. Aktiviti-aktiviti ini selari dengan aras rendah taksonomi Bloom iaitu mengingat, memahami dan mengaplikasi. Manakala, aktiviti seperti menyelesaikan masalah, membanding beza, menghubungkan, membuat keputusan, mengeluarkan hujah dan pendapat dan menggabungkan pengetahuan merupakan aktiviti beraras tinggi. Justeru guru Pendidikan Islam hendaklah jelas dengan ilmu yang berkaitan KBAT agar dapat mengaplikasikannya di dalam kelas.

### **2.5.2 Kemahiran**

Sebagai seorang guru Pendidikan Islam haruslah menguasai ilmu pengetahuan bukan sahaja dalam bidang Pendidikan Islam tetapi hendaklah bijak menyampaikan ilmu pengetahuan tersebut dengan berkesan. Justeru, guru perlu menguasai kemahiran pedagogi dan strategi-strategi yang membantu murid untuk menguasai KBAT. Penggunaan alat berfikir seperti pengurusan grafik, soalan dan penyoalan dan peta minda mampu menjana daya berfikir lebih tinggi murid<sup>171</sup>. Kaedah penyoalan beraras tinggi amat memberi kesan kepada murid dengan menghasilkan respon dan jawapan

---

<sup>170</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah dan*, 207.

<sup>171</sup> Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam*, 169.

yang beraras tinggi<sup>172</sup>. Sepertimana Nabi Muhammad s.a.w juga telah mempraktikkan dikalangan para sahabat di mana baginda menguji para sahabat dengan mengembalikan kepada pendengar untuk menjawab persoalan<sup>173</sup>. Hal ini bertujuan untuk melatih para sahabat tersebut agar menjawab persoalan secara ilmiah. Kaedah ini juga telah diaplikasikan oleh Imam Abu Hanifah dalam pengajaran beliau. Beliau berkemahiran mengemukakan soalan dan menjawab persoalan yang dikemukakan sehingga mendapat pengiktirafan dari para ulama dan guru sezamannya. Kaedah ini membantu mengembangkan pemikiran dan kefahaman murid. Jika kaedah penysoalan ini tidak membantu memberi kefahaman kepada murid, beliau seterusnya menggunakan pendekatan dialog dan berdebat yang secara tidak langsung lebih menjurus kepada persoalan beraras tinggi<sup>174</sup>.

Selain kaedah penysoalan, pendekatan lain yang digunakan ialah aktiviti secara berkumpulan dengan menggalakkan murid membuat perbandingan, kesimpulan, sinstesis dan menyelesaikan masalah<sup>175</sup>. Salah satu pendekatan yang perlu diusahakan guru dalam mencapai hasil yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran KBAT ialah memberi kesempatan seluas-luasnya kepada murid untuk mencuba, menyelidiki, menyelesaikan dan berfikir sendiri agar dapat membentuk murid untuk berdiri sendiri<sup>176</sup>. Oleh yang demikian, pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid merupakan salah satu strategi yang terbaik untuk diaplikasikan. Guru perlu meminimumkan peranan agar dapat memberi peluang kepada murid untuk bekerjasama, berlatih mengembangkan potensi intelek, menampilkan keyakinan dan percaya diri<sup>177</sup>. Melalui pendekatan berkumpulan, aktiviti perbincangan yang dijalankan adalah lebih

---

<sup>172</sup> S. Supramani, Penysoalan Guru: Pemangkin Pemikiran Aras Tinggi Murid, *Jurnal Pendidikan* 2006, 242.

<sup>173</sup> Abdul Fattah Abu Ghuddah Al Halabi Al-Suri, *40 Teknik Rasulullah Mengajar*, terj. Shuhadak Mahmud, 189.

<sup>174</sup> Anuar Mamat dan Wan Suhaimi Wan Abdullah, *Tujuan Pendidikan*, 155.

<sup>175</sup> *Ibid.*, 171

<sup>176</sup> Mohd Kamal Hassan, *Pendidikan dan*, 138.

<sup>177</sup> Kamarudin Hj. Husin, *Kemahiran Berfikir*, 142.

menyeronokkan kerana murid boleh memberi idea dengan berani mengikut aras pemikiran mereka dan guru pula berperanan membimbing setiap perbincangan yang dilakukan agar mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, kemahiran berkomunikasi juga perlu dikuasai guru Pendidikan Islam dalam menerapkan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Komunikasi dua hala antara guru dan murid amat penting untuk mencungkil pemikiran yang terbentuk dalam minda murid secara berkesan. Bahkan komunikasi di antara murid yang melibatkan interaksi minda melalui proses perbincangan dan persembahan dapat melahirkan kecekapan linguistik dan berkomunikasi secara terancang sekaligus dapat berkongsi maklumat sesama mereka<sup>178</sup>.

Melalui kemahiran-kemahiran yang dimiliki oleh guru secara tidak langsung menarik minat murid untuk mengikuti pembelajaran seterusnya merangsang daya berfikir murid. Dalam konteks kajian ini, guru Pendidikan Islam perlu berkemahiran mengatur strategi pengajaran dan pembelajaran yang mendorong kepada pengajaran KBAT di dalam tajuk yang diperbincangkan.

### **2.5.3 Keperibadian dan Sikap**

Sikap dan keperibadian yang baik adalah tunjang utama dalam diri seorang guru. Bertepatan dengan pendapat pakar-pakar pendidikan, guru perlu menyediakan diri sebagai qudwah hasanah kerana sifat tersebut adalah daripada sunnah Rasul dengan Rasulullah adalah sebagai model terbaik<sup>179</sup>. Kehebatan baginda dapat dilihat dari aspek kesempurnaan kejadian, kesempurnaan akhlak dan budi pekerti, kesempurnaan tutur bicara dan kesempurnaan amalan dan tindakan. Sebagaimana firman Allah s.w.t:

---

<sup>178</sup> *Ibid.*, 186-187.

<sup>179</sup> Zaharah Hussin, Mendidik Generasi Berakhlak Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam, laman sesawang [https://www.researchgate.net/publication/242202737\\_MENDIDIK\\_GENERASI\\_BERAKHLAK\\_MULIA\\_FOKUS\\_PERANAN\\_GURU\\_PENDIDIKAN\\_ISLAM](https://www.researchgate.net/publication/242202737_MENDIDIK_GENERASI_BERAKHLAK_MULIA_FOKUS_PERANAN_GURU_PENDIDIKAN_ISLAM).

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ

اللَّهِ كَثِيرًا

Al-Ahzab 33: 21

Terjemahan: Sesungguhnya Telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.

Menurut Imam al- Ghazali, guru perlulah mengikuti jejak Rasulullah dengan segala sifat dan sikap yang ada pada baginda<sup>180</sup>. Ini menunjukkan sikap yang positif mampu merangsang murid dengan lebih baik. Antara sikap yang perlu ada pada guru Pendidikan Islam dalam menggalakkan pengajaran KBAT di kalangan murid ialah menggunakan teknik penyoalan untuk mencabar intelek murid, menyusun atur kelas kepada individu atau kumpulan untuk berinteraksi, memberi respon kepada murid dan tingkah laku guru yang mempengaruhi intelek murid seperti mendengar dan menerima masalah dan pandangan murid<sup>181</sup>.

Sikap guru terhadap pengajaran dan pembelajaran KBAT merupakan salah satu perkara penting yang perlu diberi penekanan. Di dalam hal ini, guru berperanan sebagai penganalisis keperluan, sebagai perunding dan sebagai pengurus kumpulan<sup>182</sup>. Sebagai penganalisis keperluan, guru perlu mempertimbangkan dengan baik respon dan idea yang dikemukakan oleh murid. Selain itu guru perlu memberi masa kepada murid dalam memberi pandangan serta berfikiran terbuka dalam menilai sesuatu pandangan berdasarkan alasan yang munasabah. Sebagaimana yang dilakukan oleh baginda Nabi Muhammad s.a.w. kepada para sahabat, baginda menyoal para sahabat dengan tujuan

<sup>180</sup> Al-Ghazzali, *Ihya Ulumuddin*, 138.

<sup>181</sup> Arthur L. Costa, *Teacher Behavior*, 359

<sup>182</sup> Kamarudin Hj. Husin, *Kemahiran Berfikir*, 148.

melihat kebijaksanaan dan kecerdikan para sahabat melalui hujah yang dikemukakan dan dapat menguji ilmu mereka<sup>183</sup>.

Salah satu sikap guru yang menggalakkan pemikiran aras tinggi murid adalah dengan memberikan masa menunggu jawapan sebelum mengharapkan respon murid. Dengan kata lain, guru memberi ruang kepada murid untuk berfikir dan mengeluarkan pendapat. Perkara ini juga dapat disandarkan kepada teknik yang digunakan oleh baginda Nabi Muhammad s.a.w. iaitu baginda mengulang-ulang panggilan terhadap Saidina Mu'az bin Jabal dan pada yang sama baginda melewati jawapan. Hal ini dapat dilihat dalam peristiwa Saidina Mu'az membonceng di belakang Nabi lalu baginda beberapa kali memanggil Saidina Mu'az. Setelah itu baginda mengemukakan persoalan berkenaan hak Allah terhadap hamba-Nya dan hak hamba terhadap Allah dengan baginda melewati memberi jawapan kepada Saidina Mu'az<sup>184</sup>. Sikap baginda ini bertujuan menarik minat sahabat agar memahami dan mengingat perkara tersebut.

Selain itu, guru yang mengamalkan pengajaran KBAT perlu bersikap memberi penjelasan yang lebih mendalam jika sesuatu perkara itu tidak jelas. Ini kerana setiap murid mempunyai tahap dan daya pemikiran yang berbeza. Imam al-Ghazali menekankan tugas guru yang ketujuh dalam kitabnya iaitu merujuk kepada murid yang rendah aras kefahamannya hendaklah diberikan penerangan dan pelajaran dengan jelas sesuai dengan tahap pemikiran mereka<sup>185</sup>.

Justeru, guru Pendidikan Islam hendaklah menggalakkan pemikiran beraras tinggi murid dengan menyemai sikap dan respon yang positif dan pro aktif supaya dapat menjana idea, menarik minat murid terhadap pelajaran Pendidikan Islam dan murid berani ke hadapan.

---

<sup>183</sup> Abdul Fattah Abu Ghuddah Al-Halabi Al-Suri, *40 Teknik Rasulullah*, 139.

<sup>184</sup> *Ibid.*, 223-224.

<sup>185</sup> Al-Ghazali, *Ihya Ulumuddin*, 142.




## 2.6 Kerangka Kajian

Kajian ini menggunakan teori yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun dalam membincangkan mengenai KBAT. Ibn Khaldun membahaskan terdapat empat peringkat dalam pemikiran manusia yang mana diimplementasikan menerusi elemen yang terdapat dalam KBAT iaitu *Aql al Tamyiz* bersamaan dengan peringkat mengaplikasi dan *'Aql al Tajribi* bersamaan peringkat menganalisis. Manakala *'Aql al Nazari* bersamaan dengan peringkat menilai dan *Asbāb wa al Musabbab* pula bersamaan dengan peringkat mencipta.

Selain itu, kajian ini juga menggunakan teori Imam al-Ghazali dalam mendidik akhlak melalui amalan pengajaran guru dalam kitabnya *Ihya Ulumuddin*. Berdasarkan teori tersebut al-Ghazali menyatakan ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seorang guru, pertama ialah ilmu dan kepakaran. Dalam konteks kajian ini guru Pendidikan Islam perlu mempunyai ilmu berkaitan dengan KBAT. Kedua, guru Pendidikan Islam perlu mahir dalam pedagogi, kaedah, strategi dan teknik pengajaran yang membantu murid dalam memahami dan mengaplikasi KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Ketiga, guru harus memiliki keperibadian yang baik dan sikap yang positif terhadap pengajaran KBAT di dalam bilik darjah agar dapat memberi contoh kepada murid. Pengkaji telah membina kerangka konseptual kajian seperti berikut

## Rajah 2.4 Kerangka Konseptual Kajian



Sumber : Berdasarkan Samsoo Sa-U & Nik Suryani Nik Abd Rahman (2010) dan Teori al-Ghazali (1966)

Berdasarkan kerangka konseptual di atas, kajian ini melihat hubungan yang wujud di antara persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT dan praktikalnya melalui amalan pengajaran guru Pendidikan Islam semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

### 2.7 Kajian-kajian yang lepas

Pengajaran KBAT amat penting diaplikasikan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan selaras dengan kepentingan dan keperluannya dalam pendidikan abad 21 kini. Justeru pelbagai kajian yang berkaitan pengajaran kemahiran berfikir telah dijalankan sama ada diperingkat sekolah mahupun di peringkat institusi pengajian tinggi. Jika diperingkat sekolah kajian tersebut dapat dilihat dalam mata

pelajaran seperti Sains, Sejarah, Matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Pendidikan Islam.

Semenjak pengajaran kemahiran berfikir mula diperkenalkan di dalam sistem pendidikan negara, terdapat dua istilah yang telah digunapakai iaitu Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Walaubagaimanapun, kajian yang berkaitan KBAT masih diperingkat awal dan belum meluas di Malaysia memandangkan KBAT baru sahaja diperkenalkan dalam sistem pendidikan di negara ini.

Justeru, perbincangan mengenai kajian-kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kajian yang berkaitan kemahiran berfikir kritis dan kreatif, kajian yang berkaitan KBAT dan kajian yang berkaitan KBAT dalam Pendidikan Islam.

### **2.6.1 Kajian yang berkaitan Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif ( KBKK)**

Terdapat banyak istilah yang sering digunakan merujuk kepada kemahiran berfikir seperti pemikiran kritis, berfikir kritis, berfikir kritis dan kreatif (KBKK). Kajian yang berkaitan kemahiran berfikir telah banyak dijalankan sejak mula diperkenalkan antaranya kajian yang dijalankan oleh Rosnani Hashim<sup>186</sup> yang membahaskan tentang kajian-kajian yang pernah dijalankan berhubung dengan pengajaran kemahiran berfikir kritis dan kreatif. Melalui kajian ini perbincangan telah dibahagikan kepada empat bahagian iaitu pertama guru dalam perkhidmatan dan pra-perkhidmatan; kedua pendidikan menengah; ketiga pendidikan rendah dan keempat kemahiran kreatif. Hasil dari kajian ini mendapati masalah yang paling serius yang dihadapi ialah para guru

---

<sup>186</sup> Rosnani Hashim, "Investigation on The Teaching of Critical and Creative Thinking in Malaysia" *Jurnal Pendidikan Islam* 10, 1 ( 2002), 39-56.

masih tidak bersedia dalam melaksanakan agenda KBKK kerana kekurangan ilmu dan kemahiran.

Masalah ketidaksediaan para guru ini masih dapat dilihat dalam dapatan-dapatan kajian yang dijalankan selepas kajian Rosnani Hashim (2002). Kajian Sharifah Nor Puteh melihat dari sudut keprihatinan guru Bahasa Melayu menerapkan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif sebagai aspek kurikulum yang perlu disepadukan dalam pengajaran Bahasa Melayu<sup>187</sup>. Dua dimensi menjadi fokus kajian ini iaitu peringkat keprihatinan guru terhadap KBKK dan tahap penggunaan amalan KBKK dalam pengajaran. Tahap peringkat keprihatinan dan tahap penggunaan guru dalam pelaksanaan KBKK dapat dilihat semasa sesi pengajaran dijalankan. Guru sebagai agen pelaksana dasar seharusnya mempunyai pengetahuan, kemahiran dan keupayaan berkaitan KBKK secara mendalam memandangkan KBKK telah lama diperkenalkan dalam pengajaran di sekolah. Namun kajian ini mendapati guru mempunyai kesedaran yang tinggi tetapi masih mempunyai pengetahuan yang umum sahaja tentang KBKK. Oleh itu, Sharifah Nor Puteh mencadangkan agar program intervensi yang bersesuaian diadakan bagi membantu dan menyokong guru-guru berganjak kepada peringkat keprihatinan sendiri dan penggunaan amalan KBKK mekanikal ke peringkat yang lebih tinggi.

Berbeza pula dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Fauzi Hamat et al<sup>188</sup>. Kajian ini melihat dari sudut pandangan para pelajar terhadap usaha guru mereka dalam menerapkan kemahiran berfikir kritis semasa sesi pengajaran berlangsung. Kajian ini membincangkan penerapan pemikiran kritis kepada pelajar sekolah menengah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (Pendidikan Syariah Islamiah dan Pendidikan al-Quran

---

<sup>187</sup> Sharifah Nor Puteh et. al, “Keprihatinan Guru Bahasa Melayu Dalam Melaksanakan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif”, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM* 2, no 2.

<sup>188</sup> Mohd Fauzi Hamat et al, “Penerapan Pemikiran Kritis Menerusi Silibus Pendidikan Islam, KBSM: Kajian di SMKA Negeri Melaka”, *Jurnal AFKAR Akidah dan Pemikiran Islam* 8, (2010).

dan al-Sunnah). Dalam usaha membudayakan berfikir kritis di kalangan masyarakat, penekanan terhadap usaha ini haruslah bermula di bangku sekolah lagi. Sekolah dilihat sebagai tempat yang terbaik kerana sekolah merupakan tempat formal para pelajar dididik dan didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang boleh menjana pemikiran mereka. Kemahiran berfikir tersebut dilihat pada aspek kemahiran menganalisis, kemahiran sintesis dan kemahiran menilai. Kajian yang dijalankan di dua buah sekolah yang kedua-duanya hanya mempunyai pelajar lelaki dan perempuan sahaja dalam tiap-tiap sekolah ini bertujuan melihat perbezaan yang terdapat di kalangan kedua-dua jantina tersebut. Kajian mendapati tahap penerapan kemahiran berfikir adalah tinggi dan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap jantina dan tingkatan pelajar. Melalui kajian ini perbezaan jantina dilihat sebagai salah satu faktor penerimaan seseorang pelajar terhadap pengajaran berfikir kritis. Analisis korelasi pula menunjukkan hubungan yang signifikan yang agak tinggi di antara ketiga-tiga konstruk yang dikaji.

Walaupun, melalui kajian Sarimah bt Kamrin dan Shaharom bin Nordin<sup>189</sup> yang bertajuk *Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikir Kritis Pelajar Sains Tingkatan Empat di Daerah Kulai Merentas Etnik* mendapati perbezaan etnik iaitu di antara Melayu, Cina dan India tidak membawa perbezaan min Kemahiran Berfikir Kritis yang bererti dalam kalangan pelajar Sains tingkatan empat merentas etnik. Dalam kajian ini, kemahiran seperti inferens, mengusul periksa andaian, deduksi, interpretasi dan penilaian hujah adalah sebagai kemahiran berfikir kritis. Selain itu, didapati 1.1% pelajar cina menghadapi masalah untuk menjawab dengan baik kemahiran membuat deduksi. Walaupun perbezaannya dilihat kecil, namun Sarimah mencadangkan agar guru-guru dapat mempelbagaikan penggunaan Bahasa yang mudah dan senang difahami oleh pelajar.

---

<sup>189</sup> Sarimah binti Kamrin dan Shaharom bin Noordin, “ Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikir Kritis Pelajar Sains Tingkatan Empat di Daerah Kulai Merentas Etnik” ( Kertas Kerja, Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains dan Matematik, Persatuan Pendidikan Sains dan Matematik Johor, Fakulti Pendidikan UTM & JPN Johor, 11-12 Oktober 2008).

Pedagogi yang digunakan oleh guru dalam usaha menerapkan kemahiran berfikir di kalangan pelajar dilihat amat penting. Pelbagai pedagogi yang telah diamalkan oleh para guru khususnya pemusatan kepada pelajar seperti kaedah diskusi kumpulan kecil, pembelajaran berasaskan masalah dan pembentangan hasil diskusi atau kajian. Namun berbeza sedikit pandangan dan cadangan yang dibawa oleh Rosnani Hashim dalam kertas kerjanya yang bertajuk *Memenuhi Aspirasi Kemahiran Berfikir dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menerusi inkuiri dan pedagogi filosofiyah dalam kalangan guru*<sup>190</sup>. Rosnani mencadangkan agar pendekatan pedagogi di institut latihan perguruan diubah dengan memperkenalkan pedagogi inkuiri filosofiyah atau pedagogi hikmah yang bertujuan melahirkan guru yang berfikiran kritis, kreatif dan berakhlak mulia. Pedagogi yang menjadi amalan oleh para guru adalah menjurus kepada menjawab peperiksaan dengan menggunakan latih tubi di dalam kelas. Pendekatan inkuiri filosofiyah atau pedagogi hikmah ini dilihat relevan kerana pertanyaan yang timbul adalah dari pelajar sendiri dan bukan hanya dari guru. Pedagogi ini menggalakkan pelajar mengemukakan pertanyaan yang kritis dan merenung secara kreatif kerana perbincangan dan pertanyaan adalah tersirat dalam filosofi itu sendiri. Secara tidak langsung ia dapat membuka minda pelajar, menambah keyakinan diri, kematangan emosi dan kefahaman diri secara am. Walaupun begitu, pendekatan ini agak sukar dilakukan dalam sistem pendidikan negara kerana kurang penerimaan dari pemimpin sekolah.

Kelebihan dan keberkesanan pendekatan pedagogi hikmah ini disokong melalui kajian kes yang dijalankan oleh Rosnani Hashim yang bertajuk *Keberkesanan Program “Falsafah Untuk Kanak-Kanak” Terhadap Kemahiran Membaca dan Berfikir Kritis:*

---

<sup>190</sup> Rosnani Hashim, “Memenuhi Aspirasi Kemahiran Berfikir Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Menerusi Inkuiri Dan Pedagogi Filosofiyah Dalam Kalangan Guru” ( Kertas Kerja, Persidangan Majlis Dekan Fakulti Pendidikan, Johor Bharu, 7-9 Oktober 2012).

*Kajian Kes di Sebuah Sekolah Rendah*<sup>191</sup>. Kajian ini dijalankan kepada murid tahun enam di sebuah sekolah di Tampin, Negeri Sembilan. Murid-murid telah dibahagikan kepada dua kumpulan yang terdiri dari murid yang berkebolehan tinggi dan sederhana. Murid-murid telah diajar oleh guru yang sama selama sejam dalam tempoh tiga minggu dengan menggunakan novel berjudul Pixie. Sejurus selesai program selama tiga minggu tersebut, borang soal selidik telah diedarkan kepada murid untuk mengetahui pandangan terhadap program ini. Akhir kajian ini menunjukkan berlakunya peningkatan kemahiran berfikir yang mengalakkan. Peningkatan kemahiran berfikir adalah lebih baik di kalangan murid yang berkebolehan tinggi berbanding murid yang berkebolehan sederhana. Kaedah ini juga mampu meningkatkan kemahiran berkomunikasi, merangka soalan dan berhujah di kalangan pelajar. Walaupun terdapat beberapa kekangan untuk diaplikasikan program ini di dalam bilik darjah seperti jumlah pelajar yang terlalu ramai di dalam kelas, Rosnani tetap mencadangkan bakal guru Bahasa didedahkan kepada program ini dan digunapakai sebagai satu bentuk pengisian pengajaran Bahasa Inggeris.

Penggubalan kurikulum yang selari dengan transformasi pendidikan dalam negara merupakan perkara yang perlu diberi perhatian. Ketidakstabilan ekonomi dan ketidaktentuan perubahan global memberi kesan kepada sistem pendidikan bukan sahaja di Malaysia bahkan di luar negara seperti di Amerika Syarikat dan England. Dalam situasi dunia kini, amat perlu difikirkan perkaitan antara tujuan dan bentuk kurikulum dengan persekitaran sosio-ekonomi yang sedang melalui proses perubahan. Perkara ini dinyatakan dalam penulisan Abu Bakar Nordin<sup>192</sup> yang bertajuk *Kurikulum Kearah Penghasilan Kemahiran Berfikir Kritis, Kreatif dan Inovatif*. Transformasi pendidikan bukan suatu perkara yang baru. Perubahan yang berlaku ini adalah untuk mengatasi masalah yang berlaku di peringkat makro dan mikro. Pada peringkat makro perubahan

---

<sup>191</sup> Rosnani Hashim, “Keberkesanan Program “Falsafah Untuk Kanak-Kanak” Terhadap Kemahiran Membaca dan Berfikir Kritis: Kajian Kes di Sebuah Sekolah Rendah”, *Jurnal Pendidikan Islam* 12, 1.

<sup>192</sup> Abu Bakar Nordin, “Kurikulum Kearah Penghasilan Kemahiran Berfikir Kritis, Kreatif dan Inovatif”, *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 1, (2013).

ini bertujuan menambah saiz potensi kumpulan bakat negara seperti menambah bilangan kanak-kanak di prasekolah terutama di kawasan luar bandar. Perubahan di peringkat mikro pula dikatakan agak rumit kerana memerlukan setiap pelajar merealisasikan potensi masing-masing secara menyeluruh selaras dengan falsafah pendidikan negara. Justeru, jika kemampuan berfikir hendak ditekankan maka perubahan di peringkat mikro di dalam bilik darjah perlu diamalkan dan guru perlu berkemahiran dalam proses mengendalikannya. Usaha menghasilkan kemahiran berfikir Kritis, Kreatif dan Inovasi khususnya dalam menerapkan KBBK haruslah berterusan sehingga ke peringkat yang lebih tinggi iaitu di institusi pengajian tinggi agar kemampuan berfikir dapat diperkukuh dan dimantapkan lagi dengan meneroka dan mempelajari dalam situasi-situasi baru sehinggalah menceburi dalam bidang profesional dan pengkhususan.

Dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia, penerapan pemikiran kritis dan penyelesaian masalah yang terkandung dalam subjek kemahiran insaniah telah diperkenalkan di kalangan pelajar pengajian tinggi khususnya kepada institusi pengajian tinggi yang beraliran Islam. Penerapan dua kemahiran ini iaitu kemahiran berfikir kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah dilihat sebagai salah satu langkah untuk membentuk akhlak mahasiswa, bukan sahaja untuk melahirkan pelajar cemerlang akademik semata-mata. Melalui penguasaan dua kemahiran ini mahasiswa dapat membuat perubahan dan kemajuan dalam diri sama ada semasa belajar atau sesudah tamat belajar. Pernyataan ini disokong melalui kajian yang dijalankan oleh Faridah Che Husain dan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim<sup>193</sup> yang bertajuk *Pembentukan Akhlak Mulia Mahasiswa Melalui Penerapan Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah: Suatu Pendekatan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di IPT*. Pendidikan

---

<sup>193</sup> Faridah Che Hussain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, "Pembentukan Akhlak Mulia Mahasiswa Melalui Penerapan Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah: Suatu Pendekatan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di IPT" ( Kertas Kerja, Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah Dan Kesejahteraan Sosial, 18-19 Ogos 2008).



berorientasikan isu, dilema dan konflik amat penting sebagai pendedahan kepada pelajar tentang pengalaman sosial dan budaya yang kompleks seterusnya membentuk pelajar menjadi lebih kritikal. Beberapa saranan yang telah dikemukakan dalam menerapkan kemahiran berfikir kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah semasa proses pengajaran dan pembelajaran adalah dengan cara kuliah, kaedah soal jawab, modul atau buku teks, Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL), Pembelajaran berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (POPBL) dan pembentangan. Di akhirnya kemahiran-kemahiran ini mampu menjadi benteng yang menyelamatkan pelajar dari serangan pemikiran, ideologi dan unsur-unsur negatif.

Berlainan pula dengan kajian yang dijalankan oleh Marlina Ali dan Shaharom Noordin<sup>194</sup> yang bertajuk *Hubungan Antara Kemahiran Berfikir Kritis Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Kajian ini memfokuskan kepada perkaitan di antara kemahiran berfikir kritis dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dalam kalangan pelajar program pendidikan Fizik di UTM. Ujian kemahiran berfikir kritis yang dijalankan tertumpu kepada kemahiran membuat inferens, mengusul periksa andaian, membuat deduksi, membuat interpretasi dan penilaian hujah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat pertalian yang bererti iaitu semakin tinggi kemahiran berfikir kritis maka semakin tinggi PNGK yang didapati oleh pelajar. Walaubagaimanapun, perbezaan tahun pengajian pelajar samada di tahun satu dan tahun empat menunjukkan tahap penguasaan kemahiran berfikir kritis berada di tahap yang sama. Justeru, penguasaan terhadap kemahiran berfikir di kalangan pelajar perlu diberi penekanan penting semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah agar dapat meningkatkan lagi prestasi pencapaian akhir para pelajar.

---

<sup>194</sup> Marlina Ali & Shaharom Noordin, “ Hubungan Antara Kemahiran Berfikir Kritis Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia” *Jurnal Teknologi* 52 ( Mei 2010).

Sebagai rumusan, kajian berkaitan KBKK ini dapat dilihat dalam pelbagai aspek seperti kajian terhadap kesediaan dan pengetahuan para guru, perbezaan tahap penerimaan kemahiran berfikir mengikut jantina lelaki dan perempuan dan juga etnik serta perubahan pedagogi yang menjadi amalan para guru kepada pedagogi falsafah yang membantu meningkatkan daya pemikiran murid. Selain itu faktor perubahan kurikulum samada perubahan dari sudut makro dan mikro juga dapat dilihat membantu mengembangkan pemikiran murid. Di peringkat pengajian tinggi pula, para pelajar perlu didedahkan dengan pendidikan yang berorientasikan isu, dilema dan konflik supaya secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan pencapaian dalam peperiksaan pelajar.

### **2.6.2 Kajian yang berkaitan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)**

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang mula diperkenalkan dalam pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah mendapat perhatian daripada pelbagai pihak samada dikalangan pendidik mahupun dikalangan ibu bapa. Perbincangan mengenai KBAT ini telah lama diperkatakan.

Kesediaan guru menerapkan kemahiran berfikir adalah tunjang utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini dilihat dari kajian N. S Rajendran<sup>195</sup> berkaitan kesediaan guru mengaplikasi KBAT. Kajian ini memberi penekanan kepada kesediaan guru dari aspek ilmu, kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta sikap mereka untuk megajar kemahiran berfikir aras tinggi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Amalan pengajaran yang dikendalikan guru di dalam kelas bukanlah sesuatu yang mudah. Corak pengajaran guru tidak akan sama pada setiap kelas yang diajar bergantung kepada kesediaan guru, tahap pencapaian murid dan bahan bantu

---

<sup>195</sup> N.S Rajendran, “ Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Kesediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran dan Pembelajaran” ( Kertas Kerja, Seminar/ Projek KBKK : Poster ‘ Warisan – Pendidikan – Wawasan’, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1-2 Ogos 2001).

mengajar yang digunakan. Selain itu, guru juga diharapkan mengubah cara pengajaran dan pembelajaran dari berpusatkan guru kepada berpusatkan murid. Secara tidak langsung ia dapat melibatkan murid secara aktif. Hasil kajian menunjukkan guru-guru percaya mereka bersedia dari aspek ilmu, kemahiran dan sikap terhadap pengajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris tetapi kurang bersedia dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap KBAT. Guru masih tidak menyebatkan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru, antara cadangan yang dikemukakan untuk diambil perhatian ialah guru perlu menambah ilmu dan keyakinan di dalam diri dalam menerapkan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran, penyediaan kursus-kursus yang mampu memberi kesan di kalangan guru dan diberi sistem sokongan yang baik termasuk bahan rujukan, bahan resos dan bengkel serta latihan untuk guru membincangkan isu-isu berkaitan pengajaran KBAT.

KBAT boleh dipelajari dari rangsangan dan latihan yang diperolehi dari pembelajaran harian. Penghasilan idea-idea baru amat ditekankan di peringkat IPT sesuai dengan tugas yang diberi. Oleh itu, KBAT dilihat sebagai salah satu cara untuk menjana idea pelajar dalam memastikan tugas yang diberi dapat diselesaikan dengan lebih berkesan. Menerusi kajian yang dijalankan oleh Yee Mei Hong et.al<sup>196</sup> yang bertajuk *Penggunaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Marzano Dalam Penjanaan Idea* menyarankan agar para pelajar menggunakan KBAT Marzano untuk menjana idea bagi menghasilkan suatu produk baru seperti menjana idea projek bagi mata pelajaran teknikal. Melalui Dimensi Pembelajaran Marzano, ia dapat membantu pelajar untuk mengekalkan tumpuan belajar, mempelajari proses belajar dan merancang kurikulum, pengajaran dan penilaian yang mempertimbangkan lima aspek pembelajaran kritis. Lima dimensi pembelajaran tersebut ialah sikap dan persepsi, memperolehi dan menyepadukan pengetahuan, memperluaskan dan menyempurnakan pengetahuan,

---

<sup>196</sup> Yee Mei Heong et al., “ Penggunaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Marzano Dalam Penjanaan Idea” (Kertas Kerja, Seminar Majlis Dekan Pendidikan IPTA, Shah Alam, 2-3 Ogos 2010).

menggunakan pengetahuan yang bermakna dan tabiat pemikiran. Walaubagaimanapun, kajian ini hanya bertumpu kepada dimensi yang ketiga iaitu Dimensi Memperluaskan dan Menyempurnakan Pengetahuan dengan membahaskan empat kemahiran berfikir aras tinggi iaitu membanding, mengklasifikasi, induktif dan deduktif.

Bakal-bakal guru turut memainkan peranan yang penting dalam menguasai ilmu dan kemahiran yang berkaitan KBAT. Pengajaran KBAT juga telah diterapkan di kalangan siswa guru yang menjalani latihan perguruan di Institut Perguruan dalam pelbagai bidang. Perkara ini dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Syed Ismail bin Syed Mustapa et.al<sup>197</sup> dan Nor Lela binti Ali<sup>198</sup>. Kedua-dua kajian ini mengambil siswa guru atau guru pelatih sebagai responden. Melalui kajian tinjauan oleh Syed Ismail bin Syed Mustapa mendapati persepsi siswa guru terhadap kegunaan KBAT adalah sederhana tinggi dan persepsi mereka terhadap amalan KBAT adalah tinggi. Daripada analisis data yang diperolehi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi kegunaan dan persepsi amalan KBAT dalam pengajaran siswa guru yang menunjukkan bakal guru percaya bahawa KBAT boleh dilaksanakan di dalam pengajaran dan pembelajaran dan telah menjalankan KBAT dalam pengajaran semasa praktikum berlangsung. Berbeza pula dengan kajian yang dijalankan oleh Norlela Binti Ali yang bertujuan mengetahui tahap aplikasi soalan KBAT dalam Program Pensiswazahan Guru (PPG). Tahap aplikasi ini dinilai dari tiga dimensi iaitu faktor menggunakan soalan KBAT, teknik menyoal dan tujuan menggunakan soalan KBAT. Kaedah soal jawab ini merupakan salah satu alat untuk menggalakkan murid berfikir, bezanya adalah teknik dan aras soalan yang digunakan. Dapatan kajian menunjukkan guru pelatih PPG mempunyai tahap yang tinggi dalam aplikasi soalan

---

<sup>197</sup> Syed Ismail bin Syed Mustapa et al., "Kegunaan dan Amalan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pengajaran Semasa Praktikum Fasa II, 2014" (Kertas Kerja, Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan ( SPPK), Institut Pendidikan Guru Malaysia, IPG Kampus Ilmu Khas, 5-7 Julai 2015).

<sup>198</sup>

KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Walau bagaimanapun, beberapa cadangan perlu diambil kira iaitu guru-guru perlu meningkatkan lagi pengetahuan tentang KBAT dan mengaplikasi soalan KBAT dengan menggunakan teknik yang terbaik.

Guru-guru merupakan tonggak dalam memastikan kelangsungan penerapan KBAT dalam sesi pengajaran. Justeru guru perlu memahami konsep dan kepentingan penerapan KBAT dalam kalangan pelajar. Tetapi masih terdapat segelintir guru yang kurang jelas dari sudut kefahaman dan amalan terhadap pengajaran KBAT. Perkara ini disokong melalui kajian yang dijalankan oleh Vijayaletmy Muniyandy dan Selvam Narayanasamy<sup>199</sup> berkaitan tahap pengetahuan guru sekolah menengah terhadap KBAT. Penilaian yang dijalankan merujuk kepada lima komponen iaitu pengetahuan guru tentang Buku KBAT terbitan KPM 2014, program sokongan berbentuk latihan pengayaan pengetahuan KBAT kepada guru, kemampuan guru membezakan KBKK dan KBAT, kemampuan guru mengadaptasikan suasana bilik darjah semasa pengajaran dan kekerapan guru merancang dan mengadakan pengajaran berasaskan KBAT. Pengkaji telah mencadangkan beberapa perkara seperti buku KBAT perlu diedarkan kepada semua guru, guru-guru baru dan lama perlu didedahkan dengan KBAT melalui kursus-kursus dan latihan dari semasa ke semasa dan pihak kementerian boleh menganjurkan aktiviti akademik berunsurkan KBAT.

Dapatan yang agak berbeza dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Nor Hasmaliza Hasan<sup>200</sup> yang menunjukkan guru Bahasa Melayu sekolah menengah memberi respon yang positif terhadap pelaksanaan KBAT. Kajian yang dijalankan

---

<sup>199</sup> Vijayaletmy Muniyandy dan Selvam Narayanasamy, “ Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di Sekolah Menengah : Tinjauan Terhadap Tahap Pengetahuan Guru-guru Tentang KBAT dan Perlaksanaanya”, ( Kertas Kerja, Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan ( SPPK), Institut Pendidikan Guru Malaysia, IPG Kampus Ilmu Khas, 5-7 Julai 2015).

<sup>200</sup> Nor Hasmaliza Hasan dan ZAmri Mahamod, “ Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran” ( Kertas Kerja, Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Keempat, Fakulti Pendidikan UKM dan Jabatan Pengajian Melayu IPG Kampus Batu Lintang, 5-8 Mac 2015).

berkaitan persepsi guru Bahasa Melayu terhadap KBAT ini menunjukkan tahap pengetahuan guru, tahap pelaksanaan KBAT, sikap guru dan penilaian guru terhadap KBAT berada pada tahap yang tinggi kecuali tahap pemahaman guru berada pada tahap sederhana. Pada item ‘kursus yang saya hadiri memberikan kefahaman yang baik tentang KBAT’ mendapat skor yang rendah menunjukkan kualiti kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak yang terlibat masih belum memuaskan. Justeru, pihak-pihak yang terlibat harus peka dan mengambil perhatian agar kursus dianjurkan khususnya berkaitan KBAT perlulah jelas dan mudah difahami oleh guru.

Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Zarina binti Abdul Rashid berkaitan kesediaan guru terhadap aplikasi KBAT yang melihat perbezaan tahap kesediaan pengetahuan dan tahap keperluan latihan guru berdasarkan pengalaman mengajar guru tingkatan tiga. Kajian ini melibatkan 138 orang guru daripada lima buah sekolah model abad ke-21 di daerah Batu Pahat, Johor. Fokus kajian ini adalah terhadap tahap kesediaan pengetahuan guru yang merangkumi empat aspek iaitu aspek pengetahuan berkaitan asas KBAT, pengetahuan dalam aspek pedagogi berunsurkan KBAT, pengetahuan dalam aspek pembinaan item KBAT dan pengetahuan dalam aspek pentaksiran dan juga keperluan latihan guru-guru. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru tingkatan tiga dalam keempat-empat aspek dan tahap keperluan latihan-latihan adalah tinggi. Selain itu, dapatan juga menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan di antara pengalaman mengajar 20 tahun dengan tahap kesediaan pengetahuan dan tahap keperluan latihan guru. Para guru tersebut menyatakan kurangnya latihan dan masih memerlukan latihan agar dapat membantu guru-guru mengaplikasikan pengetahuan mereka di dalam bilik darjah.

Pembinaan item kemahiran berfikir aras tinggi dalam instrumen pentaksiran pembelajaran juga merupakan perkara penting dalam mengaplikasikan KBAT dalam pengajaran. Kajian yang dijalankan oleh Afinde Othman tentang *Pengetahuan,*

*Kemahiran dan Amalan Guru Membina Item KBAT dalam Instrumen Pentaksiran Pembelajaran* menunjukkan tahap pengetahuan, kemahiran dan amalan guru membina item KBAT adalah berada pada tahap yang tinggi<sup>201</sup>. Kajian ini telah dijalankan kepada guru-guru matapelajaran tingkatan tiga dan lima di tiga buah sekolah daerah Muar, Johor. Hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan guru tingkatan tiga dan kumpulan guru tingkatan lima terhadap pengetahuan, kemahiran dan amalan dalam pembinaan item KBAT.

Terdapat juga kajian berkaitan KBAT yang dijalankan di sekolah rendah. Kajian analisis keperluan guru di sekolah rendah telah dijalankan oleh Nooriza Kassim dan Effandi Zakaria<sup>202</sup>. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan menemu bual empat orang guru Matematik di dua buah sekolah rendah. Dapatan kajian boleh dibahagikan kepada dua perkara utama iaitu merujuk kepada masalah yang dihadapi guru dan keperluan yang diperlukan oleh guru. Antara masalah yang dihadapi oleh guru ialah kesediaan guru untuk melaksanakan KBAT dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Guru kurang menggunakan kepelbagaian strategi dan terhadap kepada teknik penyoalan dan lapan peta pemikiran dalam Program *i-THINK*. Guru juga masih kurang jelas tentang aplikasi Taksonomi Bloom Semakan Semula. Kursus yang dihadiri juga kurang menekankan kepada aplikasi taksonomi tersebut. Pengetahuan asas murid, kesukaran murid memahami soalan beraras tinggi dan kesukaran guru membina soalan beraras tinggi adalah masalah yang dikenalpasti dihadapi oleh guru. Seharusnya murid perlu menguasai pengetahuan dan konsep asas sebelum dikemukakan soalan yang beraras tinggi. Kajian juga mendapati keperluan yang telah disuarakan oleh guru dalam mengintegrasikan KBAT dalam Matematik ialah kursus- kursus yang menekankan tentang KBAT bukan hanya sekadar tentang peta-peta pemikiran dan penyoalan yang lebih

---

<sup>201</sup> Afinde Othman, Pengetahuan, Kemahiran dan Amalan Guru Membina Item KBAT dalam Instrumen Pentaksiran Pembelajaran, Laporan projek Ijazah sarjana Pendidikan Teknikal, uthom, 2016.

<sup>202</sup> Nooriza Kassim dan Effandi Zakaria, “ Integrasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Analisis Keperluan Guru” *Jurnal Pendidikan Matematik* 3 (1), 2015.

bersifat umum. Selain itu, guru juga memerlukan modul sebagai garis panduan yang dapat membantu guru semasa pengajaran dan pembelajaran serta bahan-bahan sumber seperti bahan maujud yang diperlukan untuk aktiviti penerokaan secara *hands on*.

Penggunaan Bahasa dalam meningkatkan KBAT dalam sesi pengajaran dan pembelajaran juga dilihat penting. Perkara ini dapat dilihat pada kajian yang dijalankan oleh Shamilati Che Seman, Rahimah Embong dan Wan Mazwati Wan Yusoff berkaitan penggunaan Bahasa kognitif dalam pengajaran dan pembelajaran KBAT terhadap murid sekolah rendah<sup>203</sup>. Kajian ini menggunakan kaedah analisis secara kritikal dan konseptual secara kualitatif dan pemerhatian berstruktur terhadap PdP guru dibilik darjah. Kajian mendapati bahasa kognitif dan komponen konstruk KBAT mempunyai hubungkait. Penggunaan dan pemilihan kata tugas yang tepat dapat membantu murid memberi respon dengan baik. Ini kerana kata tugas mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan proses berfikir. Analisis seterusnya menunjukkan bahawa wujudnya pemetaan yang konsisten dalam suatu hubungan antara unsur-unsur Bahasa dan pemikiran. Berlakunya proses pengulangan dalam memastikan hubungan tersebut terbentuk secara automatik. Amalan ini dilakukan oleh guru untuk memastikan murid menguasai proses berfikir. Pembentukan tabiat berbahasa yang disulam dengan pengalaman membantu guru mencipta persekitaran yang berfikirah untuk PdP KBAT.

Selain itu, penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan daya inovatif murid dalam menghasilkan penulisan yang baik seperti kajian yang dijalankan oleh Maureen Shyamala Rajamoney<sup>204</sup>. Kajian berbentuk eksperimen yang dijalankan bertujuan mengenalpasti perbezaan pencapaian murid yang menggunakan KBAT dan tidak menggunakan KBAT dalam karangan mereka

---

<sup>203</sup> Shamilati Che Seman, Rahimah Embong dan Wan Mazwati Wan Yusoff, Bahasa Kognitif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bagi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah”, (Proceeding : 7<sup>th</sup> International Seminar on Regional Education, November 5-7, 2015).

<sup>204</sup> Maureen Shyamala Rajamoney, “HOTS In Writing Skills In The Classroom Among Students in a Secondary School in Seremban, Malaysia” ( Kertas Kerja, Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan ( SPPK), Institut Pendidikan Guru Malaysia, IPG Kampus Ilmu Khas, 5-7 Julai 2015).



khususnya dalam memindahkan maklumat kepada berbentuk grafik. Dan dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian karangan di antara pelajar yang menggunakan KBAT dan tidak menggunakan KBAT dalam penulisan mereka. Jelas menunjukkan penggunaan KBAT dalam pengajaran mampu melonjakkan pencapaian murid tidak kira dalam pelbagai mata pelajaran apa sekalipun.

Sebagai rumusan, kajian berkaitan KBAT ini dibincangkan dari pelbagai sudut sama ada respondennya terdiri dari guru dan murid di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan peringkat pengajian tinggi yang merangkumi pelbagai mata pelajaran. Antara perkara-perkara yang sering dikaji adalah berkaitan persepsi dan tahap kesediaan, pengetahuan seorang guru dan pelaksanaannya untuk mengaplikasikan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. perbincangan berkaitan ini juga dapat melihat kepentingan KBAT seperti melalui KBAT mampu menghasilkan sesuatu produk yang baru dan juga meningkatkan daya inovatif dan menghasilkan penulisan yang baik.

### **2.6.3 Kajian yang berkaitan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam**

Dalam sistem pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia, mata pelajaran Pendidikan Islam terkandung dalam salah satu modul teras Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Mata pelajaran ini juga tidak terkecuali daripada membincangkan isu-isu yang berkaitan KBAT tetapi kajian-kajian berkaitan KBAT dalam Pendidikan Islam masih agak terhad. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kajian terkini yang dijalankan oleh para pengkaji seperti kajian yang dijalankan oleh

Nur Aida Muhammad<sup>205</sup> berkaitan KBAT dalam Pendidikan Islam. Kajian kepustakaan yang dijalankan ini membahaskan aspek-aspek yang perlu diambil perhatian oleh guru dalam usaha menerapkan KBAT. Perbincangan mengenai penerapan KBAT melibatkan juga beberapa teori penting seperti teori Taksonomi Bloom (1956), teori perkembangan kognitif Piaget dan teori pembelajaran Bruner. Berdasarkan teori –teori ini dapat disimpulkan beberapa aspek penting seperti guru perlu mempunyai pengetahuan tentang konsep KBAT, menyedari tahap dan keperluan kognitif pelajar, memastikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan beraras tinggi dan merancang penerapan KBAT.

Hal yang hampir sama juga dibincangkan oleh Adnan Abd Rashid<sup>206</sup> dalam kertas kerja yang bertajuk *Elemen Pemikiran Aras Tinggi dalam Kurikulum Pendidikan Islam*. Islam adalah agama yang memandang ke hadapan atau *futuristic*. Hal ini dibuktikan dengan ayat-ayat al-Quran yang memerlukan manusia mentadabbur dengan menggunakan akal untuk difahami, dianalisis, dikaji dan dinilai yang mana melibatkan kekuatan daya penaaakulan akal pada aras tinggi. Dorongan penggunaan aras tinggi dalam kurikulum pendidikan Islam dianggap penting untuk melahirkan intelektual muslim yang berani berijtihad dengan ilmu-ilmu tafsir, hadith, fiqh dan bahasa Arab. Antara elemen dalam melengkapkan daya pemikiran aras tinggi ialah penekanan kepada afektif domain (menekankan aspek perasaan dan emosi seperti sikap, minat, apresiasi dan cara penyesuaian diri) yang serius dalam kurikulum Pendidikan Islam. Penerapan KBAT dapat digabungkan dengan pendekatan psikologi Neuro-Linguistic Programming (NLP) yang menekankan komunikasi yang berkesan dan diresapi afektif domain iaitu

---

<sup>205</sup> Nur Aida Muhammad dan Mohd Aderi Che Noh, “Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ( KBAT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah” ( Kertas kerja, Wacana pendidikan Islam siri ke-10, Fakulti Pendidikan UKM dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, Wisma MAJlis Agama Islam Sabah, 15-16 Disember 2014).

<sup>206</sup> Adnan Abd Rashid, “Elemen Pemikiran Aras tinggi dalam Kurikulum Pendidikan Islam” ( Kertas Kerja, Persidangan Meja Bulat “Membina Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam”, Institut Kefahaman Islam Malaysia(IKIM), 9 September 2014).

sikap, perasaan dan emosi pelajar dalam menghayati model yang dicontohi. Elemen yang kedua ialah aplikasi penyoalan dengan menggunakan aras soalan yang tinggi seperti di dalam bidang al-Quran dan Ibadah yang mampu membuat murid memikirkan dan menyatakan hikmah-hikmah di sebalik ayat dan permasalahan yang diutarakan. Elemen yang ketiga pula ialah pendekatan pengajaran guru yang berpusatkan murid seperti *flipped class* dan aktiviti menyelidik dan menyiasat maklumat. Adnan Abd Rashid juga mencadangkan beberapa perkara yang perlu ditekankan iaitu mengenalpasti silibus atau tajuk yang bersesuaian untuk mengaplikasikan KBAT kerana terdapat bidang yang hanya berasaskan fakta. Selain itu, menyediakan guru-guru Pendidikan Islam dengan seminar dan bengkel-bengkel berkaitan KBAT serta kemahiran ilmu merentas disiplin seperti sains agar dapat digabungkan dalam Pendidikan Islam.

Satu kajian tinjauan berkaitan pelaksanaan KBAT di sekolah menengah telah dijalankan oleh Norasmahani hj. Nor et. al, berkaitan pelaksanaan KBAT Pendidikan Islam di sekolah menengah. Seramai 20 orang guru Pendidikan Islam sekolah menengah di Wilayah Pesrsekutuan Putrajaya telah dipilih sebagai responden kajian. Kajian ini menjurus kepada mengenalpasti tahap kefahaman dan pelaksanaan KBAT dalam proses pengajaran Pendidikan Islam serta cabaran-cabaran yang didepani oleh guru Pendidikan Islam. Dapatan kajian mendapati tahap pelaksanaan KBAT dalam pengurusan dan pentadbiran dan tahap kefahaman KBAT dalam proses PdP adalah sederhana. Walaubagaimana hasil temu bual mendapati guru memahami bahawa proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan KBAT amat digalakkan menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan murid. Guru memainkan peranan sebagai fasilitator. Kajian juga mendapati tahap kefahaman perancangan pelaksanaan KBAT dalam PdP dan tahap kefahaman pembinaan item KBAT adalah tinggi. Namun demikian, tahap pelaksanaan pengajaran KBAT masih di tahap sederhana manakala tahap kefahaman penilaian KBAT berada pada tahap yang tinggi. Hasil pemerhatian mendapati guru

berusaha membimbing murid dengan melaksanakan aktiviti berpusatkan murid seperti aktiviti berkumpulan. Perbezaan yang berlaku dari sudut kefahaman dan pelaksanaan KBAT melalui dapatan kajian ini adalah daripada cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam. Cabaran utama dalam melaksanakan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah apabila melibatkan murid-murid yang berbeza tahap seperti murid yang sederhana dan lemah. Kesukaran menilai jawapan pelajar serta sistem pemarkahan yang tinggi juga merupakan cabaran yang dihadapi oleh guru serta pendedahan yang agak kurang mengenai KBAT dan kesukaran untuk memperolehi bahan dan latihan berkaitan KBAT.

Proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi kini dianggap penting lebih lagi dalam menjana KBAT di kalangan murid. Kemajuan teknologi dapat membantu para guru merubah pendekatan pengajaran dari pendekatan tradisional kepada yang lebih menarik dan moden. Perkara ini disokong dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Norasmahani et.al<sup>207</sup> berkiatan kesan teknologi maklumat dan komunikasi dalam menjana KBAT dalam Pendidikan Islam Dalam artikel ini, Norasmahani telah memfokuskan perbincangan mengenai TMK seperti penggunaan laman web, multimedia dan perisian Modul j-QAF model Bestari Solat dalam Pendidikan Islam yang mampu meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran komunikasi. Selain itu melalui TMK juga mampu meningkatkan motivasi dalam diri murid. Antara beberapa perkara yang dicadangkan adalah menyediakan kemudahan peralatan yang lengkap dan menyediakan guru dengan kemahiran mengendalikan aplikasi komputer agar pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan lancar dan mampu menjana pemikiran murid ke tahap yang lebih tinggi.

---

<sup>207</sup> Norasmahani Hj. Nor, Zulkefli Aini & Khadijah Abdul Razak, “ Impak Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Dalam Menjana kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pendidikan Islam” ( Kertas Kerja, International Seminar on Trabiyah ( ISoT), Fakulti Pendidikan KUIS, PIMM dan UIN Ar Raniry Banda Aceh, 5-8 Mac 2015.

Kefahaman tentang kepentingan dan pelaksanaan KBAT dalam pengajaran bukan sahaja perlu diterapkan kepada guru yang mengajar di sekolah bahkan kepada bakal guru juga. Kajian kualitatif yang dijalankan ini adalah berkaitan persepsi siswa guru terhadap aplikasi KBAT dalam Pendidikan Islam menunjukkan tujuh kepentingan KBAT diterapkan dalam Pendidikan Islam antaranya sebagai membuka ruang memberi idea yang baru, mengetahui tahap pengetahuan agama siswa guru, menjadikan pengajaran lebih menarik, dapat mengaplikasi teori yang dipelajari, dapat berfikir secara kritis dan kreatif, dapat menggabungjalin dengan mata pelajaran lain dan dapat belajar cara mengaplikasi KBAT pada masa akan datang. Walau bagaimanapun dapatan kajian terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran agak berbeza sedikit kerana pelaksanaannya kurang sempurna disebabkan kesuntukan masa dan kurangnya penghayatan semasa proses KBAT. Kajian ini dijalankan dengan menemubual enam orang siswa. Selain itu, dapatan kajian juga mendapati pensyarah menggunakan bentuk soalan yang sesuai dengan aras pemikiran pelajar, bersifat futuristik dan dapat mengaplikasi pelbagai kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran.

Selain kefahaman, kesediaan guru dalam menerapkan KBAT dalam pengajaran juga adalah penting. Satu kajian tinjauan telah dijalankan terhadap guru Pendidikan Islam sekolah rendah di Selangor<sup>208</sup>. Kajian tinjauan ini bertujuan mengenalpasti tahap kesediaan pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Kajian ini melibatkan 37 orang guru Pendidikan Islam di sekolah rendah daerah Seri Kembangan, Selangor. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan pengetahuan guru adalah tinggi. Begitu juga dalam kesediaan kemahiran guru berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan

---

<sup>208</sup> W.A Wan Ismail, W.I Muhammad, M.A. Lubis dan M.I. Hamzah, “ Kesediaan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Selangor terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran”, *Journal of Advanced Applied Sciences and Engineering Technology ISSN (online)*, jilid 3, no 1 ( 2016).

guru Pendidikan Islam positif dan bersedia dalam menerapkan pengajaran KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Melalui artikel-artikel yang telah ditulis oleh Mohd Syaubari bin Othman dan Ahmad Yunus bin Kassim, terdapat pelbagai aspek berkaitan KBAT diperbincangkan iaitu dari sudut kurikulum, kaedah penyoalan, keberkesanan permulaan pengajaran, elemen KBAT dalam pengajaran menurut Imam Ghazali, pengintegrasian KBAT berdasarkan Model Dick and Carey serta pengajaran akidah kepada kanak-kanak menerusi KBAT. Berikut adalah beberapa kajian yang telah dijalankan oleh penulis.

Terdapat kajian mengenai KBAT yang merujuk dari pandangan dan kitab-kitab Imam Ghazali seperti kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Syaubari bin Othman dan Ahmad Yunus bin Kassim<sup>209</sup>. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk penyelidikan keperpustakaan telah mengumpulkan data dengan menggunakan karya Imam Ghazali seperti *Ihya Ulumuddin*, *Ayuha Walad* dan *Minhaj 'Abidin* sebagai sumber primer dan sekunder. Dapatan kajian menghasilkan tiga kerangka utama menurut perspektif Imam Ghazali dalam amalan pengajaran guru iaitu kefahaman mengenai konsep ilmu, proses bagaimana pengajaran dilaksanakan serta nilai dalam pengajaran. Ketiga-tiga kerangka ini menghasilkan pengamalan guru yang mempunyai elemen KBAT. Dapatan kajian juga menunjukkan ketiga-tiga kerangka yang dipetik dari kitab karangan Imam Ghazali bertepatan dengan konsep KBAT yang berperanan menjana kognitif murid dan disepadukan dengan nilai-nilai murni.

Selain itu, kajian KBAT dalam Pendidikan Islam menggunakan model dari barat juga telah dijalankan oleh beliau yang bertajuk *Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) berdasarkan Model*

---

<sup>209</sup> Mohd Syaubari bin Othman dan Ahmad Yunus bin Kassim, "Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di dalam Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Menurut Imam Ghazali", *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3, 3, (2016).

*Dick and Carey di Negeri Perak*<sup>210</sup>. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang bertujuan mendapatkan gambaran tentang keberkesanan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam yang mengintegrasikan KBAT berasaskan Model Dick and Carey yang menggunakan kaedah soal selidik dengan melibatkan 113 orang guru. Dapatan kajian mendapati tahap pelaksanaan kurikulum yang mengintegrasikan KBAT di kalangan guru Pendidikan Islam Perak adalah tinggi. Pengkaji mencadangkan agar keperluan latihan dan kursus untuk para guru yang lebih sistematik dijalankan demi meningkatkan keyakinan dalam pengajaran guru Pendidikan Islam.

Strategi pengajaran yang popular dikalangan guru adalah menerusi kaedah penyoalan. Kajian mengenai *Pelaksanaan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Menerusi Kaedah Penyoalan berdasarkan KBAT* telah dijalankan secara kualitatif dengan menemubual dua orang guru Pendidikan Islam di Perak yang dilaksanakan secara kaedah kajian kes<sup>211</sup>. Kaedah penyoalan yang digunakan berdasarkan tiga tahap pengajaran iaitu permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran menerusi aras soalan sama ada aras rendah, sederhana dan tinggi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat pelbagai aras dalam soalan lisan yang dikemukakan oleh kedua-dua guru Pendidikan Islam tersebut. Pengaplikasian kaedah penyoalan berteraskan KBAT di kalangan guru sememangnya wujud cuma ia tidak distrukturkan mengikut aras rendah, sederhana dan tinggi. Kajian juga menunjukkan kaedah penyoalan membantu membentuk kefahaman murid menerusi penglibatan murid.

Keberkesanan permulaan pengajaran amat memainkan peranan penting dalam memandu dan mengembangkan pemikiran murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan. Kajian tersebut telah dijalankan melalui kaedah tinjauan yang

---

<sup>210</sup> Mohd Syaubari bin Othman dan Ahmad Yunus bin Kassim, “Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Berdasarkan Model Dick and Carey di Negeri Perak”, *International Academic Research Journal of Social Science*, 3,2, (2017).

<sup>211</sup> Mohd Syaubari bin Othman dan Ahmad Yunus bin Kassim, “Pelaksanaan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah menerusi Kaedah Penyoalan Berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)”, *tinta Artikulasi Ummah*, 3,1 (2017).

melibatkan 400 orang guru di tiga zon utama di Perak iaitu Perak Utara, Perak Tengah dan Perak Selatan<sup>212</sup>. Kajian ini berfokuskan kepada amalan pengajaran guru bagi permulaan pengajaran yang merangkumi perancangan pengajaran, penetapan objektif pengajaran dan set induksi. Dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga komponen permulaan perancangan tersebut berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan penerapan KBAT dapat diaplikasikan dalam amalan permulaan pengajaran guru Pendidikan Islam namun interaksi sesama murid perlu ditambahbaik semasa set induksi dan pengendalian perbincangan dalam kalangan murid. Selain itu terdapat beberapa penambahbaik yang perlu diambil kira iaitu aktiviti-aktiviti yang dijalankan hendaklah melalui perancangan yang berterusan dan berteraskan objektif pengajaran.

Akidah merupakan tunjang utama dalam Islam yang perlu disemai sejak kecil lagi. Di dalam al-Quran banyak menekankan konsep pengajaran akidah kepada kanak-kanak. Begitu juga dengan teori yang ditekankan oleh Imam al-Ghazali. Dalam kajian yang dijalankan oleh Mohd Syaubari bin Othman dan Ahmad Yunus bin Kassim, mereka telah menggabungkan konsep pengajaran pendidikan akidah kepada kanak-kanak menurut al-Quran dan Imam Ghazali dengan berasaskan KBAT<sup>213</sup>. Kajian ini bersifat kualitatif yang berbentuk penyelidikan kepustakaan. Dapatan kajian menghasil dua kerangka utama iaitu kaedah pengajaran dan proses pengajaran akidah dilakukan. Pengajaran akidah menerusi kesepaduan pendekatan al-Quran dan Imam Ghazali iaitu kesepaduan di antara kaedah dan proses pengajaran digabungkan dengan elemen KBAT seperti mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta dapat membentuk murid yang mempunyai akidah yang mantap dan berkualiti.

---

<sup>212</sup> Mohd Syaubari bin Othman dan Ahmad Yunus bin Kassim, "Keberkesanan Permulaan Pengajaran Menerusi Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Negeri Perak" *Online Journal of Islamic Education*, 4, 2, (2016).

<sup>213</sup> Mohd Syaubari bin Othman dan Ahmad Yunus bin Kassim, "Konsep Pengajaran Akidah kepada Kanak-kanak Menurut Al-Quran dan Imam al-Ghazali Berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)", *Journal of Islamic Sciences and Humanities*, 10, 2017).



Justeru, terdapat pelbagai aspek yang diperincangkan mengenai KBAT dalam Pendidikan Islam pada akhir-akhir ini. Kajian-kajian ini membantu mengukur tahap kesediaan pengetahuan, kemahiran, keperluan dan menghasilkan idea-idea baru untuk menerapkan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Terdapat kajian yang membincangkan KBAT dari aspek strategi, alat bantu mengajar dan kaedah yang digunakan oleh guru pendidikan. Selain itu, beberapa kajian yang dijalankan fokus kepada penggabungan model pengajaran dari barat dan ilmuwan sendiri iaitu Imam al-Ghazali. Kajian ini dilaksanakan terhadap guru-guru sekolah rendah, sekolah menengah dan juga bakal-bakal guru di Institut Perguruan Malaysia.

## **2.8 Rumusan Literatur**

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijelaskan dapat dirumuskan bahawa individu utama yang perlu memupuk semangat berfikir dan mengapikasi KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran adalah guru. Pelbagai aspek perlu dilihat dan ditekankan oleh guru seperti penerimaan guru tentang kepentingan KBAT kepada murid, kesediaan guru dari segi ilmu berkaitan KBAT, pendekatan dan kaedah yang digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam mengapikasi KBAT, penggunaan aras soalan dan sokongan dari pelbagai pihak serta penggabungan model Islam dan barat yang menghasilkan satu kerangka yang baru dalam mengaplikasikan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Walaupun terdapat kajian yang dijalankan mengenai keprihatinan guru terhadap KBKK dan mengenai persepsi dan amalan pengajaran kemahiran berfikir di dalam mata pelajaran yang lain tetapi pengkaji mendapati kajian tentang persepsi dan amalan guru Pendidikan Islam sekolah rendah khususnya di zon Semenyih, Selangor masih belum dijalankan. Justeru, kajian ini dilihat penting dan

wajar dijalankan sebagai memenuhi ruang dan sempadan kajian di dalam bidang pemikiran kritis dan Pendidikan Islam.

University of Malaya

## BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

### 3.1 Pengenalan

Metodologi kajian merupakan kaedah yang digunakan untuk menentukan tatacara yang paling berkesan dalam menjawab persoalan kajian. Dalam bahagian ini akan diuraikan tentang reka bentuk kajian yang digunakan, metode pengumpulan data, populasi dan sampel kajian, instrument dan metode analisis data.

### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah kaedah dan teknik tertentu untuk memperolehi maklumat yang diperlukan untuk menjawab persoalan kajian. Reka bentuk kajian merupakan keseluruhan rangka kajian yang merangkumi jenis kajian yang dilaksanakan, jenis maklumat yang diperlukan, bagaimana sumber maklumat diperolehi dan kaedah analisis data yang digunakan<sup>214</sup>. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kuantitatif dan kajian kualitatif.

Dalam kajian ini, reka bentuk kajian yang utama adalah berbentuk kajian kuantitatif. Pengkaji menggunakan salah satu dari kajian kuantitatif iaitu kajian tinjauan. Kajian tinjauan merupakan kaedah mendapatkan maklumat dalam bentuk pendapat, sikap dan persepsi sesuatu populasi daripada respons individu yang dijadikan sampel<sup>215</sup>. Secara umum terdapat dua jenis reka bentuk kajian tinjauan iaitu reka bentuk longitudinal dan reka bentuk rentas<sup>216</sup>. Dalam kajian ini, pengkaji memilih menggunakan reka bentuk kajian rentas kerana data dikumpulkan pada satu masa sahaja merentasi beberapa kumpulan responden yang berbeza iaitu merujuk kepada guru

---

<sup>214</sup> Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), 19.

<sup>215</sup> Othman Talib, *Asas Penulisan Tesis, Penyelidikan dan Statistik*, (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2013)136.

<sup>216</sup> Othman Talib, *Asas Penulisan*, 137.

Pendidikan Islam di sekolah- sekolah yang berbeza di Zon Semenyih daerah Hulu Langat<sup>217</sup>. Pengkaji turun ke lapangan untuk mendapatkan maklumat dari responden melalui borang soal selidik yang telah diubah suai oleh pengkaji. Seterusnya segala maklumat dan data yang diperolehi diproses dengan menggunakan kaedah kuantitatif.

Selain dari reka bentuk kajian kuantitatif, pengkaji juga menggunakan kajian kualitatif bagi menyokong kajian yang dijalankan. Soalan terbuka dan temu bual dijalankan kepada tujuh orang responden yang terdiri daripada guru Pendidikan Islam sekolah rendah di daerah Hulu Langat.

### **3.3 Metode Pengumpulan Data**

Dalam proses pengumpulan data kajian, pengkaji menggunakan dua metode pengumpulan data iaitu metode soal selidik dan temu bual. Metode utama yang digunakan untuk mencapai objektif kajian adalah melalui soal selidik. Selain itu, penulis juga mengedarkan soalan terbuka dan temu bual kepada tujuh orang responden.

#### **i. Soal selidik**

Metode utama yang digunakan dalam kajian ini ialah metode soal selidik. Borang soal selidik digunakan untuk mencapai keseluruhan objektif kajian. Melalui metode ini pengkaji turun ke lapangan dan seterusnya mengedarkan borang soal selidik kepada guru Pendidikan Islam sekolah rendah zon Semenyih daerah Hulu Langat, Selangor.

#### **ii. Temu bual**

Metode ini digunakan bagi mendapatkan data sokongan bagi kajian soal selidik dan seterusnya membantu menjawab objektif kajian yang kedua. Dalam kajian ini, penulis menggunakan temu bual separa berstruktur kerana ianya lebih fleksibel. Urutan

---

<sup>217</sup> *Ibid.*, 138

soalan, cara soalan diaju dan bentuk soalan boleh berubah mengikut kepada reaksi dan tindak balas semasa sesi temu bual dijalankan<sup>218</sup>. Dalam proses temu bual, penulis menyediakan soalan asas berkaitan pengalaman dan cadangan guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT dan juga soalan tambahan berdasarkan jawapan yang diberikan oleh informan.

Penulis telah menemu bual tujuh orang guru Pendidikan Islam di daerah Hulu Langat yang terdiri dari tiga orang guru lelaki dan empat orang guru perempuan. Ciri-ciri peserta temu bual adalah seperti berikut:

1. Guru Pendidikan Islam di daerah Hulu Langat.
2. Pengalaman mengajar lebih dari 10 tahun.
3. Lokasi sekolah iaitu luar bandar dan bandar untuk melihat perbezaan pendekatan yang dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran.
4. Jantina guru iaitu perempuan dan lelaki untuk melihat perbezaan pandangan dan pendekatan yang dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran.

### **3.4 Populasi dan Sampel Kajian**

Sebelum sampel kajian dibuat, pengkaji terlebih dahulu menentukan populasi yang diselidiki. Dalam kajian ini, pengkaji memilih populasi guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah di Zon Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor.

Pensampelan pula merupakan salah satu strategi kajian kerana pengkaji boleh mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang

---

<sup>218</sup> Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan*, (Shah Alam: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd, 2013) 330.

mewakili populasi tersebut. Sebahagian individu yang dipilih dari populasi yang dikaji dinamakan sampel<sup>219</sup>. Oleh itu, pengkaji menggunakan pensampelan rawak berkelompok<sup>220</sup>. Di dalam zon Semenyih daerah Hulu Langat terdapat sebanyak 13 buah sekolah yang mempunyai seramai 174 orang guru Pendidikan Islam. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan, jumlah sampel adalah seramai 130 orang. Berikut adalah senarai sekolah yang terlibat dalam kajian ini:

1. Sekolah Kebangsaan Bandar Rinching
2. Sekolah Kebangsaan Bandar Tasik Kesuma
3. Sekolah Kebangsaan Bandar Teknologi
4. Sekolah Kebangsaan Beranang
5. Sekolah Kebangsaan Semenyih
6. Sekolah Kebangsaan Sri Jelok
7. Sekolah Kebangsaan Ulu Semenyih
8. Sekolah Kebangsaan Taman Jasmin

Sekolah-sekolah ini dipilih berdasarkan kategori sekolah iaitu bandar dan luar bandar.

### **3.5 Instrumen Kajian**

#### **i. Soal selidik**

Pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen dalam kajian ini. Borang soal selidik ini telah diubah suai dari borang kajian yang bertajuk Pengajaran Kemahiran Berfikir: Persepsi dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah<sup>221</sup>. Borang ini juga telah dinilai dan disahkan oleh tiga

---

<sup>219</sup> Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan*, 63.

<sup>220</sup> Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam*, 120.

<sup>221</sup> Sukiman Saad et.al, "*Pengajaran Kemahiran*."

orang pakar dalam bidang metodologi penyelidikan dan pemikiran kritis iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Fauzi bin Hamat, Dr. Ghazali Darusalam dan Dr. Zaharah Hussin. Langkah-langkah yang dilakukan sepanjang pembinaan borang soal selidik sehingga mendapat hasil kajian ialah mengenalpasti konstruk, mengenalpasti item bagi setiap konstruk, memilih skala, menguji kesahan dan kebolehpercayaan soalan, melakukan kajian rintis, mentadbir soal selidik dengan baik dan menganalisis data soal selidik yang telah diperolehi<sup>222</sup>.

Bagi menguji kebolehpercayaan soalan yang telah diubahsuai, selain merujuk kepada pakar, kajian rintis telah dijalankan. Kajian rintis telah dijalankan kepada 34 orang guru Pendidikan Islam di Zon Bangi daerah Hulu Langat yang melibatkan dua buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Bandar Seri Putra dan Sekolah Kebangsaan Rinching Hilir. Secara keseluruhannya, bacaan Cronbach's Alpha adalah 0.933.

Instrumen kajian terbahagi kepada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A merujuk kepada maklumat demografi responden. Bahagian B menggunakan skala likert sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju, dan sangat tidak setuju. Bahagian B adalah item berkaitan nilai pengajaran KBAT, efikasi guru dan sokongan kurikulum dan sekolah terhadap pengajaran KBAT.

Manakala, bahagian C merujuk kepada amalan pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam yang terbahagi kepada lima bahagian utama iaitu amalan pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) , amalan pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), amalan pengajaran pelbagai bentuk kemahiran berfikir, strategi pengajaran KBAT yang diamalkan guru dan sikap guru terhadap pengajaran KBAT. Bahagian D pula merujuk kepada soalan terbuka yang mengandungi dua soalan.

---

<sup>222</sup>Mohd Majid konting, *Kaedah Penyelidikan*, 173-184.

## ii. Temu bual

Dalam kajian ini, borang temu bual digunakan sebagai alat kebolehpercayaan dalam temu bual ini. Campbell (1955) mencadangkan untuk menyelesaikan masalah kesahan pada data-data kualitatif khususnya temu bual ialah dengan menggunakan teknik 'Morale Ballot'. 'Morale Ballot' bermaksud penulis menggunakan informan sebagai alat kajian untuk mendapatkan kesahan data yang dibuat secara membuat 'rating' dan membandingkan dua garisan baris melalui beberapa pengertian yang sama<sup>223</sup>. Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang digunakan oleh penulis untuk mencatat segala maklumat yang diterima daripada informan.

Selain itu, kesahan kriteria dalam temu bual boleh dicapai melalui menemu bual informan yang benar-benar memiliki pengetahuan dan maklumat terhadap bidang kajian penulis<sup>224</sup>. Justeru, berdasarkan pendapat ini (Coleman 1958), temu bual ini mempunyai kesahan kriteria kerana guru Pendidikan Islam yang ditemu bual merupakan guru-guru yang mempunyai pengetahuan dan maklumat terhadap bidang kajian ini.

Borang soalan temu bual terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A merujuk kepada demografi informan dan bahagian B pula merujuk kepada soalan asas temu bual yang terdapat enam soalan utama.

---

<sup>223</sup> Ghazali Darusalam & Sufea Hussin, *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016, 498.

<sup>224</sup> *Ibid.*, 499.



### **3.6 Prosuder Kajian**

#### **i. Soal selidik**

Kajian ini dijalankan setelah mendapat kebenaran dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat dan sekolah-sekolah yang terlibat. Borang kaji selidik diedarkan kepada lapan buah sekolah yang telah dipilih di daerah Hulu Langat mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Borang soal selidik tersebut diserahkan kepada wakil guru Pendidikan Islam di setiap sekolah. Tempoh menjawab borang soal selidik tersebut adalah dalam masa dua minggu.

#### **ii. Temu bual**

Proses temu bual yang dijalankan telah mendapat kebenaran sekolah dan persetujuan dari guru Pendidikan Islam yang terlibat. Penulis membuat temu janji sebelum temu bual dijalankan. Tempat temu bual dijalankan di sekolah guru Pendidikan Islam tersebut. Temu bual mengambil masa hampir satu jam pada satu sesi. Penulis merakam dan mencatat segala maklumat yang diberikan oleh informan. Soalan yang diajukan adalah berdasarkan soalan yang telah dirangka dan juga beberapa soalan tambahan berdasarkan keperluan. Penulis juga berjumpa kali kedua dengan beberapa orang guru Pendidikan Islam untuk mendapatkan jawapan dan maklumat yang masih lagi belum jelas.

### **3.7 Metode Analisis Data**

Bagi menjalankan analisis kajian, data kajian yang diperolehi, dianalisis menggunakan perisian SPSS 23. Analisis deskriptif yang menggunakan min dan sisihan piawai dijalankan untuk menentukan profil demografi kajian dan menentukan persepsi terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dan amalan pengajaran kemahiran

berfikir dalam kalangan guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah yang mana fokus kepada objektif satu dan dua kajian. Manakala objektif keempat kajian dianalisis melalui analisis inferensi yang menggunakan ujian Manova iaitu bagi mengenal pasti perbezaan persepsi terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dan amalan pengajaran kemahiran berfikir dalam kalangan guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah berdasarkan pengalaman mengajar dan lokasi. Seterusnya ujian korelasi Pearson pula dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara persepsi terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dengan amalan pengajaran kemahiran berfikir dalam kalangan guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah bagi menjawab objektif ketiga kajian.

Data kajian kualitatif melalui soalan terbuka dan temu bual yang dijalankan, di analisis secara manual. Dalam kajian ini, penulis menggunakan analisis jenis kerangka iaitu penulis menyediakan kerangka atau kod lebih awal dahulu sebelum analisis dibuat terhadap teks<sup>225</sup>. Kod-kod itu adalah merujuk kepada item-item dalam soal selidik yang diedarkan kepada responden.

---

<sup>225</sup> Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam*, 501

## **BAB 4: ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

### **4.1 Pengenalan**

Kajian ini dijalankan bagi menentukan persepsi guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah terhadap pengajaran KBAT dan menentukan amalan pengajaran KBAT dalam kalangan guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah. Data kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS 23. Analisis deskriptif yang menggunakan min dan sisihan piawai dijalankan untuk menentukan profil demografi kajian dan menentukan persepsi terhadap pengajaran KBAT dan amalan pengajaran KBAT dalam kalangan guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah. Analisis inferensi yang menggunakan ujian Manova dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan persepsi terhadap pengajaran KBAT dan amalan pengajaran KBAT dalam kalangan guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah berdasarkan pengalaman mengajar dan lokasi. Seterusnya ujian korelasi Pearson dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara persepsi terhadap pengajaran KBAT dengan amalan pengajaran KBAT dalam kalangan guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah.

### **4.2 Profil demografi kajian**

Kajian ini melibatkan seramai 130 orang guru Pendidikan Islam di sekolah rendah dengan pelbagai latar belakang seperti jantina, umur, kelayakan akademik, pengalaman mengajar, lokasi dan pendedahan KBAT. Profil demografi kajian tersebut seperti berikut.

Jadual 4.1 Profil demografi kajian

Demografi	Kekerapan	Peratusan
<b>Jantina</b>		
Lelaki	21	16.2
Perempuan	109	83.8
<b>Kelayakan</b>		
Ijazah Lanjutan	6	4.6
Ijazah	111	85.4
Diploma	11	8.5
Sijil	2	1.5
<b>Pengalaman</b>		
Kurang 10 tahun	82	63.1
Lebih dari 10 tahun	48	36.9
<b>Lokasi</b>		
Bandar	45	34.6
Luar Bandar	85	65.4

Jadual 4.1 menunjukkan berdasarkan jantina seramai 21 orang (16.2%) guru lelaki dan seramai 109 orang (83.8%) guru perempuan. Mengikut kelayakan akademik pula menunjukkan seramai 6 orang (4.6%) guru dengan kelayakan ijazah lanjutan, seramai 111 orang (85.4%) guru kelayakan ijazah, seramai 11 orang (8.5%) guru kelayakan

diploma dan seramai 2 orang (1.5%) guru dengan kelayakan sijil. Seterusnya berdasarkan pengalaman mengajar subjek pendidikan Islam, seramai 82 orang (63.1%) guru berpengalaman kurang dari 10 tahun dan seramai 48 orang (36.9%) guru berpengalaman lebih dari 10 tahun dan mengikut lokasi pula menunjukkan seramai 45 orang (34.6%) guru bandar dan seramai 85 orang (65.4%) guru luar bandar.

Selain itu, kajian ini juga menggunakan kajian kualitatif bagi menyokong dapatan kajian soal selidik yang ditelaah dijalankan. Data kualitatif dikumpulkan melalui strategi soal selidik yang menggunakan soalan terbuka kepada tujuh orang responden<sup>226</sup> dengan menggunakan kod R1, R2, R3, R4, R5, R6 dan R7 dan sesi temu bual yang dijalankan. Responden adalah terdiri daripada guru Pendidikan Islam sekolah rendah daerah Hulu Langat. Responden merupakan guru Pendidikan Islam yang mempunyai pengalaman mengajar di antara 5- 20 tahun.

#### **4.3 Analisis dapatan kajian**

Bahagian analisis dapatan kajian ini menghuraikan tentang hasil analisis bagi menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam bahagian bab 1. Hasil analisis dapatan kajian tersebut seperti berikut.

---

<sup>226</sup> Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam*, 496 -497

### 4.3.1 Persepsi Guru Pendidikan Islam terhadap Pengajaran KBAT Berdasarkan Aspek Nilai Pengajaran KBAT, Efikasi Guru serta Sokongan Kurikulum dan Sekolah.

Statistik deskriptif yang menggunakan min dan sisihan piawai dijalankan bagi menentukan persepsi guru pendidikan islam terhadap pengajaran KBAT. Analisis deskriptif tersebut dihuraikan secara berasingan mengikut setiap aspek dalam pengajaran KBAT iaitu kepentingan nilai kemahiran berfikir, efikasi guru dan sokongan kurikulum dan sekolah seperti berikut.

#### a. Nilai Pengajaran KBAT

Jadual 4.2 Persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT dari aspek nilai pengajaran KBAT

No	Nilai Pengajaran KBAT	Min	Sisihan Piawai
1	Pengajaran KBAT sangat penting untuk membantu murid meningkatkan pencapaian akademik	3.98	0.57
2	Pengajaran KBAT berguna untuk diaplikasikan di dalam kehidupan seharian ( di luar sekolah)	3.99	0.54
3	Pengajaran KBAT dapat membantu dalam pembinaan shakhsiah murid	3.92	0.68
4	Pengajaran KBAT menjadi nilai tambah kepada peluang pekerjaan	4.04	0.65
5	Pengajaran KBAT melahirkan murid yang berjiwa besar	4.06	0.63
6	Pengajaran KBAT melahirkan murid yang bertanggungjawab	3.91	0.64
	Keseluruhan	3.98	0.48

Jadual 4.2 menunjukkan item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah pengajaran KBAT melahirkan murid yang berjiwa besar (min = 4.06 dan sp = 0.63). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah pengajaran KBAT melahirkan murid yang bertanggungjawab (min = 3.91 dan sp = 0.64). Secara keseluruhannya menunjukkan persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT dari aspek nilai pengajaran KBAT berada pada tahap tinggi (min = 3.98 dan sp = 0.48).

Hasil dapatan kajian kualitatif pula berdasarkan soalan berikut:

Soalan: Apakah nilai pengajaran KBAT dalam Pendidikan Islam?

R1: *dapat mendedahkan kepada murid cara menyediakan jawapan dari luar kotak pemikiran, kreatif dan cekap menjawab soalan seerta selangkah lebih ke hadapan.*

R2: *dapat menerapkan dan menggalakkan pemikiran kritis dan kreatif di kalangan murid, membudayakan murid memberi pendapat dan pandangan sendiri serta mengasah bakat murid menjana idea dan pemikiran yang lebih baik dan matang.*

R3: *dapat membantu murid berfikir diluar kotak dan menggalakkan penglibatan murid dalam aktiviti yang dijalankan semasa pdp.*

R4: *dapat mewujudkan penambahbaikan dalam pengajaran Pendidikan Islam, meningkatkan tahap kemahiran berfikir di kalangan murid dalam penguasaan matapelajaran Pendidikan Islam serta memberi ruang kepada murid untuk berfikir secara kreatif dan membuat penilaian sendiri dalam pelbagai situasi bagi menyahut cabaran abad ke 21.*

R5: *KBAT dalam Pendidikan Islam sangat penting agar murid dapat memahami dan mendapat konsep yang betul tentang agama yang menjadi tunjang kehidupan.*

R6: *dapat memberi peluang pelajar mencuba idea yang baru, menggalak murid berusaha menyelesaikan masalah pembelajaran, kreatif dan kritis serta mewujudkan suasana pembelajaran yang seronok, kondusif dan menuju ke alaf baru abad ke 21.*

R7: *dapat mengaplikasikan pemikiran yang kritikal dan kreatif, boleh bebas membanding beza, menyusun, mengatur dan mengelas serta dapat meningkatkan keupayaan berfikir pelajar.*

Dapatan menunjukkan guru Pendidikan Islam mempunyai pandangan yang baik dan positif terhadap nilai-nilai yang terdapat dalam pengajaran KBAT.

#### b. Efikasi Guru

Jadual 4.3 Persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dari aspek efikasi guru

No	Efikasi Guru	Min	Sisihan Piawai
1	Saya mempunyai kemahiran yang cukup untuk mengembangkan kemahiran berfikir murid	3.58	0.69
2	Saya mempunyai kefahaman yang cukup untuk mengajar kemahiran berfikir	3.65	0.68
3	Saya berkebolehan mengajar murid bagaimana untuk berfikir dengan baik	3.80	0.53
4	Melalui subjek yang saya ajar, objektif KBAT boleh dicapai	3.77	0.62
	Keseluruhan	3.70	0.54

Jadual 4.3 menunjukkan item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah Saya berkebolehan mengajar murid bagaimana untuk berfikir dengan baik (min = 3.80 dan sp = 0.53). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah Saya mempunyai kemahiran yang cukup untuk mengembangkan kemahiran berfikir murid (min = 3.58 dan sp = 0.69). Secara keseluruhannya menunjukkan persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dari aspek efikasi guru berada pada tahap tinggi (min = 3.70 dan sp = 0.54).



Dapatan temubual menunjukkan guru Pendidikan Islam berkeyakinan terhadap kelebihan KBAT dalam pengajaran tetapi untuk mengaplikasikannya guru kurang berkeyakinan kerana kurang pendedahan tentang KBAT. Kenyataan adalah seperti berikut:

R3: *Saya yakin KBAT ini bagus. Sebenarnya dalam pdp mungkin saya ada buat tapi secara tidak langsung. In Shaa Allah kalau diberi pendedahan yang lebih tentang KBAT saya lebih yakin untuk aplikasi dalam kelas.*

R5: *Nak kata tahu sepenuhnya tentang KBAT tidak jugaklah. Tapi tahulah sikit. Bolehlah nak kaitkan KBAT dalam pdp, cuma nak ajar pada murid tu kena lihat pada aras murid jugak.*

#### c. Sokongan Kurikulum dan Sekolah

Jadual 4.4 Persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dari aspek sokongan kurikulum dan sekolah

No	Sokongan kurikulum dan sekolah	Min	Sisihan Piawai
1	Kurikulum sedia ada menyediakan peluang untuk saya mengajar KBAT	3.77	0.59
2	Silibus yang terlalu banyak tidak memberi ruang untuk saya mengajar KBAT	3.36	0.87
3	Kurikulum tidak menyediakan panduan yang cukup tentang bagaimana KBAT boleh diajar melalui mata pelajaran Pendidikan Islam	3.40	0.78
4	Tumpuan terhadap KBAT murid, menghalang perjalanan pengajaran	3.15	0.90
5	Penggunaan buku teks membantu dalam pengajaran KBAT	3.73	0.70
6	Guru Besar menekankan pengajaran KBAT sebagai sesuatu yang penting dalam program sekolah	3.89	0.63

7	Sekolah menyediakan peralatan yang diperlukan untuk pengajaran KBAT	3.23	0.82
8	Mendapat kerjasama dari PIBG untuk menyediakan keperluan pengajaran KBAT	3.15	0.83
9	Ketua Panitia menekankan pengajaran KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran	3.67	0.66
	Keseluruhan	3.48	0.43

Jadual 4.4 menunjukkan item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah guru besar menekankan pengajaran KBAT sebagai sesuatu yang penting dalam program sekolah (min = 3.89 dan sp = 0.63). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah Tumpuan terhadap KBAT murid, menghalang perjalanan pengajaran (min = 3.15 dan sp = 0.90) dan Mendapat kerjasama dari PIBG untuk menyediakan keperluan pengajaran KBAT (min = 3.15 dan sp = 0.83). Secara keseluruhannya menunjukkan persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dari aspek sokongan kurikulum dan sekolah berada pada tahap sederhana (min = 3.48 dan sp = 0.43).

Hasil dapatan kajian kualitatif melalui soalan terbuka dan temu bual berdasarkan soalan berikut adalah:

Soalan: Adakah ustaz / ustazah mendapat sokongan darai segi kurikulum dan sokongan sekolah (panitia dan PIBG) dalam mengaplikasikan KBAT? Sekiranya ya, sila nyatakan bahan atau bentuk sokongan yang diberikan.

R1: *Ya, sekolah menyediakan al-Quran, Iqra', carta dan bahan audio*

R2: *Ya, bahan bantu mengajar dan peta i-Think*

R3: *Ya, penyediaan BBM (carta) dan buku aktiviti*

R4: *Ya, pihak sekolah dan panitia telah memberikan penerangan dan kefahaman secara terperinci tentang pelaksanaan KBAT dalam aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan.*

R5: Ya, penggunaan *i-Think* sedikit sebanyak menolong pencapaian ke arah itu.

R6: Ya, penambahan ABM, kemudahan ICT seperti penggunaan komputer, LCD dan lain-lain.

R7: Ya, taklimat dan penerangan pelaksanaan sahaja

Dapatan menunjukkan sokongan yang diterima oleh guru Pendidikan Islam adalah lebih kepada aspek penyediaan bahan bantu mengajar.

Berdasarkan huraian di atas, maka persepsi guru pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT dapat dirumuskan seperti berikut.

Jadual 4.5 Persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT

No	Pengajaran KBAT	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Nilai Pengajaran KBAT	3.98	0.48	Tinggi
2	Efikasi Guru	3.70	0.54	Tinggi
3	Sokongan Kurikulum dan Sekolah	3.48	0.43	Sederhana
	keseluruhan	3.69	0.35	Tinggi

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa nilai pengajaran KBAT (min = 3.98 dan sp = 0.48) dan efikasi guru (min = 3.70 dan sp = 0.54) berada pada tahap tinggi. Manakala sokongan kurikulum dan sekolah (min = 3.48 dan sp = 0.43) berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi berada pada tahap tinggi (min = 3.69 dan sp = 0.35).

Hasil dapatan kajian terhadap persepsi guru Pendidikan Islam terhadap KBAT disokong dengan data yang telah diberikan oleh responden dengan menyatakan nilai KBAT dapat menggalakkan pemikiran kritis, kreatif dan kritikal serta menjana idea-idea baru dan membantu murid berfikir di luar kotak. Gaya pemikiran ini secara tidak langsung dapat membantu murid meningkatkan pencapaian akademik dan berguna untuk diaplikasikan diluar sekolah. Selain itu, responden juga menyatakan nilai KBAT juga memberi ruang dan peluang kepada murid memberi pandangan selain dapat membuat penilaian sendiri dalam pelbagai situasi bagi menyahut cabaran abad ke 21. KBAT ini juga dapat membantu membina shaksiah murid serta melahirkan murid yang berjiwa besar dan bertanggungjawab.

Selain itu, dapatan kajian dari soal selidik berkaitan sokongan dari pihak sekolah dan kurikulum menunjukkan masih di peringkat sederhana dan data ini disokong dengan jawapan dari responden iaitu bahan atau bentuk sokongan yang diberikan lebih kepada bahan-bahan asas bantu mengajar seperti buku Iqra', al-Quran dan carta-carta serta sesi penerangan dan taklimat pelaksanaan sahaja.

#### **4.3.2 Amalan Pengajaran KBAT Guru Pendidikan Islam Di Dalam Bilik Darjah Di Sekolah Rendah**

Statistik deskriptif yang menggunakan min dan sisihan piawai dijalankan bagi menentukan amalan pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah di Sekolah Rendah. Hasil statistik deskriptif tersebut dipisahkan mengikut aspek amalan pengajaran kemahiran berfikir seperti amalan pengajaran kemahiran berfikir aras rendah (KBAR), amalan pengajaran KBAT, amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir, strategi pengajaran yang diamalkan guru dan sikap guru yang menggalakkan pemikiran pelajar seperti berikut.

a. Amalan Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR)

Jadual 4.6 Amalan pengajaran kemahiran berfikir guru Pendidikan Islam dari aspek amalan pengajaran kemahiran berfikir aras rendah (KBAR)

No	Amalan pengajaran kemahiran berfikir aras rendah (KBAR)	Min	Sisihan Piawai
1	Menggalakkan murid untuk menghafaz ayat dan hadith	3.92	0.60
2	Menekankan murid mengenal pasti cara bacaan dan tajwid dalam sesuatu ayat al-quran	4.35	0.60
3	Menekankan murid untuk mendefinisikan istilah atau konsep utama yang dibincangkan di dalam kelas	4.00	0.64
4	Menggalakkan murid menerangkan konsep, hukum, kesan dan pengajaran berdasarkan tajuk yang diperbincangka	4.07	0.57
5	Mendorong murid untuk menunjuk cara terutama dalam tajuk ibadah	4.22	0.54
6	Menggalakkan murid menyenaraikan adab-adab dan syarat-syarat kepada urutan, kronologi dan kepentingan untuk memudahkan penyimpanan maklumat yang efisien dan efektif	4.07	0.56
7	Menggalakkan murid mengkategorikan perkara mengikut ciri-ciri sepunya	3.93	0.61
	Keseluruhan	4.08	0.44

Jadual 4.6 menunjukkan item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah menekankan murid mengenal pasti cara bacaan dan tajwid dalam sesuatu ayat al-quran (min = 4.35 dan sp = 0.60). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah menggalakkan murid untuk menghafaz ayat dan hadith (min = 3.92 dan sp = 0.60). Secara keseluruhannya menunjukkan amalan pengajaran kemahiran berfikir guru Pendidikan Islam dari aspek amalan pengajaran kemahiran berfikir aras rendah (KBAR) berada pada tahap tinggi (min = 4.08 dan sp = 0.44).

Dapatan di atas disokong dengan jawapan dari responden dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Adab Islamiyyah yang bertajuk 'Kehidupan Hanya Pinjaman' dan Akidah yang bertajuk '6 Rukun Iman' dan Asma al-Husna Al-Rahman dan Al-Rahim dengan menekankan murid mendefinisikan istilah serta menggalakkan murid menyenaraikan fakta dan maklumat untuk memudahkan penyimpanan maklumat yang efisien dan efektif seperti kenyataan berikut:

R2: *Saya sering menekankan definisi istilah contoh maksud al-Rahman dan al-Rahim kepada murid.*

R4: *Guru meminta murid menyenaraikan amalan-amalan yang dituntut seta perbuatan-perbuatan yang dilarang untuk dilakukan di dunia ini.*

R4: *Guru meminta murid mengenalpasti perbuatan-perbuatan yang boleh merosakkan iman dan akibat sekiranya tidak meyakini rukun iman.*

R6: *Guru menggalakkan murid menyatakan tujuan Allah menciptakan manusia.*

R6: *Perbincangan bersama ahli kumpulan dengan menyenaraikan rukun Iman mengikut urutan.*

Melalui tajuk pelajaran 'Solat Berjemaah' responden juga telah mengaplikasi kaedah tunjuk cara kepada murid seperti kenyataan berikut:

R4: *Guru meminta murid melakukan simulasi solat berjemaah dan melakukan setiap bacaan dan perbuatan di dalam solat berjemaah dengan betul.*

R6: *Guru memberi peluang murid melakukan tugas tunjuk cara solat berjemaah.*

Dapatan menunjukkan Guru Pendidikan Islam menggunakan pengajaran KBAR sebagai asas ilmu dan isi pelajaran sebelum beralih ke peringkat pengajaran KBAT.

b. Amalan Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Jadual 4.7 Amalan pengajaran kemahiran berfikir guru Pendidikan Islam dari aspek amalan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)

No	Amalan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)	Min	Sisihan Piawai
1	Menggalakkan murid menyelesaikan masalah berdasarkan maklumat yang telah dipelajari	3.88	0.54
2	Mengkehendaki murid membanding beza kekuatan dan kelemahan dan kebaikan atau keburukan sesuatu perkara berdasarkan tajuk perbincangan	3.95	0.53
3	Mengalakkan murid menghubungkan antara sebab dan kesan dalam sesuatu tajuk yang diajar	3.87	0.53
4	Menggalakkan murid membuat keputusan berdasarkan situasi yang baru	3.86	0.59
5	Menggalakkan murid mengeluarkan hujah dan pendapat berdasarkan bukti dan maklumat sedia ada	3.69	0.67
6	Menggalakkan murid untuk menggabungkan isi pengetahuan daripada pelbagai bidang untuk menyelesaikan masalah	3.77	0.62
	Keseluruhan	3.84	0.47

Jadual 4.7 menunjukkan item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah Mengkehendaki murid membanding beza kekuatan dan kelemahan dan kebaikan atau keburukan sesuatu perkara berdasarkan tajuk perbincangan (min = 3.95 dan sp = 0.53). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah Menggalakkan murid mengeluarkan hujah dan pendapat berdasarkan bukti dan maklumat sedia ada (min = 3.69 dan sp = 0.67). Secara keseluruhannya menunjukkan amalan pengajaran kemahiran berfikir guru Pendidikan Islam dari aspek amalan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) berada pada tahap tinggi (min = 3.84 dan sp = 0.47).

Dapatan kajian daripada guru Pendidikan Islam menyokong dapatan di atas melalui jawapan yang diberikan seperti berikut:

R2: *Guru akan mengadakan sesi soal jawab dan sumbangsaran dan guru kaitkan dengan isu semasa.*

R4: *Guru meminta murid menganalisis kesan tindakan Rasulullah dalam perancangan dakwah baginda. Guru meminta murid merumus dan mengaplikasi iktibar daripada peristiwa tersebut.*

R7: *Guru meminta murid merangkakan perancangan untuk mencapai 6A dalam UPSR atau mumtaz dalam PSRA. Kemudian kaitkan perancangan dakwah Rasulullah s.a.w sehingga berhasil kemenangan bagi Islam.*

Kenyataan berikut adalah merujuk kepada tajuk 'Perancangan Dakwah Nabi Muhammad s.a.w.'. Kenyataan ini menunjukkan responden menggalakkan murid menghubungkan antara sebab dan kesan dalam sesuatu tajuk yang di ajar.

Selain itu, melalui tajuk 'Syarat Sah Solat' dalam bidang Ibadah dan tajuk *Al-Rahman* dan *Al-Rahim* dalam bidang Akidah, responden meminta murid untuk membuat banding beza dan secara tidak langsung soalan yang dikemukakan meminta murid untuk menyelesaikan masalah dan mengajar murid untuk membuat sesuatu keputusan berdasarkan fakta yang diterima semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Berikut adalah kenyataan daripada responden:

R2: *Guru bertanya kepada murid apakah beza sifat al-Rahman dengan al-Rahim Allah? Guru mengaitkan soalan dengan kenapa Allah jadikan bangsa-bangsa lain dan agama-agama lain.*

R4: *Guru menunjukkan pakaian. Guru bertanya kepada murid samada sah atau tidak pakaian ini dibawa solat? Adakah sah solat jika tidak memakai telekung dan hanya berpakaian begini menutup aurat? Orang gila di tepi jalan wajib atau tidak solat?*



Melalui tajuk 'Pakaian Pilihanku' pula, responden juga menggalakkan murid menghubungkan antara sebab dan kesan dalam sesuatu tajuk yang di ajar seperti kenyataan berikut:

R4: *Guru menerangkan tentang pakaian yang menutup aurat dan mengaitkannya dengan isu semasa seperti pergaulan dan seks bebas dan jenayah yang berleluasa. Kemudian guru meminta murid menghuraikan hubungkait tajuk pelajaran dengan isu semasa yang dikemukakan. Guru mendapati jawapan yang diberikan murid agak baik.*

Selain itu, guru Pendidikan Islam juga menggalakkan murid menggabungkan isi pengetahuan daripada pelbagai bidang sebagaimana kenyataan berikut:

R2: *Dalam pengajaran al-Quran, jika ayat yang dibaca ada yang berkaitan dengan tajuk yang lepas saya akan kaitkan ayat dan isi tajuk tersebut dan akan bersoal jawab dengan murid. Contoh dalam bidang Akidah boleh dikaitkan dengan mata pelajaran Sains seperti bagaimana percambahan biji benih dikaitkan dengan Allah bersifat wujud. Saya akan banyak bersoal jawab dengan murid.*

Walaupun bagaimanapun, item mengeluarkan hujah dan pendapat berada pada tahap yang paling rendah dan dapat dilihat dari kenyataan berikut:

R7: *Kalau suruh murid keluar hujah dan pendapat tu boleh, tetapi kena lihat pada aras murid. Jadi kalau kelas yang hujung-hujung tu, agak sukar untuk suruh murid keluarkan hujah. Mungkin boleh, tapi kena bimbinglah.*

c. Amalan Pelbagai Bentuk Kemahiran Berfikir

Jadual 4.8 Amalan pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam dari aspek amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir

No	Amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir	Min	Sisihan Piawai
1	Saya mementingkan murid untuk mempertimbangkan dalil dan fakta sebelum memutuskan segala penyelesaian masalah yang terbaik (Penyelesaian Masalah)	3.62	0.72
2	Saya memberi masalah berdasarkan situasi semasa dan meminta murid menyelesaikan masalah (Penyelesaian Masalah)	3.89	0.53
3	Saya menggalakkan murid menerangkan bagaimana mereka menemui sesuatu keputusan atau kesimpulan (Pemikiran Kritis)	3.74	0.62
4	Saya menggalakkan murid untuk melontarkan idea baru (Pemikiran Kreatif)	3.89	0.61
5	Saya menggalakkan murid mempertimbangkan semua bukti dan kesannya sebelum membuat keputusan (Membuat Keputusan)	3.78	0.59
6	Saya mementingkan murid untuk menilai sesuatu sumber samada dipercayai atau tidak sebelum membuat keputusan (Membuat Keputusan)	3.82	0.61
	Keseluruhan	3.79	0.50

Jadual 4.8 menunjukkan item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah Saya memberi masalah berdasarkan situasi semasa dan meminta murid menyelesaikan masalah (Penyelesaian Masalah) (min = 3.89 dan sp = 0.53) dan Saya menggalakkan murid untuk melontarkan idea baru (Pemikiran Kreatif) (min = 3.89 dan sp = 0.61). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah Saya mementingkan murid untuk mempertimbangkan dalil dan fakta sebelum memutuskan segala penyelesaian masalah yang terbaik (Penyelesaian Masalah) (min = 3.62 dan sp = 0.72). Secara keseluruhannya menunjukkan amalan pengajaran kemahiran berfikir guru

Pendidikan Islam dari aspek amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir berada pada tahap tinggi (min = 3.79 dan sp = 0.50).

Hasil dapatan kajian ini juga disokong dengan kenyataan dari responden berkaitan tajuk pelajaran 'Kehidupan Hanya Pinjaman' dan 'Pekerjaan Nabi Muhammad s.a.w. seperti berikut:

R2: *Dalam pekerjaan perlu ikut amalan-amalan nabi. Sebagai contoh saya kemukakan soalan kepada murid berkaitan pekerjaan polis. Boleh atau tidak kalau polis mengambil duit dari pesalah jalan raya? Poliskan ada kuasa boleh tangkap sesiapa sahaja. Jadi secara tidak langsung murid akan memberi jawapan dan respon-respon kepada soalan dan kaitkan dengan apa dia amalan nabi semasa bekerja.*

R4: *Guru meminta murid membuat simulasi berdasarkan situasi-situasi yang diberikan oleh guru.*

R4: *Kelas aktif bertanya dan kadang-kadang di luar tajuk. Guru juga mengemukakan soalan berdasarkan situasi berbeza seperti solat. Contoh-contoh yang realiti dengan kehidupan seperti ustazah menunjukkan pakaian yang dipakai pada hari itu, kemudian bertanya kepada murid, bolehkah pakaian ini ustazah bawa atau pakai dalam solat?*

R6: *Guru menggunakan kaedah soal jawab. Guru meminta murid mencari maklumat melalui internet secara berkumpulan dan perlu mencari isi penting berkaitan tajuk. Guru sebagai pembimbing membantu murid mengakses maklumat. Kemudian guru meminta murid membentangkan maklumat yang diterima dihadapan kelas. Kemudian sesi sumbangsaran dijalankan.*

Kenyataan tersebut menunjukkan guru Pendidikan Islam menggalakkan amalan penyelesaian masalah dan pemikiran kreatif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Guru juga menggalakkan murid berdikari mencari maklumat dan berani melontarkan idea-idea baru berdasarkan maklumat yang di cari.

Guru Pendidikan Islam juga menekankan kepada murid untuk pertimbangkan dalil dan fakta serta menilai sumber sebelum samada dipercayai atau tidak sebelum membuat keputusan seperti kenyataan berikut:

*R2: Setiap tajuk memang ada dalil. Jadi saya amat menekankan. Walaupun pada awalnya murid akan 'blur' tapi lama-lama dia akan ok. Dalam bidang akhlak tidak banyak sangat dalil al-Quran tetapi perlu sebut perkara itu dari Sunnah nabi Muhammad s.a.w. Jadi secara tidak langsung nanti murid akan membuat keputusan dengan mengatakan: "oh, ini dari ayat al-Quran dan oh, ini Sunnah nabi".*

#### d. Strategi Pengajaran yang Diamalkan Guru

Jadual 4.9 Amalan pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam dari strategi pengajaran yang diamalkan guru

No	Strategi pengajaran yang diamalkan guru	Min	Sisihan Piawai
1	Saya mengaplikasi taksonomi objektif pendidikan Bloom sebagai panduan dalam penyediaan aras yang berbeza	3.58	0.74
2	Saya menyoal soalan terbuka aras tinggi berbanding soalan terbuka aras rendah yang boleh dijawab dengan jawapan yang spesifik	3.46	0.66
3	Saya menggunakan pengurusan grafik khusus untuk mengurus kemahiran berfikir dan komunikasi verbal	3.49	0.67
4	Saya mendorong pelajar menyelesaikan tugas dalam kumpulan yang kecil	3.81	0.62
5	Saya mempelbagaikan arahan antara individu, kumpulan kecil dan perbincangan kelas	3.95	0.60
	Keseluruhan	3.66	0.51

Jadual 4.9 menunjukkan item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah Saya mempelbagaikan arahan antara individu, kumpulan kecil dan perbincangan kelas (min = 3.95 dan sp = 0.60). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah Saya menyoal soalan terbuka aras tinggi berbanding soalan terbuka aras rendah yang boleh dijawab dengan jawapan yang spesifik (min = 3.46 dan sp = 0.66). Secara keseluruhannya menunjukkan amalan pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam dari aspek strategi pengajaran yang diamalkan guru berada pada tahap tinggi (min = 3.66 dan sp = 0.51).

Dapatan kajian menunjukkan guru Pendidikan Islam mengaplikasi taksonomi objektif pendidikan Bloom sebagai panduan dalam penyoalan aras yang berbeza seperti berikut:

R1: *Memang guna taksonomi Bloom untuk penyoalan dan soalan-soalan itu mengikut tahap murid.*

Dapatan kajian ini juga disokong dengan kenyataan dari responden melalui soalan terbuka iaitu dalam bidang Ibadah bertajuk 'Solat Berjemaah', 'Aurat dalam Kehidupan' dan dalam bidang Akidah '6 Rukun Iman' dan 'Baqaa' didapati responden menggunakan pengurusan grafik khusus untuk mengurus kemahiran berfikir dan komunikasi verbal seperti kenyataan berikut:

R2: *Guru mempamerkan bahan multimedia dan guru menyoal berdasarkan bahan dan murid memberikan jawapan.*

R4: *Guru meminta murid menghuraikan peribahasa 'Bersatu Teguh Bercerai Kita Roboh' dengan memberi contoh benda maujud iaitu sebatang lidi yang dipatahkan dengan seikat lidi.*

R4: *Guru menggunakan gambar bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa, orang tua dan kubur yang menunjukkan kitaran hidup manusia. Guru menyatakan lebih mudah*

*menggunakan kitaran manusia ini kerana ini lebih dekat dengan realiti kehidupan murid.*

*R5: Guru menunjukkan buah oren berkulit dan tidak berkulit. Guru bersoal jawab; buah oren mana yang kamu pilih dan kenapa?*

*R5: Guru menunjukkan ikatan tali yang mati dan ikatan tali yang longgar. Kemudian guru kaitkan ibarat tali yang ikatan mati menunjukkan akidah yang kuat dan tali yang ikatan longgar menunjukkan akidah yang lemah.*

*R6: Guru menggunakan tayangan video cara solat berjemaah sebagai pengayaan kepada murid-murid.*

*R7: Guru menunjukkan gambar pisang dan meminta murid memilih antara buah pisang yang sudah dibuka kulit dengan belum dibuka kulit.*

Selain itu, dalam tajuk-tajuk pembelajaran lain juga, responden telah mempelbagaikan arahan kepada individu, kumpulan kecil dan perbincangan kelas melalui jawapan responden seperti berikut:

*R2: Murid-murid lain membuat rumusan.*

*R3: Perbincangan kumpulan tentang faedah dan akibat kewajipan menutup aurat dan kemudian sesi pembentangan di dalam kelas.*

### e. Sikap Guru yang Menggalakkan Pemikiran Pelajar

Jadual 4.10 Amalan pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam dari aspek sikap guru yang menggalakkan pemikiran pelajar

No	Sikap guru yang menggalakkan pemikiran pelajar	Min	Sisihan Piawai
1	Saya memberikan masa berfikir kepada murid untuk membentuk respon semasa melakukan kerja kumpulan	3.98	0.45
2	Saya memberikan masa menunggu sebelum mengharapakan sesuatu respon daripada murid	4.02	0.47
3	Saya menyoal beberapa soalan untuk menjadikan respon murid lebih jelas dan berkembang	4.08	0.43
4	Saya dengan cepat mempertimbangkan semula respon murid	3.92	0.54
5	Saya mempertimbangkan dan menerima idea ganjil yang diutarakan oleh murid	3.88	0.51
6	Saya berfikiran terbuka dan menilai sesuatu berdasarkan alasan yang baik	4.00	0.41
7	Saya mencari penerangan yang lebih mendalam jika perkara itu tidak jelas	4.00	0.45
8	Saya menggunakan maklumat yang relevan dalam interaksi dan perbincangan	4.00	0.45
	Keseluruhan	3.98	0.37

Jadual 4.10 menunjukkan item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah Saya menyoal beberapa soalan untuk menjadikan respon murid lebih jelas dan berkembang (min = 4.08 dan sp = 0.43). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah Saya mempertimbangkan dan menerima idea ganjil yang diutarakan oleh murid (min = 3.88 dan sp = 0.51). Secara keseluruhannya menunjukkan amalan pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam dari aspek sikap guru yang menggalakkan pemikiran murid berada pada tahap tinggi (min = 3.98 dan sp = 0.37).

Data kajian ini disokong melalui kenyataan guru Pendidikan Islam berkaitan guru memberikan masa menunggu sebelum mengharapkan sesuatu respon daripada murid dan menyoal beberapa soalan untuk menjadikan respon murid lebih jelas dan berkembang seperti berikut:

*R2: Selesai sesi penerangan saya akan buka soalan. Budak memang suka berfikir. Saya perlu tanya 'nak tanya apa?' Kalau budak tidak mahu bertanya 'kita yang perlu tanya mereka'. Kadang-kadang perlu sebut nama. Kalau tidak buat soalan murid akan senyap saja. Selain itu, perlunya guru bersoal jawab kerana murid-murid ini lebih suka bermain. Biasanya bila ada murid yang bertanya kita akan kembangkan lagi soalan. Kadang-kadang perkataan yang kita gunakan pun akan ditanya.*

Kenyataan seperti di atas ini berlaku pada murid yang berfikiran tahap sederhana dan rendah berdasarkan kedudukan kelas mereka.

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan guru Pendidikan Islam menggunakan maklumat yang relevan dalam interaksi dan perbincangan dalam tajuk Baqa' seperti berikut:

*R4: Perlu kaitkan dengan kehidupan, keluarga, adik-beradik dan nenek. Contoh lain tidak nampak sangat.*

Begitu juga sebagaimana kenyataan seorang responden seperti berikut:

*R2: Kita perlu banyakkkan soal jawab dan memberi contoh-contoh yang paling minimum di sekitar murid. Apa sahaja di sekitar ini boleh dijadikan contoh dan mengikut kreativiti guru tersebut.*

Guru Pendidikan Islam juga mengamalkan berfikiran terbuka serta bersedia menerima jawapan-jawapan ganjil dari murid seperti kenyataan berikut:

*R4: Perlu berfikiran terbuka supaya mereka lebih mudah memberi pandangan. Kalau tidak mereka akan tersekat memberi pandangan.*



Selain itu, guru Pendidikan Islam mempunyai sikap memberi penerangan yang lebih mendalam jika perkara itu tidak jelas seperti berikut:

R2: *Saya memberi contoh dalam tajuk 'Pekerjaan nabi Muhammad s.a.w', jika tidak bekerja akan mengakibatkan jenayah berleluasa. Kenapa banyak jenayah? Sebab menganggur. Jadi akan ada yang merompak, mencuri dan sebagainya. Murid akan terus memberi respon.*

Dapatan kajian menunjukkan, guru Pendidikan Islam mempunyai sikap dan respon yang baik terhadap pengajaran KBAT di dalam kelas semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Berdasarkan analisis statistik deskriptif di atas, maka amalan pengajaran kemahiran berfikir guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah di Sekolah Rendah dapat dirumsukan seperti berikut.

Jadual 4.11 Amalan pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah di Sekolah Rendah.

No	Pengajaran KBAT	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Kemahiran Berfikir Aras Rendah	4.08	0.44	Tinggi
2	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	3.84	0.47	Tinggi
3	Amalan Pelbagai Bentuk Kemahiran Berfikir	3.79	0.50	Tinggi
4	Strategi Pengajaran Yang Diamalkan Guru	3.66	0.51	Tinggi
5	Sikap Guru Yang Menggalakkan Pemikiran Pelajar	3.98	0.37	Tinggi
	keseluruhan	3.89	0.36	Tinggi

Jadual 4.11 menunjukkan bahawa setiap aspek dalam amalan pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah di Sekolah Rendah berada pada tahap tinggi. Aspek kemahiran berfikir aras tinggi (min = 4.08 dan sp = 0.44) merupakan aspek yang mempunyai min yang paling tinggi. Seterusnya diikuti oleh aspek sikap guru yang menggalakkan pemikiran pelajar (min = 3.98 dan sp = 0.37), kemahiran berfikir aras tinggi (min = 3.84 dan sp = 0.47), amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir (min = 3.79 dan sp = 0.50) dan strategi pengajaran yang diamalkan guru (min = 3.66 dan sp = 0.51). Secara keseluruhannya amalan pengajaran kemahiran berfikir guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah di Sekolah Rendah berada pada tahap tinggi (min = 3.89 dan sp = 0.36).

### **4.3.3 Perbezaan Persepsi Guru Pendidikan Islam terhadap Pengajaran KBAT Berdasarkan Pengalaman Mengajar**

Analisis MANOVA dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan persepsi guru pendidikan islam terhadap pengajaran KBAT berdasarkan pengalaman mengajar. Sebelum analisis MANOVA dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjalankan ujian bagi memastikan syarat menggunakan ujian Manova dipenuhi seperti berikut.

#### **i. Normality**

Ujian normality dijalankan bagi mendapatkan sama ada data bertabur normal atau terpencong. Normaliti ditentukan melalui kaedah statistik. Kaedah statistik yang dipilih adalah ujian Skewness dan Kurtosis yang menggunakan skor Z-Skewness dan Z-Kurtosis. Skor Z-Skewness dan Z-Kurtosis diperolehi dengan cara membahagikan nilai Skewness dan nilai Kurtosis dengan ralat piawai. Data dikatakan bertabur normal atau

normaliti memenuhi syarat apabila nilai Skewness dan Kurtosis antara -1.0 dan +1.0 serta skor Z-Skewness dan Z-Kurtosis berada pada julat -1.96 dan +1.96 atau  $-1.96 < Z\text{-skor} < 1.96$  (Hair et al., 1998). Hasil analisis normality menunjukkan statistik skewness dan kurtosis skala pengajaran KBAT guru berpengalaman kurang dari 10 tahun (-0.43, -0.45) dan guru berpengalaman lebih dari 10 tahun (-0.33, -0.46) masih berada pada julat -1.0 dan +1. Begitu juga dengan skor Zskewness dan Zkurtosis skala pengajaran KBAT guru berpengalaman kurang dari 10 tahun (-1.60, -0.85) dan guru berpengalaman lebih dari 10 tahun (-0.96, -0.69) dan masih berada pada julat -1.96 dan +1.96. Oleh itu, mengikut garis panduan ini, persepsi guru pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT berdasarkan pengalaman mengajar memenuhi kriteria normaliti.

#### ii. Linearity

Ujian linearity dijalankan bagi menentukan pembolehubah yang dikaji mempunyai hubungan yang linear atau tidak secara signifikan. Pembolehubah mempunyai hubungan yang linear apabila nilai signifikan linearity kurang dari 0.05. Hasil ujian linearity menunjukkan bahawa pengajaran KBAT dalam kalangan guru pendidikan Islam dari aspek nilai pengajaran KBAT, efikasi guru dan sokong kurikulum dan sekolah mempunyai hubungan yang linear dengan nilai  $\text{sig} = 0.00$  ( $p < 0.05$ ). Oleh itu, syarat linearity bagi menggunakan ujian Manova dalam kajian ini telahpun dicapai.

#### iii. Kesamaan Varians Kovarian

Kesamaan varians ditentukan melalui matrik kehomogenan varian-kovarian (*homogeneity of the varians-covariance matrices*) dengan menggunakan ujian Box's M (*Box's M test*). Analisis ujian Box's M menunjukkan tidak terdapat perbezaan varian-

*covarian* yang signifikan dalam kalangan pembolehubah bersandar untuk semua aras pembolehubah bebas dengan nilai  $F = 1.945$  dan  $\text{sig} = 0.070$  ( $p > 0.001$ ). Ini bermakna, varian-covarian pembolehubah bersandar adalah homogenus merentasi pemboleh ubah bebas. Berdasarkan syarat di atas, maka ujian Manova boleh dijalankan bagi melihat perbezaan persepsi guru pendidikan islam terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi berdasarkan pengalaman mengajar (Pallant 2007). Hasil analisis Manova dapat dilihat seperti berikut.

Jadual 4.12 *Wilks' Lambda* perbezaan persepsi guru pendidikan islam terhadap pengajaran KBAT berdasarkan pengalaman mengajar

Kesan	Nilai Wilks' Lambda	Nilai F	DK antara kumpulan	DK Dalam Kumpulan	Sig	$\eta^2$
Pengalaman	0.99	0.25	1	128	0.86	0.01

Jadual 4.12 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi guru pendidikan islam terhadap pengajaran KBAT berdasarkan pengalaman mengajar dengan nilai Wilks'  $\lambda = 0.99$ ,  $F(1, 128) = 0.25$  dan  $\text{sig} = 0.86$  ( $p > 0.05$ ). Ujian eta square menunjukkan nilai 0.01. Bermakna, kesan perbezaan tersebut ialah kecil (Cohen, 1988). Ini menunjukkan hipotesis nol ( $H_0$ ) adalah gagal ditolak. Perbezaan bagi setiap aspek dalam persepsi guru pendidikan Islam terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi berdasarkan pengalaman mengajar dengan lebih terperinci seperti berikut.

Jadual 4.13 Manova perbezaan persepsi guru pendidikan islam terhadap pengajaran KBAT berdasarkan pengalaman mengajar

Persepsi guru	Pengalaman	N	Min	Sisihan piawai	Type III jumlah kuasa dua	df	Jumlah kuasa dua	F	Sig.	$\eta^2$
Nilai Pengajaran KBAT	Kurang 10 tahun	82	3.98	0.46	0.01	1	0.01	0.01	0.91	0.00
	Lebih dari 10 tahun	48	3.99	0.53						
Efikasi Guru	Kurang 10 tahun	82	3.70	0.49	0.01	1	0.01	0.01	0.91	0.00
	Lebih dari 10 tahun	48	3.69	0.61						
Sokongan Kurikulum dan Sekolah	Kurang 10 tahun	82	3.46	0.45	0.11	1	0.11	0.56	0.46	0.01
	Lebih dari 10 tahun	48	3.52	0.41						

Jadual 4.13 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi guru pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT dari aspek nilai pengajaran KBAT [ $F = 0.01$  dan  $\text{sig} = 0.91$ ,  $p > 0.05$ ], efikasi guru [ $F = 0.01$  dan  $\text{sig} = 0.91$ ,  $p > 0.05$ ] dan sokongan kurikulum dan sekolah [ $F = 0.46$  dan  $\text{sig} = 0.46$ ,  $p > 0.05$ ] berdasarkan pengalaman mengajar. Nilai eta square bagi ilai pengajaran KBAT (0.00), efikasi guru (0.00) dan sokongan kurikulum dan sekolah (0.01) yang memberi makna bahawa kesan perbezaan yang ditunjukkan ialah kecil (Cohen, 1988). Dari segi min menunjukkan guru berpengalaman lebih dari 10 tahun (Min = 3.99) mempunyai nilai pengajaran KBAT yang lebih tinggi berbanding guru berpengalaman kurang dari 10 tahun (min = 3.98). Begitu juga dengan sokongan kurikulum dan sekolah, guru berpengalaman lebih dari 10 tahun (Min = 3.52) mempunyai sokongan kurikulum dan sekolah yang lebih tinggi berbanding guru berpengalaman kurang dari 10 tahun (min = 3.46). Manakala bagi efikasi guru pula menunjukkan guru berpengalaman kurang dari 10 tahun (Min = 3.70) mempunyai efikasi guru yang lebih tinggi berbanding guru berpengalaman lebih dari 10 tahun (min = 3.69). Namun, masing-masing perbezaan min persepsi guru pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT tersebut tidak signifikan.

#### **4.3.4 Perbezaan Persepsi Guru Pendidikan Islam terhadap Pengajaran KBAT Berdasarkan Lokasi**

Analisis MANOVA dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan persepsi guru pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT berdasarkan lokasi. Sebelum analisis MANOVA dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjalankan ujian bagi memastikan syarat menggunakan ujian Manova dipenuhi seperti berikut.

##### **i. Normality**

Hasil analisis normality menunjukkan statistik skewness dan kurtosis skala ama pengajaran KBAT guru bandar (-0.47, -0.29) dan guru luar bandar (-0.33, -0.53) masih berada pada julat -1.0 dan +1. Begitu juga dengan skor Zskewness dan Zkurtosis skala pengajaran KBAT guru bandar (-1.32, -0.42) dan guru luar bandar (-1.25, -1.03) dan masih berada pada julat -1.96 dan +1.96. Oleh itu, mengikut garis panduan ini, persepsi guru pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT berdasarkan lokasi memenuhi kriteria normaliti.

##### **ii. Linearity**

Ujian linearity dijalankan bagi menentukan pembolehubah yang dikaji mempunyai hubungan yang linear atau tidak secara signifikan. Pembolehubah mempunyai hubungan yang linear apabila nilai signifikan linearity kurang dari 0.05. Hasil ujian linearity menunjukkan bahawa pengajaran KBAT dalam kalangan guru pendidikan Islam dari aspek nilai pengajaran KBAT, efikasi guru dan sokong kurikulum dan sekolah mempunyai hubungan yang liner dengan nilai sig = 0.00 ( $p < 0.05$ ). Oleh itu, syarat linearity bagi menggunakan ujian Manova dalam kajian ini telahpun dicapai.

### iii. Kesamaan Varians Kovarian

Kesamaan varians ditentukan melalui matrik kehomogenan varian-kovarian (*homogeneity of the varians-covariance matrices*) dengan menggunakan ujian Box's M (*Box's M test*). Analisis ujian Box'M menunjukkan tidak terdapat perbezaan *varian-covarian* yang signifikan dalam kalangan pembolehubah bersandar untuk semua aras pembolehubah bebas dengan nilai  $F = 1.16$  dan  $\text{sig} = 0.33$  ( $p > 0.001$ ). Ini bermakna, varian-covarian pembolehubah bersandar adalah homogenus merentasi pemboleh ubah bebas. Berdasarkan syarat di atas, maka ujian Manova boleh dijalankan bagi melihat perbezaan persepsi guru pendidikan Islam terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi berdasarkan lokasi (Pallant 2007). Hasil analisis Manova dapat dilihat seperti berikut.

Jadual 4.14 *Wilks' Lambda* perbezaan persepsi guru pendidikan islam terhadap pengajaran KBAT berdasarkan lokasi

Kesan	Nilai Wilks' Lambda	Nilai F	DK antara kumpulan	DK Dalam Kumpulan	Sig	$\eta^2$
Lokasi	0.99	0.26	1	128	0.85	0.01

Jadual 4.14 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi guru pendidikan islam terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi berdasarkan lokasi dengan nilai Wilks'  $\lambda = 0.99$ ,  $F(1, 128) = 0.26$  dan  $\text{sig} = 0.85$  ( $p > 0.05$ ). Ujian eta square menunjukkan nilai 0.01. Bermakna, kesan perbezaan tersebut ialah kecil (Cohen, 1988). Ini menunjukkan hipotesis nol ( $H_0$ ) adalah gagal ditolak. Perbezaan bagi setiap

aspek dalam persepsi guru pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT berdasarkan lokasi dengan lebih terperinci seperti berikut.

Jadual 4.15 Manova perbezaan persepsi guru pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT berdasarkan lokasi

Persepsi guru	Lokasi	N	Min	Sisihan piawai	Type III jumlah kuasa dua	df	Jumlah kuasa dua	F	Sig.	$\eta^2$
Nilai Pengajaran KBAT	Bandar	45	3.98	0.44	0.00	1	0.00	0.01	0.98	0.00
	Luar bandar	85	3.98	0.51						
Efikasi Guru	Bandar	45	3.74	0.53	0.14	1	0.14	0.47	0.49	0.01
	Luar bandar	85	3.68	0.54						
Sokongan Kurikulum dan Sekolah	Bandar	45	3.52	0.37	0.08	1	0.08	0.44	0.51	0.01
	Luar bandar	85	3.47	0.46						

Jadual 4.15 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi guru pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT dari aspek nilai pengajaran KBAT [ $F = 0.01$  dan  $\text{sig} = 0.98$ ,  $p > 0.05$ ], efikasi guru [ $F = 0.47$  dan  $\text{sig} = 0.49$ ,  $p > 0.05$ ] dan sokongan kurikulum dan sekolah [ $F = 0.44$  dan  $\text{sig} = 0.51$ ,  $p > 0.05$ ] berdasarkan lokasi. Nilai eta square bagi ilai pengajaran KBAT (0.00), efikasi guru (0.01) dan sokongan kurikulum dan sekolah (0.01) yang memberi makna bahawa kesan perbezaan yang ditunjukkan ialah kecil (Cohen, 1988). Dari segi min menunjukkan guru bandar (Min = 3.98) mempunyai nilai pengajaran KBAT yang sama dengan guru luar bandar (min = 3.98). Manakala efikasi guru menunjukkan guru bandar (Min = 3.74) mempunyai efikasi yang lebih tinggi berbanding guru luar bandar (min = 3.68). Begitu juga sokongan kurikulum dan sekolah, guru bandar (Min = 3.52) mempunyai sokongan kurikulum dan sekolah yang lebih tinggi berbanding guru luar bandar (min = 3.47). Namun, masing-masing perbezaan min persepsi guru pendidikan Islam terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi tersebut tidak signifikan berdasarkan lokasi.



#### **4.3.5 Perbezaan Amalan Pengajaran KBAT Guru Pendidikan Islam Di Dalam Bilik Darjah Di Sekolah Rendah Berdasarkan Pengalaman Mengajar**

Analisis MANOVA dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan amalan pengajaran KBAT guru pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar. Sebelum analisis MANOVA dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjalankan ujian bagi memastikan syarat menggunakan ujian Manova dipenuhi seperti berikut.

##### **i. Normality**

Hasil analisis normality menunjukkan statistik skewness dan kurtosis skala amalan pengajaran KBAT guru berpengalaman kurang dari 10 tahun (-0.42, 0.83) dan guru berpengalaman lebih dari 10 tahun (-0.43, 0.44) masih berada pada julat -1.0 dan +1. Begitu juga dengan skor Zskewness dan Zkurtosis skala amalan pengajaran KBAT berpengalaman kurang dari 10 tahun (-1.56, 1.57) dan guru berpengalaman lebih dari 10 tahun (-1.24, 0.65) dan masih berada pada julat -1.96 dan +1.96. Oleh itu, mengikut garis panduan ini, perbezaan amalan pengajaran KBAT guru pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar memenuhi kriteria normaliti.

##### **ii. Linearity**

Ujian linearity dijalankan bagi menentukan pembolehubah yang dikaji mempunyai hubungan yang linear atau tidak secara signifikan. Pembolehubah mempunyai hubungan yang linear apabila nilai signifikan linearity kurang dari 0.05. Hasil ujian linearity menunjukkan bahawa amalan pengajaran KBAT dalam kalangan guru pendidikan Islam dari aspek amalan pengajaran KBAT seperti amalan pengajaran kemahiran berfikir aras rendah, amalan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi, amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir, strategi pengajaran yang diamalkan guru dan sikap guru yang menggalakkan pemikiran pelajar mempunyai hubungan yang linear dengan nilai  $\text{sig} = 0.00$  ( $p < 0.05$ ). Oleh itu, syarat linearity bagi menggunakan ujian Manova dalam kajian ini telahpun dicapai.

### iii. Kesamaan Varians Kovarian

Kesamaan varians ditentukan melalui matrik kehomogenan varian-kovarian (*homogeneity of the varians-covariance matrices*) dengan menggunakan ujian Box's M (*Box's M test*). Analisis ujian Box's M menunjukkan tidak terdapat perbezaan *varian-covarian* yang signifikan dalam kalangan pembolehubah bersandar untuk semua aras pembolehubah bebas dengan nilai  $F = 1.167$  dan  $\text{sig} = 0.290$  ( $p > 0.001$ ). Ini bermakna, varian-covarian pembolehubah bersandar adalah homogenus merentasi pemboleh ubah bebas. Berdasarkan syarat di atas, maka ujian Manova boleh dijalankan bagi melihat perbezaan amalan pengajaran KBAT guru pendidikan islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar (Pallant 2007). Hasil analisis Manova dapat dilihat seperti berikut.

Jadual 4.16 *Wilks' Lambda* perbezaan amalan pengajaran KBAT guru pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar

Kesan	Nilai Wilks' Lambda	Nilai F	DK antara kumpulan	DK Dalam Kumpulan	Sig	$\eta^2$
Pengalaman	0.95	1.45	1	128	0.21	0.06

Jadual 4.16 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan pengajaran KBAT guru pendidikan islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar dengan nilai Wilks'  $\lambda=0.95$ ,  $F(1, 128) = 1.45$  dan sig = 0.21 ( $p>0.05$ ). Ujian eta square menunjukkan nilai 0.06. Bermakna, kesan perbezaan tersebut ialah kecil (Cohen, 1988). Ini menunjukkan hipotesis nol ( $H_0$ ) adalah gagal ditolak. Perbezaan bagi setiap aspek dalam amalan pengajaran KBAT guru pendidikan islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar dengan lebih terperinci seperti berikut.

Jadual 4.17 Manova perbezaan amalan pengajaran KBAT guru pendidikan islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar

Amalan	Pengalaman	N	Min	Sisihan piawai	Type III jumlah kuasa dua	df	Jumlah kuasa dua	F	Sig.	$\eta^2$
KBAR	Kurang 10 tahun	82	4.02	0.41	0.75	1	0.75	3.94	0.05	0.03
	Lebih dari 10 tahun	48	4.18	0.47						
KBAT	Kurang 10 tahun	82	3.81	0.42	0.12	1	0.12	0.53	0.47	0.01
	Lebih dari 10 tahun	48	3.88	0.54						

Pelbagai bentuk	Kurang 10 tahun	82	3.77	0.51	0.09	1	0.09	0.36	0.55	0.01
	Lebih dari 10 tahun	48	3.82	0.49						
Strategi pengajaran	Kurang 10 tahun	82	3.60	0.46	0.89	1	0.89	3.54	0.06	0.03
	Lebih dari 10 tahun	48	3.77	0.57						
Sikap guru	Kurang 10 tahun	82	3.96	0.33	0.13	1	0.13	0.95	0.33	0.01
	Lebih dari 10 tahun	48	4.03	0.44						

Jadual 4.17 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan amalan pengajaran KBAT guru pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar dari aspek kemahiran berfikir aras rendah (KBAR) [ $F = 3.94$  dan  $\text{sig} = 0.05$ ,  $p=0.05$ ]. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan pengajaran kemahiran berfikir guru pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar dari aspek amalan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) [ $F = 0.53$  dan  $\text{sig} = 0.47$ ,  $p>0.05$ ], amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir [ $F = 0.36$  dan  $\text{sig} = 0.55$ ,  $p>0.05$ ], strategi pengajaran yang diamalkan guru [ $F = 3.54$  dan  $\text{sig} = 0.06$ ,  $p>0.05$ ] dan sikap guru yang menggalakkan pemikiran pelajar [ $F = 0.95$  dan  $\text{sig} = 0.33$ ,  $p>0.05$ ]. Nilai eta square bagi kemahiran berfikir aras rendah (0.03), kemahiran berfikir aras tinggi (0.01), amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir (0.01), strategi pengajaran yang diamalkan guru (0.03) dan sikap guru yang menggalakkan pemikiran pelajar (0.01) yang memberi makna bahawa kesan perbezaan yang ditunjukkan ialah kecil (Cohen, 1988). Dari segi min menunjukkan guru berpengalaman lebih dari 10 tahun ( $M = 4.18$ ) mempunyai kemahiran berfikir aras rendah yang lebih tinggi berbanding guru berpengalaman

kurang dari 10 tahun (min = 4.02). Begitu juga dengan kemahiran berfikir aras tinggi, guru berpengalaman lebih dari 10 tahun (Min = 3.88) mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi yang lebih tinggi berbanding guru berpengalaman kurang dari 10 tahun (min = 3.81), amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir guru berpengalaman kurang dari 10 tahun (Min = 3.82) mempunyai amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir yang lebih tinggi berbanding guru berpengalaman lebih dari 10 tahun (min = 3.77), guru berpengalaman kurang dari 10 tahun (Min = 3.77) mempunyai strategi pengajaran yang diamalkan guru yang lebih tinggi berbanding guru berpengalaman lebih dari 10 tahun (min = 3.60) dan guru berpengalaman kurang dari 10 tahun (Min = 4.03) mempunyai strategi pengajaran yang diamalkan guru yang lebih tinggi berbanding guru berpengalaman lebih dari 10 tahun (min = 3.96). Namun, perbezaan min tersebut tidak signifikan.

#### **4.3.6 Perbezaan Amalan Pengajaran KBAT Guru Pendidikan Islam Di Dalam Bilik Darjah Di Sekolah Rendah Berdasarkan Lokasi**

Analisis MANOVA dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan amalan pengajaran kemahiran berfikir guru pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan lokasi. Sebelum analisis MANOVA dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjalankan ujian bagi memastikan syarat menggunakan ujian Manova dipenuhi seperti berikut.

##### **i. Normality**

Hasil analisis normality menunjukkan statistik skewness dan kurtosis skala amalan pengajaran kemahiran berfikir guru berlokasi kurang dari 10 tahun (-0.21, 1.00) dan guru berlokasi luar bandar (-0.43, 1.00) masih berada pada julat -1.0 dan +1. Begitu

juga dengan skor Zskewness dan Zkurtosis skala amalan pengajaran KBAT guru berlokasi kurang dari 10 tahun (-0.60, 1.44) dan guru berlokasi luar bandar (-1.63, 1.93) dan masih berada pada julat -1.96 dan +1.96. Oleh itu, mengikut garis panduan ini, perbezaan amalan pengajaran kemahiran berfikir guru pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan lokasi memenuhi kriteria normaliti.

## ii. Linearity

Ujian linearity dijalankan bagi menentukan pembolehubah yang dikaji mempunyai hubungan yang linear atau tidak secara signifikan. Pembolehubah mempunyai hubungan yang linear apabila nilai signifikan linearity kurang dari 0.05. Hasil ujian linearity menunjukkan bahawa amalan pengajaran KBAT dalam kalangan guru pendidikan Islam dari aspek amalan pengajaran kemahiran berfikir seperti amalan pengajaran kemahiran berfikir aras rendah, amalan pengajaran KBAT aras tinggi, amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir, strategi pengajaran yang diamalkan guru dan sikap guru yang menggalakkan pemikiran pelajar mempunyai hubungan yang linear dengan nilai sig = 0.00 ( $p < 0.05$ ). Oleh itu, syarat linearity bagi menggunakan ujian Manova dalam kajian ini telahpun dicapai.

## iii. Kesamaan Varians Kovarian

Kesamaan varians ditentukan melalui matrik kehomogenan varian-kovarian (*homogeneity of the varians-covariance matrices*) dengan menggunakan ujian Box's M (*Box's M test*). Analisis ujian Box'M menunjukkan tidak terdapat perbezaan *varian-covarian* yang signifikan dalam kalangan pembolehubah bersandar untuk semua aras pembolehubah bebas dengan nilai  $F = 0.605$  dan sig = 0.874 ( $p > 0.001$ ). Ini bermakna,

varian-covarian pembolehubah bersandar adalah homogenus merentasi pemboleh ubah bebas. Berdasarkan syarat di atas, maka ujian Manova boleh dijalankan bagi melihat perbezaan amalan pengajaran kemahiran berfikir guru pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan lokasi (Pallant 2007). Hasil analisis Manova dapat dilihat seperti berikut.

Jadual 4.18 *Wilks' Lambda* perbezaan amalan pengajaran KBAT guru pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan lokasi

Kesan	Nilai Wilks' Lambda	Nilai F	DK antara kumpulan	DK Dalam Kumpulan	Sig	$\eta^2$
Lokasi	0.98	0.53	1	128	0.75	0.02

Jadual 4.18 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan pengajaran KBAT guru pendidikan islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan lokasi dengan nilai Wilks'  $\lambda=0.98$ ,  $F(1, 128) = 0.53$  dan sig = 0.75 ( $p>0.05$ ). Ujian eta square menunjukkan nilai 0.02. Bermakna, kesan perbezaan tersebut ialah kecil (Cohen, 1988). Ini menunjukkan hipotesis nol ( $H_0$ ) adalah gagal ditolak. Perbezaan bagi setiap aspek dalam amalan pengajaran kemahiran berfikir guru pendidikan islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan lokasi dengan lebih terperinci seperti berikut.

Jadual 4.19 Manova perbezaan amalan pengajaran KBAT guru pendidikan islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan lokasi

Amalan	Lokasi	N	Min	Sisihan piawai	Type III jumlah kuasa dua	df	Jumlah kuasa dua	F	Sig.	$\eta^2$
KBAR	Bandar	45	4.03	0.43	0.18	1	0.18	0.90	0.35	0.01
	Luar bandar	85	4.11	0.45						
KBAT	Bandar	45	3.75	0.46	0.53	1	0.53	2.45	0.12	0.02
	Luar bandar	85	3.88	0.47						
Pelbagai bentuk	Bandar	45	3.73	0.52	0.24	1	0.24	0.94	0.33	0.01
	Luar bandar	85	3.82	0.49						
Strategi pengajaran	Bandar	45	3.58	0.48	0.45	1	0.45	1.76	0.19	0.01
	Luar bandar	85	3.70	0.52						
Sikap guru	Bandar	45	3.93	0.35	0.22	1	0.22	1.62	0.21	0.01
	Luar bandar	85	4.01	0.38						

Jadual 4.19 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan pengajaran KBAT guru pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan lokasi dari aspek kemahiran berfikir aras rendah (KBAR) [F = 0.90 dan sig = 0.05,  $p > 0.05$ ], amalan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) [F = 2.45 dan sig = 0.12,  $p > 0.05$ ], amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir [F = 0.94 dan sig = 0.33,  $p > 0.05$ ], strategi pengajaran yang diamalkan guru [F = 1.76 dan sig = 0.19,  $p > 0.05$ ] dan sikap guru yang menggalakkan pemikiran pelajar [F = 1.62 dan sig = 0.21,  $p > 0.05$ ]. Nilai eta square bagi kemahiran berfikir aras rendah (0.01), kemahiran berfikir aras tinggi (0.02), amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir (0.01), strategi pengajaran yang diamalkan guru (0.01) dan sikap guru yang menggalakkan pemikiran pelajar (0.01) yang memberi makna bahawa kesan perbezaan yang ditunjukkan ialah kecil (Cohen, 1988). Dari segi min menunjukkan guru luar bandar (Min = 4.11) mempunyai



kemahiran berfikir aras rendah yang lebih tinggi berbanding guru bandar (min = 4.03). Begitu juga dengan kemahiran berfikir aras tinggi, guru luar bandar (Min = 3.88) mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi yang lebih tinggi berbanding guru bandar (min = 3.75), amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir guru luar bandar (Min = 3.82) mempunyai amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir yang lebih tinggi berbanding guru bandar (min = 3.73), guru luar bandar (Min = 3.70) mempunyai strategi pengajaran yang diamalkan guru yang lebih tinggi berbanding guru bandar (min = 3.58) dan guru luar bandar (Min = 4.01) mempunyai strategi pengajaran yang diamalkan guru yang lebih tinggi berbanding guru bandar (min = 3.93). Namun, perbezaan min tersebut tidak signifikan.

#### **4.3.7 Hubungan Persepsi Guru terhadap Pengajaran KBAT dengan Amalan Pengajaran Kemahiran Berfikir**

Ujian korelasi Pearson dijalankan bagi menentukan hubungan antara persepsi guru terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dengan amalan pengajaran kemahiran berfikir. Hasil ujian korelasi Pearson tersebut seperti berikut.

Jadual 4.20 Korelasi Pearson hubungan antara persepsi guru terhadap pengajaran KBAT dengan amalan pengajaran kemahiran berfikir

Hubungan	Amalan pengajaran kemahiran berfikir		Interpretasi
	r	Sig.	
Nilai pengajaran KBAT	0.36	0.00	Sederhana
Efikasi guru	0.57	0.00	Sederhana
Sokongan kurikulum dan sekolah	0.35	0.00	Sederhana

Jadual 4.20 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dari aspek nilai pengajaran KBAT [ $r = 0.36$  dan  $\text{sig} = 0.00$ ,  $p < 0.0$ ], efikasi sendiri [ $r = 0.57$  dan  $\text{sig} = 0.00$ ,  $p < 0.05$ ] dan sokongan kurikulum dan sekolah [ $r = 0.35$  dan  $\text{sig} = 0.00$ ,  $p < 0.05$ ] dengan amalan pengajaran kemahiran berfikir. Masing-masing mempunyai arah hubungan yang positif dan kekuatan hubungan sederhana. Ini bermakna semakin tinggi persepsi guru terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi maka semakin tinggi amalan pengajaran kemahiran berfikir. Oleh itu, hipotesis nol ( $H_0$ ) adalah ditolak.

Dapatan kajian mengenai hubungan antara persepsi guru terhadap KBAT dengan amalan pengajaran KBAT dapat dilihat dengan sokongan dari kenyataan responden dalam persiapan guru dalam mengaplikasikan KBAT seperti berikut:

R1: *Guru melakukan persediaan mental seperti pembacaan isu semasa dan amali untuk mendepani semua konsep KBAT sesuai dengan aras pencapaian murid sekolah.*

R4: *Memahami pelaksanaan KBAT dalam aktiviti pengajaran dengan mendalam.*

R6: *Membuat perancangan awal cara pelaksanaan pdp yang mengaplikasi KBAT dan membuat kajian tentang KBAT dan mendalami melalui bahan bacaan.*

R7: *Perbincangan dengan rakan sejawat tentang isi dan bahan yang sesuai dengan tahap pencapaian murid.*

Kenyataan yang diberikan responden menggambarkan persediaan guru dalam mengamalkan KBAT dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dan selari dengan kenyataan responden berkaitan nilai KBAT dalam Pendidikan Islam.

Walaupun bagaimanapun terdapat beberapa cadangan yang perlu diambil kira untuk memperbaiki lagi perjalanan KBAT dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam iaitu :

R1: *KBAT adalah baik untuk melatih dan mendidik murid berfikir sedikit keluar dari kotak. Namun begitu harus didasarkan kepada aras pencapaian murid.*

R2: *Guru perlu diberi kemahiran untuk melaksanakan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Guru perlu mengadakan bengkel untuk memantapkan aplikasi KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Setelah mahir dan mantap guru perlu membudayakan pelaksanaan KBAT semasa mengajar.*

R3: *Perlu diteruskan kerana dapat menggalakkan murid berfikir dengan lebih kreatif dan kritis, menanamkan semangat berani mencuba dan menggalakkan penglibatan aktif murid secara individu dan berkumpulan.*

R6: *Pdp berbentuk guru sebagai pemudahcara dan murid aktif mencari maklumat. Menggalakkan guru Pendidikan Islam mengadakan bengkel tentang KBAT dalam Pendidikan Islam.*

R7: *Penggunaan KBAT boleh dilaksanakan mengikut tahap kebolehan masing-masing.*

#### 4.4 Rumusan

Kajian ini bertujuan untuk menentukan persepsi guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dan menentukan amalan pengajaran kemahiran berfikir dalam kalangan guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah. Data kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS 23.0. Hasil kajian menunjukkan persepsi guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dan amalan pengajaran kemahiran berfikir dalam kalangan guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berada pada tahap tinggi. Analisis inferensi menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dan amalan pengajaran kemahiran berfikir dalam kalangan guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar dan lokasi. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dengan amalan pengajaran kemahiran berfikir.

Data kajian ini juga disokong berdasarkan jawapan-jawapan yang diberikan responden ketika sesi temu bual dan menjawab soalan terbuka. Antara rumusan tersebut ialah:

- Semua responden mengaplikasikan KBAT semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Malah, responden dapat melihat nilai pengajaran KBAT dalam Pendidikan Islam sebagai salah satu usaha membantu murid berfikir diluar kotak, membudayakan murid memberi pendapat dan pandangan berdasarkan idea-idea baru secara tidak langsung dapat meningkatkan keupayaan berfikir murid.

- Para responden juga menyatakan guru Pendidikan Islam perlu mempersiapkan diri untuk mengaplikasikan KBAT dengan beberapa persediaan seperti persediaan mental perlu kepada pembacaan tentang pelaksanaan KBAT dan isu semasa yang berkaitan serta perlu kepada perbincangan dengan rakan sejawat tentang isi dan bahan yang sesuai dengan tahap pencapaian murid.
- Secara keseluruhannya persepsi responden terhadap pengajaran KBAT adalah positif dan baik dan amalan-amalan yang dijalankan di dalam kelas sama ada yang dirancang secara sedar atau tidak masih terdapat penerapan KBAT semasa sesi pengajaran.

University of Malaysia

## **BAB 5: RUMUSAN**

### **5.1 Pengenalan**

Bab ini mengemukakan ringkasan dan rumusan dari dapatan kajian yang telah dijalankan mengenai persepsi dan amalan pengajaran KBAT dikalangan guru Pendidikan Islam di zon Semenyih daerah Hulu Langat, Selangor. Perbincangan dimulakan dengan rumusan dapatan kajian, implikasi dan senarai cadangan sebagai penambahbaikan pada kajian-kajian yang akan datang.

### **5.2 Rumusan dapatan kajian**

Kajian ini dilaksanakan bagi melihat persepsi guru Pendidikan Islam terhadap KBAT serta amalan yang dilaksanakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di kelas khususnya mengaplikasikan KBAT dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Persepsi guru dilihat dari tiga aspek iaitu aspek nilai terhadap KBAT, aspek efikasi guru dan aspek sokongan yang diterima sama ada dari sumber kurikulum dan sokongan dari pihak sekolah.

Kajian ini juga melihat kepada pengamalan guru Pendidikan Islam mengaplikasikan KBAT dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Amalan-amalan pengajaran dilihat dalam tiga aspek utama iaitu dari sudut ilmu yang diamalkan oleh guru seperti amalan pengajaran kemahiran berfikir aras rendah, amalan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi, amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir, strategi pengajaran KBAT yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam dan sikap guru yang menggalakkan pemikiran murid.

Kajian yang dijalankan kepada 130 orang responden yang menjawab soal selidik dan telah menemubual seramai tujuh orang guru Pendidikan Islam dapat dirumuskan seperti berikut:

### 5.2.1 Persepsi Pengajaran KBAT

Daripada analisis yang dijalankan terhadap persepsi guru dari aspek nilai pengajaran KBAT, didapati min berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.9. Hal ini menunjukkan guru Pendidikan Islam memandang positif terhadap nilai pengajaran KBAT. Jawapan yang diberikan dalam sesi temubual juga menunjukkan guru Pendidikan Islam memberi respon dan pandangan yang baik terhadap nilai pengajaran KBAT dalam Pendidikan Islam. Antaranya ialah KBAT dapat menggalakkan murid untuk berfikir kritis, kreatif dan berfikir luar dari kotak pemikiran serta mewujudkan budaya murid berani memberi pandangan dan idea –idea yang baru selari dengan pendidikan alaf ke 21.

Berdasarkan dapatan kajian min keseluruhan bagi efikasi guru pula ialah 3.80 yang menunjukkan guru berkebolehan mengajar murid untuk berfikir dengan baik namun guru kurang mempunyai kemahiran yang cukup untuk mengembangkan kemahiran berfikir. Ini berdasarkan nilai min yang paling rendah dari aspek efikasi guru iaitu 3.58. Dapatan ini disokong dengan hasil temu bual yang dijalankan yang menunjukkan guru Pendidikan Islam berkeyakinan terhadap nilai KBAT tetapi untuk mengaplikasikannya semasa sesi pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam kurang kemahiran dan pengetahuan mengenai KBAT. Oleh yang demikian, guru Pendidikan Islam perlu didedahkan lagi pengetahuan tentang KBAT dalam pengajaran agar dapat diaplikasikan di dalam kelas. Ini kerana guru mempunyai satu pandangan yang baik dan positif terhadap KBAT dan kemampuan untuk mengajar KBAT tetapi amat rugi jika keyakinan itu tidak disalurkan dengan baik kepada murid.

Hasil analisis kajian mendapati sokongan kurikulum dan sekolah masih berada pada tahap yang sederhana. Data kajian menunjukkan guru besar memainkan peranan yang penting dalam menekankan pengajaran KBAT di sekolah. Kenyataan ini disokong

dari dapatan temu bual guru Pendidikan Islam iaitu pihak sekolah menyediakan bahan bantu mengajar seperti kemudahan ICT, LCD, bahan-bahan berkaitan i-Think dan keperluan lain seperti sesi- sesi penerangan kepada guru Pendidikan Islam di sekolah. Guru Pendidikan Islam juga mendapati kurangnya peranan yang dimainkan oleh kumpulan sokongan iaitu Persatuan Ibu Bapa dan Guru dalam penerapan KBAT di sekolah.

Keseluruhannya, persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT berada pada tahap yang tinggi terutama terhadap nilai pengajaran KBAT dan efikasi guru. Sokongan kurikulum dan sekolah pula berada pada tahap sederhana. Ini membuktikan guru Pendidikan Islam yakin dengan kepentingan KBAT dalam pengajaran dan mempunyai keyakinan dan kesungguhan untuk mengaplikasikannya di dalam bilik darjah. Tetapi pengajaran KBAT ini tidak akan berjaya sekiranya tidak mendapat sepenuhnya sokongan dari sumber kurikulum dan juga pihak sekolah dalam membantu guru Pendidikan Islam.

### **5.2.2 Amalan Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi**

Berdasarkan kajian yang dijalankan, data kajian menunjukkan min amalan pengajaran KBAT di kalangan guru Pendidikan Islam adalah tinggi iaitu 3.89. Amalan pengajaran ini dilihat dari aspek ilmu, kemahiran dan sikap guru. Aspek ilmu terbahagi kepada penguasaan ilmu guru terhadap kemahiran berfikir aras rendah (KBAR), kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan pelbagai bentuk kemahiran berfikir. Aspek kemahiran merujuk kepada kemahiran guru dalam mengatur strategi pengajaran yang diamalkan oleh guru dalam mengaplikasikan KBAT. Sikap guru pula adalah merujuk kepada sikap yang diamalkan oleh guru di dalam kelas terhadap pengajaran KBAT.

Dari sudut amalan pengajaran kemahiran berfikir aras rendah (KBAR), dapatan kajian menunjukkan hampir semua min tinggi pada item pengajaran KBAR. Min yang



paling tinggi ialah guru Pendidikan Islam menekankan murid mengenalpasti cara bacaan dan tajwid dalam sesuatu ayat al-Quran. Min yang menunjukkan tahap yang rendah ialah menggalakkan murid menghafaz ayat dan hadith. Ini menunjukkan pengajaran KBAR memang menjadi amalan guru Pendidikan Islam antara lainnya seperti mendefinisikan istilah, penerangan konsep hukum dan kesan, menunjukcara, menyenaraikan dan mengkategorikan. Dapatan dari temu bual juga mendapati guru sering menekankan definisi istilah seperti *al-Rahman* dan *al-Rahim* dalam pengajaran akidah. Selain itu, guru Pendidikan Islam juga meminta murid untuk membuat aktiviti menyenaraikan seperti menyenaraikan rukun Iman, amalan-amalan yang dituntut dan yang di larang oleh Allah. Kaedah menunjuk cara adalah aktiviti penting dalam mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya dalam bidang Ibadah. Sama ada tunjuk cara itu dilakukan oleh guru, murid atau melalui bahan tayangan. Dari dapatan kajian, guru amemberi peluang murid yang melakukan tunjuk cara terlebih dahulu bagi melihat kefahaman sedia ada murid.

Jelas menunjukkan di sini bahawa, dalam mata pelajaran Pendidikan Islam item pengajaran KBAR amat penting ditekankan kerana ia melibatkan perkara asas dan dasar dalam sesuatu ilmu Pendidikan Islam. Dari penguasaan ilmu asas inilah yang akan membantu murid dalam menyelesaikan masalah dan membuat sesuatu keputusan atau hukum.

Dari sudut amalan pengajaran KBAT secara keseluruhannya tahap bacaan min berada pada tahap yang tinggi. Min yang paling tinggi adalah item membanding beza kekuatan dan kelemahan, kebaikan atau keburukan sesuatu perkara. Dapatan dari temu bual menunjukkan guru Pendidikan Islam mengamalkan aktiviti membanding beza sama ada banding beza dari segi istilah seperti *al-Rahman* dan *al-Rahim* dan juga dari sudut sah atau tidak solat berdasarkan pakaian yang dipamerkan untuk dipakai semasa solat. Guru Pendidikan Islam kerap juga membuat hubungkait seperti bagaimana murid

membuat perancangan untuk berjaya dalam peperiksaan dengan perancangan yang dirangka oleh Nabi Muhammad dalam memastikan kejayaan tersebarnya Islam pada ketika itu. Guru juga menghubungkan pensyariatan menutup aurat dengan isu – isu gejala sosial yang berlaku kini serta kesannya. Selain itu, guru Pendidikan Islam menggabungkan isi pengetahuan daripada pelbagai untuk menyelesaikan masalah seperti menggabungkan Pendidikan Islam dan Sains semasa pengajaran al-Quran. Guru mengaitkan ayat al-Quran iaitu bagaimana percambahan biji benih dengan kewujudan Allah. Adapun min pada penggunaan hujah dan pendapat adalah paling rendah iaitu 3.69. Guru juga menyatakan aktiviti mengeluarkan hujah agak sukar dilaksanakan kerana melihat aras pemikiran dan ilmu sedia ada murid.

Bagi amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir, secara keseluruhannya menunjukkan pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam berada pada tahap yang tinggi. Min yang paling tinggi ialah memberi masalah berdasarkan situasi semasa dan meminta murid menyelesaikan masalah (penyelesaian masalah) dan menggalakkan murid untuk melontarkan idea baru (pemikiran kreatif). Ini disokong dengan dapatan temu bual yang dijalankan seperti pengajaran dan pembelajaran di bawah tajuk Pekerjaan Nabi Muhammad s.a.w. Guru memberikan situasi kepada murid dan murid menyelesaikan masalah bagi situasi tersebut melalui kaedah penyoalan yang dilontarkan oleh guru. Guru juga menggalakkan murid untuk melontarkan idea dengan meminta murid mengakses maklumat di dalam internet kemudian murid membentangkannya di hadapan kelas.

Data kajian menunjukkan guru mementingkan murid untuk mempertimbangkan dalil dan fakta sebelum memutuskan segala penyelesaian masalah yang terbaik (penyelesaian masalah) berada pada tahap yang paling rendah dengan bacaan min 3.62. Data ini juga di sokong dengan kenyataan guru Pendidikan Islam yang mengatakan pada peringkat awal murid agak sukar untuk mempertimbangkan dalil sebelum

memutuskan penyelesaian masalah tetapi sekiranya diamalkan sentiasa dalam sesi pengajaran murid akan mudah menerima dan mengamalkannya. Dari kenyataan tersebut menunjukkan, kekerapan guru mengamalkan aktiviti yang melibatkan pelbagai bentuk kemahiran berfikir akan membantu murid mengembangkan daya fikiran mereka dan seterusnya dapat mengaplikasikan KBAT dengan baik.

Dari sudut strategi pengajaran yang diamalkan oleh guru, secara keseluruhannya min berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.66. Guru mempelbagaikan arahan antara individu, kumpulan kecil dan perbincangan kelas mempunyai min yang paling tinggi iaitu 3.95. Manakala guru menyoal soalan terbuka aras tinggi berbanding soalan terbuka aras rendah yang boleh di jawab dengan jawapan yang spesifik berada pada tahap yang paling rendah iaitu 3.46. Dapatan temubual juga mendapati kebanyakan guru Pendidikan Islam menggunakan kaedah penyoalan secara terbuka aras rendah. Data ini di sokong dengan kajian oleh Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus yang menunjukkan kaedah penyoalan dalam pengajaran KBAT dikalangan guru Pendidikan sememangnya wujud cuma soalan itu tidak distrukturkan di dalam keadaan yang tersusun mengikut aras rendah, sederhana dan tinggi<sup>227</sup>. Guru Pendidikan Islam juga menggunakan pengurusan grafik khusus untuk mengurus kemahiran berfikir dan komunikasi verbal dengan baik seperti penggunaan bahan mautud, gambar, tayangan video dan bahan multimedia. Seterusnya guru Pendidikan Islam bersoal jawab berdasarkan bahan-bahan tersebut dan dikaitkan dengan isi pelajaran. Selain itu, guru Pendidikan Islam juga mempelbagaikan arahan antara individu, kumpulan kecil dan perbincangan kelas. Aktiviti seperti ini dapat membina keberanian dan keyakinan di dalam diri murid untuk melontarkan idea.

---

<sup>227</sup>Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus “Pelaksanaan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Menerusi Kaedah Penyoalan Berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ( KBAT)”, *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3,1 2017.

Bagi sikap guru yang menggalakkan pemikiran murid, dapatan kajian menunjukkan amalan pengajaran dari aspek ini berada pada tahap yang tinggi. Item guru menyoal beberapa soalan untuk menjadikan respon murid lebih jelas dan berkembang berada pada tahap yang paling tinggi iaitu 4.08. Data ini disokong dengan kenyataan guru Pendidikan Islam yang menggunakan kaedah penyoalan sebagai salah satu cara mencungkil tahap kefahaman dan mengembangkan daya pemikiran murid. Bahkan kaedah penyoalan dilihat sebagai salah satu kaedah yang penting digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Secara tidak langsung kaedah penyoalan ini dapat mewujudkan interaksi dan perbincangan di antara guru dan murid. Begitu jugalah sebagaimana yang diamalkan oleh baginda Nabi Muhammad s.a.w dan Imam Abu Hanifah ketika pengajaran dan kuliah kepada para sahabat dan anak muridnya. Dapatan juga menunjukkan tahap penyoalan juga bergantung kepada aras pemikiran murid. Guru Pendidikan Islam juga menggunakan maklumat relevan iaitu menggunakan soalan dan penerangan situasi yang lebih dekat dengan murid agar murid lebih mudah memahami isi pelajaran.

Dalam menerima jawapan yang dikemukakan oleh murid, guru Pendidikan Islam perlu lebih terbuka dan menilai sesuatu berdasarkan alasan yang baik. Sebagaimana yang dinyatakan oleh guru Pendidikan Islam, guru sememangnya perlu berfikiran terbuka dan bersedia menerima idea yang ganjil agar murid berani memberikan pandangan.

Secara keseluruhan amalan pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam mendapati setiap aspek amalan pengajaran KBAT di dalam bilik darjah di sekolah rendah berada pada tahap yang tinggi. Didapati amalan pengajaran kemahiran berfikir aras rendah berada pada tahap yang paling tinggi. Data menunjukkan guru Pendidikan Islam kerap menggunakan kemahiran berfikiran aras rendah berbanding kemahiran berfikir aras tinggi. Perkara ini mungkin kerana murid-murid masih berada di sekolah rendah dan

masih belum bersedia dengan kemahiran berfikir yang lebih tinggi seperti mengeluarkan hujah dan menggabungkan isi pengetahuan daripada pelbagai bidang untuk menyelesaikan masalah. Kenyataan ini disokong melalui dapatan temu bual yang menyatakan guru Pendidikan Islam tidak yakin untuk mengemukakan aktiviti atau soalan yang tinggi kerana ditakuti murid tidak akan faham. Hal ini selari dengan dapatan kajian Norasmahani et.al iaitu cabaran guru Pendidikan Islam untuk melaksanakan KBAT dalam matapelajaran Pendidikan Islam ialah pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan murid yang berbeza tahap seperti tahap sederhana dan rendah<sup>228</sup>.

### **5.2.3 Perbezaan Persepsi Guru Pendidikan Islam antara Pengalaman Mengajar Dan Lokasi**

Hasil analisis kajian yang dilakukan terhadap persepsi guru Pendidikan Islam berdasarkan pengalaman mengajar mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Walaupun begitu, dapatan kajian menunjukkan guru Pendidikan Islam yang berpengalaman mengajar lebih dari 10 tahun mempunyai nilai pengajaran KBAT dan sokongan kurikulum dan sekolah yang lebih tinggi berbanding guru yang kurang 10 tahun pengalaman mengajar. Tetapi dari aspek efikasi guru pula menunjukkan guru berpengalaman yang kurang dari 10 tahun menunjukkan efikasi diri yang lebih tinggi berbanding guru berpengalaman lebih dari 10 tahun. Dapatan ini menunjukkan guru Pendidikan Islam yang lebih muda mempunyai daya kesungguhan dan semangat yang lebih tinggi untuk mengaplikasikan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran.

---

<sup>228</sup> Norasmahani Hj Nor, Nur Sofiah Suhaimi, Nur Syamira Abdul Wahab, Mohd Khushairi Che Ismail, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak, "Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah: Satu Tinjauan di Putrajaya" (*Proceeding: 7<sup>th</sup> International Seminar on Regional Education, Educational Community and Cultural Diversity, November 5-7 2015*).

Dari segi lokasi pula, tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT. Namun, dapatan kajian menunjukkan guru bandar mempunyai nilai pengajaran KBAT yang sama dengan guru luar bandar. Dari aspek efikasi guru dan sokongan kurikulum dan sekolah pula, menunjukkan guru bandar mempunyai efikasi dan sokongan yang tinggi berbanding guru luar bandar. Namun begitu, pengajaran KBAT berdasarkan pengalaman mengajar dan lokasi menunjukkan kesan perbezaan yang kecil dan min persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT adalah tidak signifikan.

#### **5.2.4 Perbezaan Amalan Pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam berdasarkan pengalaman mengajar dan lokasi.**

Hasil analisis Manova mendapati terdapat perbezaan yang signifikan amalan pengajaran KBAT berdasarkan pengalaman mengajar dari aspek KBAR. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam berdasarkan pengalaman mengajar dari aspek pengajaran KBAT, amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir, strategi pengajaran yang diamalkan guru dan sikap guru yang menggalakkan pemikiran murid. Dapatan kajian menunjukkan guru berpengalaman mengajar lebih 10 tahun mempunyai KBAR dan KBAT lebih tinggi berbanding guru yang pengalaman kurang dari 10 tahun. Tetapi guru berpengalaman kurang dari 10 tahun mempunyai amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir, strategi pengajaran dan sikap guru yang menggalakkan pemikiran murid lebih tinggi berbanding guru yang berpengalaman mengajar lebih dari 10 tahun. Namun begitu perbezaan min adalah tidak signifikan.

Dari segi lokasi pula, data menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan pengajaran KBAT guru Pendidikan Islam berdasarkan lokasi dari

aspek KBAR, KBAT, amalan pelbagai bentuk kemahiran berfikir, strategi pengajaran yang diamalkan oleh guru dan sikap yang menggalakkan pemikiran murid. Dapatan kajian menunjukkan guru luar bandar mempunyai min yang lebih tinggi berbanding guru bandar dari ke semua aspek amalan pengajaran KBAT. Namun, perbezaan min di antara item tidak signifikan.

### **5.2.5 Hubungan Antara Persepsi dan Amalan Pengajaran KBAT**

Hasil dapatan kajian kolerasi, menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap KBAT dari aspek nilai pengajaran, efikasi sendiri dan sokongan kurikulum dan sekolah dengan amalan pengajaran KBAT. Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Sukiman Saad, Noor Shah Saad dan Mohd Uzi Dollah yang juga mendapati terdapatnya hubungan kolerasi yang kuat antara persepsi guru terhadap KBAT dan amalan pengajaran berfikir. Hubungan ini juga dapat dilihat hasil dari temu bual yang dijalankan kepada guru Pendidikan Islam yang mempunyai pandangan dan persepsi yang baik terhadap KBAT dan juga mengamalkan pengajaran KBAT di dalam kelas sama ada secara sedar atau tidak. Kajian ini menggambarkan masing-masing mempunyai hubungan yang positif dan kekuatan hubungan yang sederhana. Oleh itu, semakin tinggi persepsi positif terhadap KBAT maka semakin tinggi amalan pengajaran KBAT yang akan dilaksanakan.

### **5.3 Implikasi kajian**

Beberapa implikasi kajian dapat disenaraikan seperti berikut :

1. Tugas menyampaikan dan mengajar Islam secara rasminya di sekolah adalah guru Pendidikan Islam. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan

Islam khususnya dalam mengaplikasikan KBAT adalah bergantung kepada guru Pendidikan Islam. Justeru, penguasaan terhadap ilmu dan kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu dikuasai guru agar objektif pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan. Ilmu bukan sahaja berasaskan ilmu pengetahuan dalam bidang Pendidikan Islam bahkan merangkumi ilmu kemahiran dan pedagogi di dalam kelas serta ilmu pengetahuan yang melibatkan KBAT. Pada asasnya, pendekatan yang dimainkan guru mempunyai implikasi yang besar dalam keberksanan pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks pengajaran KBAT, guru perlu ilmu dan kemahiran untuk menguasainya. Bukan ilmu sahaja yang diperlukan malah guru perlu berkeyakinan serta bersungguh dalam memastikan murid-murid mampu mengembangkan daya pemikiran mereka dalam erti kata lain, guru Pendidikan Islam perlu mempunyai efikasi diri yang tinggi.

2. Dalam memastikan KBAT dapat dilaksanakan dalam pengajaran di sekolah khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, sokongan dari segi kurikulum dan sekolah amat diperlukan. Guru besar berperanan menyemai serta sentiasa menggalakkan guru-guru mengapikasi KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran selari dengan pendidikan abad ke 21. Sokongan dari segi latihan, bengkel dan bahan-bahan bantu mengajar pengajaran amat diperlukan oleh para guru.
3. Hasil penelitian pengkaji mendapati pengetahuan guru Pendidikan Islam tentang KBAT terbatas dan tidak dapat diaplikasikan dengan baik di dalam kelas. Guru Pendidikan Islam lebih menggunakan pendekatan KBAR berbanding KBAT seperti kaedah tunjuk cara dan menyenaraikan. Adapun, pendekatan seperti mengeluarkan hujah dan pendapat tidak dapat dijalankan dengan baik di dalam kelas kerana kerisauan guru Pendidikan Islam terhadap aras dan tahap pemikiran murid. Tidak dapat dinafikan juga, tahap pemikiran murid juga menjadi faktor



yang di ambil kira dalam melaksanakan KBAT dalam pengajaran. Walaupun begitu, dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, aktiviti – aktiviti yang melibatkan KBAR adalah penting kerana ia merupakan asas kepada ilmu Islam seperti membaca, mendefinisi, menghafaz dan menunjuk cara. Kaedah menunjuk cara salah satu kaedah yang terbaik untuk diaplikasikan dalam bidang Ibadah khususnya. Permasalahan yang timbul dari bidang Ibadah ini boleh dikembangkan dengan menggunakan KBAT.

4. Strategi pengajaran yang digunakan di dalam di kelas menyumbang kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Kaedah yang paling popular digunakan dikalangan guru Pendidikan Islam ialah kaedah penyoalan. Dari penggunaan kaedah ini guru Pendidikan Islam dapat memastikan tahap pemahaman dan pemikiran murid terhadap isi pelajaran. Melalui kaedah ini juga guru dapat mengembangkan idea dan isi pelajaran dengan lebih baik dan berkesan. Seterusnya dapat mencungkil kemahiran berfikir murid. Pengajaran berpusatkan murid dapat melihat kemahiran murid berkomunikasi dan memainkan peranan dalam menyelesaikan tugas yang diberi. Disamping melatih murid agar berdikari dan berani menghadapi cabaran. Namun, guru Pendidikan Islam bertanggungjawab membimbing murid sepanjang aktiviti yang dijalankan.
5. Sebagai seorang guru terutamanya guru Pendidikan Islam amat penting mempunyai sikap dan budi pekerti yang tinggi agar menjadi ikutan dan contoh kepada murid. Sikap guru perlulah sentiasa positif dan berdaya saing dalam usaha memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks pengajaran KBAT, guru perlu mempunyai sikap yang baik terhadap pelaksanaan KBAT. Antara sikap yang perlu ada pada guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran KBAT adalah seperti berfikiran terbuka menerima pendapat murid,

memberi ruang dan peluang kepada murid untuk melontarkan idea, sabar dalam menerima jawapan yang ganjil serta sentiasa memberi respon yang baik kepada jawapan murid. Sikap sebegini menjadikan murid lebih berani melontarkan idea, berkeyakinan memberi jawapan dan mencetuskan pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Selain itu, kekerapan guru Pendidikan Islam mengaplikasikan pengajaran KBAT mampu melatih minda murid agar lebih pro aktif dan akhirnya melahirkan murid yang mempunyai aras berfikir yang tinggi.

#### **5.4 Cadangan**

Berdasarkan rumusan yang telah dibincangkan, berikut adalah cadangan-cadangan penambaan pada kajian yang akan datang :

1. Pengajaran KBAT dapat dimantapkan lagi dengan persediaan guru Pendidikan Islam menerima KBAT seterusnya mengaplikasikan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru Pendidikan Islam perlu didedahkan dengan maklumat dan ilmu berkaitan KBAT melalui bengkel dan kursus sama ada di dalam sekolah ataupun di luar sekolah seperti mengadakan sesi bengkel semasa latihan dalam perkhidmatan (LADAP). Sebagai contoh bengkel dan kursus ini boleh diadakan secara kerjasama dari Institut Pendidikan Guru Malaysia yang secara tidak langsung boleh memberi tunjuk ajar pedagogi yang terbaik untuk mengaplikasikan KBAT.
2. Pihak sekolah juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan pengajaran KBAT terlaksana. Pihak pentadbiran seperti guru besar, guru-guru penolong kanan dan ketua panitia perlu sentiasa mengingatkan guru agar KBAT menjadi salah satu perkara yang perlu ditekankan oleh guru Pendidikan Islam di dalam kelas. Selain itu, keadaan kelas yang kondusif dan bahan-bahan bantu

mengajar yang sesuai selari dengan pengajaran KBAT hendaklah diambil kira dan boleh mendapatkan sokongan dari Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

3. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan pihak sekolah perlu menyediakan lebih banyak bahan-bahan bacaan sama ada yang bercetak atau di laman web khas berkaitan KBAT sebagai sumber kepada guru-guru untuk membuat rujukan berkaitan KBAT.
4. Selain itu, kajian terhadap pengajaran KBAT boleh dikembangkan lagi berfokuskan kepada nilai dan elemen KBAT yang terdapat di dalam buku teks. Kajian juga boleh dilakukan di kalangan murid berkaitan pelaksanaan KBAT semasa pengajaran dan pembelajaran berfokuskan kepada bidang-bidang dalam mata pelajaran Pendidikan Islam seperti dalam bidang akidah dan ibadah.

## BIBLIOGRAFI

Buku

Al Quran

- Ab. Halim Tamuri dan Nik Mod Rahimi Nik Yusoff, *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.
- Abd. Rahim Abd Rashid, *Kemahiran Berfikir Merentasi Kurikulum Pendekatan Pedagogi dan Wawasan Pendidikan Bestari*. Shah Alam, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1999.
- Abdullah al-Amin al-Na'miy, *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi*, terj. Mohd Ramzi Omar Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Anshari al-Qurtubi, *al-Jami' al Ahkam al Quran*, Jilid ke-5, Beirut: Dar al-Kutub al 'Ilmiyyah, 1996.
- Abdul Fattah Abu Ghuddah al-Halabi, *Rasulullah Pendidik Terulung*, terj. Shuhadak Mahmud, Seremban: Al-Azhar Media, 2013.
- Abdul Salam Muhamad Shukri, *Panduan Mengajar Akidah kepada Kanak-kanak*, Bentong: PTS PUBLICATIONS & DISTRIBUTOR SDN. BHD., 2003.
- Al-Munjid Fi Al-Lughah Wa Al-Ilam*, (Beirut: *Dār āl- Māṣyriq*, 1994).
- Muhammad Hamid al- Afendi dan Ahmed Nabi Baloch, *Kurikulum dan Pendidikan Guru*, terj. Ahmad Jafni Hassan, Mohamad Nordin Zainuddin dan Asiah Idris. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Ahmad Mohd. Salleh, *Pendidikan Islam, Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1997.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan, *Berfikir Secara Logik & Kritis*, Pahang: PTS Millenia Sdn. Bhd., 2005.
- Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, *Pemikiran Logikal dan Kritikal*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1996.
- Alec Fisher, *Critical Thinking An Introduction*, UK: Cambridge University Press, 2001.
- Al-Ghazzali, *Ihja' al-Ghazali*, terj. Ismail Yakub, Surabaya: FAIZAN, 1966.

- \_\_\_\_\_, *Intisari Falsafah al-Ghazzali*, terj. H. Rus'an. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd, 2000.
- \_\_\_\_\_, *Mukhtasar Ihya' Uhumuddin*, terj. Ibnu Yasin, Johor: Perniagaan Jahabersa, 2012.
- \_\_\_\_\_, *Penyakit-Penyakit Hati*, terj. Muhammad Labib Ahmad. Kota Bharu: Syarikat Dian Sdn. Berhad, 1979.
- \_\_\_\_\_, *Penyelamat dari Kesesatan*, terj. H. Rus'an, Batu Caves: Thinker's Library, 2000.
- \_\_\_\_\_, *Rahsia Hati yang Menakjubkan*, terj. Nur Ashiqah Md. Ridlwan, Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, 2000.
- Arthur L. Costa, *Teacher Behavior That Enable Student Thinking dalam Developing Mind: A Resource Book for Teaching Thinking*, (Virginia: Association for Supervision and Curriculum Development, 2001).
- Chet Meyers, *Teaching Students to Think Criticallay*, California: Jossey-Bass Inc., Publishers, 1986.
- Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan Buku 2*, Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education, 2012.
- Ghazali Darusalam & Sufea Hussin, *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016.
- George A. Miller & Philip N. Johnson-Laird, *Language and Perception*, Cambridge: Syndics of the Cambridge University Press, 1976.
- Hasan Langgulung, *Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke 21*. Shah Alam: HIZBI Sdn. Bhd., 1991.
- Hassan Langgulung, *Pengenalan Tamadun Islam dalam Pendidikan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.
- Ibn Khaldun, *Mukadimah Ibn Khaldun*, terj., Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Ibn Kathir, *Tafsir al-Qurān al 'Azīm*, Jilid ke-2, Beirut: Dar al-Fikr, 1994.
- John Arul Philips, *Pengajaran Kemahiran Berfikir Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1997.
- Kamarul Azmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, Johor Bharu: Penerbit UTM PRESS, 2013.

- Kamus Dewan*. Ed. ke- 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam Tahun Lima* (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia).
- Kementerian Pelajaran Malaysia, Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, *KBAT Inisiatif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di Sekolah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Sokongan Komuniti dan Swasta untuk Meningkatkan Elemen KBAT, Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, 2014.
- Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia, *Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi*. 2013.
- Martin Heidegger, *What Is Called Thinking?*, New York; Harper & Row Publishers, 1968.
- Mohd Azhar Abdul Hamid, Meningkatkan Daya Fikir, Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2007.
- Mohd Azhar Abd Hamid, Pengenalan Pemikiran Kritis & Kreatif, Johor: Penerbit UTM, 2001.
- Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Khairul Naim Che Nordin, *Akidah dan Pembangunan Modal Insan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012.
- Mohd Kamal Hassan, *Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu*, Kuala Lumpur: NURIN ENTERPRISE, 1988.
- Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Mohd Micheal Abdullah, *Pemikiran Kritis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Mohd Sani Ibrahim et al. *Strategi Implementasi: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, tt.
- Mohd Zaidi Ismail, *Islam and Higher Order Thinking: An Overview*, Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2014.

- Mustakin, *Indeks Al Quran Panduan Mencari Ayat Al Quran*, Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa, 2010.
- Nik Azis Nik Pa, ed., *Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab Berteraskan Pendekatan Islam Hadhari*. Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, 2007.
- Noor Hisham Md. Nawi, *Sinergisme Pemikiran Islam Kritis Kreatif*, Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan, 2014.
- Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd, 2013.
- Othman Talib, *Asas Penulisan Tesis, Penyelidikan dan Statistik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2013.
- Poh Swee Hiang, *Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 2000.
- Rajendran N.S, *Teaching and Acquiring Higher Order Thinking Skills Theory Dan Practise*. Tanjong Malim, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2008.
- Raymond S. Nickerson, David N. Perkins & Edward E. Smith, *The Teaching of Thinking*, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers, 1985.
- Richard W. Paul & Linda Elder, *Critical Thinking*, New Jersey: Pearson Education, Inc., 2002.
- Rosnani Hashim, *Educational Dualisme in Malaysia Implications for Theory and Practice*, Kuala Lumpur: The Other Press, 2004.
- Royce P. Jones, *Foundations of Critical Thinking*, Orlando: Harcourt College Publishers, 2001.
- Saad al- Din al- Taftazani, *Syarah al 'Aqāid al Nasafiah*,, tahqiq Ahmad Hijazi al-Saqa, Kaherah: Maktabah al-Kuliyyah al-Azhariah, 1988.
- Sayyid Qutb, *Fī Zilāli al Qurān*, Jilid ke-4, Kaherah: Dar al-Syuruq, 1990.
- Sharifah Alwiah Al Sagoff, *Ilmu Pendidikan: Pedagogi*. Kuala Lumpur Heinemann Asia. 1983.

Sidek Baba, *Tajdid Ilmu dan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading Sdn. Bhd., 2011.

Som Hj. Nor dan Mohd Dahalan Mohd Ramli, *Kemahiran Berfikir Secara Kritis & Kreatif (KBKK)*. Petaling Jaya: Pearson Education, 1998.

Suzalie Mohamad, *Memahami Isu-isu Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur; Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2003.

Shafiyurrahman al-Mubarakfuri], *āl-Miṣḥbāh āl-Mūnir fī Ṭāhẓīb Ṭāfṣīr Ibn Kāṭhīr*. Shah Tafsir Ibn Kathir, terj. Ahmad Saikhu, Jakarta: Pustaka Ibn Kathir, 2013.

Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*,

Tracy Bowell & Gary Kemp, *Critical Thinking A Concise Guide*, London and New York: Routledge Taylor & Francis Group, 2010.

Unesco, *Information and Communication Technology in Education: A Curriculum for schools dan Programme of Teacher Development*. France: Division of Higher Education UNESCO, 2002.

Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2014.

Wan Mohd Nor Wan Daud, *Masyarakat Islam Hadhari Suatu Tinjauan Epistemologi dan Kependidikan ke Arah Penyatuan Pemikiran Bangsa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

Yusuf al-Qardhawi, *al 'Aql wa al 'Ilm fī al Qurān al Karīm*, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996.

### **Disertasi dan Tesis**

Abdul Rahman bin Siraj, “Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif dalam Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam di Sekolah Menengah dalam Daerah Muar, Johor.” Tesis sarjana, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2005.



Ismail bin Abbas, Kesan Kaedah Penyelesaian Masalah Pengajarn Akidah Terhadap Peningkatan Kemahiran Berfikir Kritis di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat.” Tesis kedoktoran, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2001.

Mohd Nuri Al-Amin bin Endut, “ Islamic Critical Thinking: A Study on the Perception of Muslim Engineering Students in Malaysian Higher Learning Institutions.” Tesis kedoktoran, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2013.

Zaharah binti Hussin, Analisis Kandungan Kemahiran Berfikir Kritis dalam Buku Teks Pendidikan Islam (KBSM).” Tesis sarjana, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 1995.

## **Jurnal**

Abu Bakar Nordin, “Kurikulum Kearah Penghasilan Kemahiran Berfikir Kritis, Kreatif dan Inovatif”, *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 1, 2013.

John Arul Phillip, “Memperkembangkan Daya Pemikiran Pelajar Melalui Mata Pelajaran KBSM,” *Jurnal Pendidikan Guru Malaysia*, no 8, 1992.

Marlina Ali & Shaharom Noordin, “Hubungan Antara Kemahiran Berfikir Kritis Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia” *Jurnal Teknologi* 52, Mei 2010.

Mohd Anuar Mamat dan Wan Suhaimi Wan Abdullah, “ Adab-adab guru Menurut Imam Abu Hanifah: Kajian Terhadap *Wasiyyah Abi Hanifah li Abi Yusuf*”, *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 7, 2014.

\_\_\_\_\_, “Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Abu Hanifah dalam Kitab al-‘Alim wa al-Muta’allim”, *Jurnal AFKAR*, 11, 2010.

Mohd Fauzi Hamat et al, “Penerapan Pemikiran Kritis Menerusi Silibus Pendidikan Islam, KBSM: Kajian di SMKA Negeri Melaka”, *Jurnal AFKAR Akidah dan Pemikiran Islam* 8, 2010.

Mohd Syaubari bin Othman dan Ahmad Yunus bin Kassim, “Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di dalam Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Menurut Imam Ghazali”, 3,2, 2016.

\_\_\_\_\_, “Keberkesanan Permulaan Pengajaran Menerusi Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Negeri Perak”, *Online Journal of Islamic Education*, 4, 2, 2016.

- \_\_\_\_\_, Konsep Malakah ibn Khaldun Dalam konteks Pengajaran yang Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2, 2, 2017.
- \_\_\_\_\_, “Konsep Pengajaran Akidah Kepada Kanak-kanak Menurut al-Quran dan Imam Ghazali Berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)”, *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 10, 2017.
- \_\_\_\_\_, “Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Berdasarkan Model Dick and Carey di Negeri Perak”, *International Academic Research Journal of Social Science*, 3, 2, 2017.
- \_\_\_\_\_, “Pelaksanaan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Menerusi Kaedah Penyoalan Berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)”, *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3, 1, 2017.
- Nooriza Kassim dan Effandi Zakaria, “Integrasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Analisis Keperluan Guru” *Jurnal Pendidikan Matematik* 3 (1), 2015.
- Norfadelah Nordin dan Ahmad Tijani Surajudeen, “Islamic Theoretical Model for Critical Thinking in Teaching and Learning of Islamic Education”, *Jurnal Of Education*, 3, 2015.
- Nur Syamira Abdul Wahab, Maimun Aqsha Abdin Lubis & Aisyah Sjahrony, “Aplikasi Permainan Bahasa Bermultimedia Ke Arah Memacu Peningkatan Kefahaman al-Quran dan Jawi”, *Asean Comparative Education Reseachr Journal on Islam and Civilization*, 1, no 1, 2016.
- Sharifah Nor Puteh et.al, “Keprihatinan Guru Bahasa Melayu Dalam Melaksanakan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif”, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM* 2, no 2.
- Sukiman Saad et.al, “Pengajaran Kemahiran Berfikir: Persepsi dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah”, *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia* 2, no 1.
- Rosnani Hashim, “Investigation on The Teaching of Critical and Creative Thinking in Malaysia”, *Jurnal Pendidikan Islam* 10, 1, 2002.
- Rosnani Hashim, “Keberkesanan Program “Falsafah Untuk Kanak-Kanak” Terhadap Kemahiran Membaca dan Berfikir Kritis: Kajian Kes di Sebuah Sekolah Rendah”, *Jurnal Pendidikan Islam* 12, 1.

W.A. Wan Ismail et.al, “ Kesediaan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Selngor terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran”, *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*, 3, 1, 2016.

### **Kertas Kerja**

Vijayaletmy Muniyandy dan Selvam Narayanasamy, “Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di Sekolah Menengah : Tinjauan Terhadap Tahap Pengetahuan Guru-guru Tentang KBAT dan Perlaksanaanya”, ( Kertas Kerja, Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan ( SPPK), Institut Pendidikan Guru Malaysia, IPG Kampus Ilmu Khas, 5-7 Julai 2015)

Adnan Abd Rashid, Elemen Pemikiran Aras Tinggi Dalam Kurikulum Pendidikan Islam (Persidangan Meja Bulat “Membina Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 9 September 2014.

Caroline@ Lorena David dan Abdul Said Ambotang, “Profesionalisme Guru Novis dalam Pengurusan Pengetahuan, Kesediaan Mengajar dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Terhadap Pelaksanaan Pengajaran di Sekolah” (Kertas Kerja, Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, 11 Disember 2014)

Faridah Che Hussain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, “Pembentukan Akhlak Mulia Mahasiswa Melalui Penerapan Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah: Suatu Pendekatan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di IPT” ( Kertas Kerja, Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah Dan Kesejahteraan Sosial, 18-19 Ogos 2008)

Maureen Shyamala Rajamoney, “HOTS In Writing Skills in the Classroom among Students in a Secondary School in Seremban, Malaysia” ( Kertas Kerja, Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan ( SPPK), Institut Pendidikan Guru Malaysia, IPG Kampus Ilmu Khas, 5-7 Julai 2015)

Mohamad Zakaria Mat Khazani & Norhani Bebe Binti Alta Miah, “ Peranan Sokongan dan Kerjasama ke atas Penglibatan Peserta Kursus Pementapan Pedagogi Pendidikan Agama Islam Sekolah Rendah Zon Tengah Dalam Penghasilan Projek Inovasi” (Kertas Kerja, Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan ( SPPK), Institut Pendidikan Guru Malaysia, IPG Kampus Ilmu Khas, 5-7 Julai 2015)

Mustapha Kamal bin Ahmad Kassim, “Persepsi Siswa Guru Diploma Pendidikan Lepas Ijazah Program Pelajar Cemerlang Terhadap Aplikasi Kemahiran Berfikir

Aras Tinggi Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur) ( Kertas Kerja, Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan ( SPPK), Institut Pendidikan Guru Malaysia, IPG Kampus Ilmu Khas, 5-7 Julai 2015)

N. S Rajendran, “Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Kesiediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran dan Pembelajaran ( Kertas Kerja Seminar / Pameran Projek KBKK; Poster ‘Warisan-Pendidikan-Wawasan’, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1-2 Ogos 2001)

N.S Rajendran, “Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Kesiediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran dan Pembelajaran” (Kertas Kerja, Seminar/ Projek KBKK: Poster ‘Warisan – Pendidikan – Wawasan’, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1-2 Ogos 2001)

Nor Hasmaliza Hasan dan ZAmri Mahamod, “Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran” (Kertas Kerja, Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Keempat, Fakulti Pendidikan UKM dan Jabatan Pengajian Melayu IPG Kampus Batu Lintang, 5-8 Mac 2015)

Norasmahani Hj Nor, Nur Sofiah Suhaimi, Nur Syamira Abdul Wahab, Mohd Khushairi Che Ismail, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak, “ Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah: Satu Tinjauan di Putrajaya” ( *Proceeding: 7<sup>th</sup> International Seminar on Regional Education, Educational Community and Cultural Diversity, November 5-7 2015*).

Norasmahani Hj. Nor, Zulkefli Aini & Khadijah Abdul Razak, “Impak Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Dalam Menjana kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pendidikan Islam” ( Kertas Kerja, International Seminar on Trabiyyah ( ISoT), Fakulti Pendidikan KUIS, PIMM dan UIN Ar Raniry Banda Aceh, 5-8 Mac 2015.

Noornajihan Jaafara ; Ab. Halim Tamurib et.al, The Importance of Self-Efficacy : A Need For Islamic Teachers as Murabbi, International Conference on Education and Educational Psychology (ICEEPSY 2012).

Norlela binti Ali et al., “Aplikasi Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kalangan Guru Pelatih” ( Kertas Kerja, Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan ( SPPK), Institut Pendidikan Guru Malaysia, IPG Kampus Ilmu Khas, 5-7 Julai 2015).

- Nur Aida Muhammad dan Mohd Aderi Che Noh, “Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ( KBAT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah” (Kertas kerja, Wacana pendidikan Islam siri ke-10, Fakulti Pendidikan UKM dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, Wisma MAJlis Agama Islam Sabah, 15-16 Disember 2014)
- Rosnani Hashim, “Memenuhi Aspirasi Kemahiran Berfikir Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Menerusi Inkuiri Dan Pedagogi Filosofiyah Dalam Kalangan Guru” (kertas kerja, Persidangan Majlis Dekan Fakulti Pendidikan, Johor Bharu, 7-9 Oktober 2012)
- Sarimah binti Kamrin dan Shaharom bin Noordin, “Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikir Kritis Pelajar Sains Tingkatan Empat di Daerah Kulai Merentas Etnik” ( Kertas Kerja, Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains dan Matematik, Persatuan Pendidikan Sains dan Matematik Johor, Fakulti Pendidikan UTM & JPN Johor, 11-12 Oktober 2008)
- Samsoo Sa-U & Nik Suryani Nik Abd Rahman, “ Factors Influencing Teachers’ Perceptions on Teaching Thinking : A case Study in Kuala Lumpur, Malaysia” ( Kertas Kerja, The 4<sup>th</sup> International Postgraduate Research Colloquium IPRC Proceedings, International Islamic University Malaysia), 148
- Sukiman Saad et.al, “ Pengajaran Kemahiran Berfikir: Persepsi dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah”, Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia 2, no 1
- Syed Ismail bin Syed Mustapa et al., “Kegunaan dan Amalan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pengajaran Semasa Praktikum Fasa II, 2014” (Kertas Kerja, Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan ( SPPK), Institut Pendidikan Guru
- W.A Wan Ismail,W.I Muhammad, M.A. Lubis dan M.I. Hamzah, “ Kesediaan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Selangor terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran”, *Journal of Advanced Applied Sciences and Engineering Technology ISSN (online)*, jilid 3, no 1 ( 2016).
- Yee Mei Heong et al., “Penggunaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Marzano Dalam Penjaanaan Idea” (Kertas Kerja, Seminar Majlis Dekan Pendidikan IPTA, Shah Alam, 2-3 Ogos 2010)